

**Bil. 43**

**Isnin  
10 Julai 2006**



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEBELAS  
PENGKAL KETIGA  
MESYUARAT KEDUA**



## K A N D U N G A N

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 1)

### **USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PM 18(1)**

- Suruhanjaya Diraja Siasatan Awam Terhadap Bailout Tajuddin-MAS  
*Y.B Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timor)* (Halaman 23)

### **RANG UNDANG-UNDANG:**

- Rang Undang-undang Perdagangan Elektronik 2006 (Halaman 24)
- Rang Undang-Undang Kawalan Bekalan (Pindaan) 2006 (Halaman 33)
- Rang Undang-Undang Kumpulan Wang Yayasan  
Tunku Abdul Rahman (Pindaan) 2006 (Halaman 61)

### **USUL:**

- Menangguhkan Mesyuarat Di Bawah PM 16(3) (Halaman 79)

### **UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN:**

- Kadar Pertumbuhan Luar Biasa Penduduk Sabah  
*Y.B. Datuk Wilferd Madius Tangau [Tuaran]* (Halaman 79)
- Ng Swee Liang Dianiayai Oleh Majlis Perbandaran Ampang Jaya  
*Y.B. Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]* (Halaman 83)



**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib, PSM., SPCM., AMN., JP. (Pasir Salak) - UMNO
2. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, PJN., PIS. (Kulai)-MCA
3. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Yusof bin Yacob, PGDK., ADK. (Sipitang) - UMNO

**MENTERI**

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) - UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) – UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, S.P.M.P., D.P.M.P. (Tanjong Piai) – MCA
4. “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput) - MIC
5. “ Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas) - GERAKAN
6. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Ranau) – UPKO
7. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd. Effendi bin Norwawi - Senator
8. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz, S.P.M.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) - UMNO
9. “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) - UMNO
10. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) - UMNO
11. “ Menteri Penerangan, Datuk Zainuddin bin Maidin (Merbok) - UMNO
12. “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn, D.C.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) - MCA
13. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) - UMNO
14. “ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar) – UMNO
15. “ Menteri Pelajaran, Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) - UMNO

16. Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu) - UMNO
17. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato’ Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.G.P.N., D.I.M.P. (Lembah Pantai) - UMNO
18. “ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato’ Dr. Haji Jamaludin bin Dato’ Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) - UMNO
19. “ Menteri Pengangkutan, Dato’ Sri Chan Kong Choy, S.S.A.P., D.S.A.P., D.P.M.S., (Selayang) – MCA.
20. “ Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop - Senator
21. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Dato’ Zulhasnan Rafique, D.I.M.P., A.M.N., (Setiawangsa) - UMNO
22. “ Menteri Pelancongan, Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor (Putrajaya) - UMNO
23. “ Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP
24. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) - UMNO
25. “ Menteri Pengajian Tinggi, Dato’ Mustapa Mohamed (Jeli) - UMNO
26. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato’ Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S., D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M., D.P.M.P., D.S.D.K. (Shah Alam) - UMNO
27. “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato’ Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasir Gudang) - UMNO
28. “ Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato’ Seri Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) - UMNO
29. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) - PBS
30. “ Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Chua Soi Lek (Labis) - MCA
31. “ Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina binti Othman Said (Pengerang) - UMNO
32. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Prof. Dato’ Dr. Abdullah bin Md. Zin (Besut) - UMNO

#### **TIMBALAN MENTERI**

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mah Siew Keong (Telok Intan) - GERAKAN
2. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Douglas Uggah Embas (Betong) - PBB
3. “ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak) - MCA

4. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor) - MIC
5. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Liow Tiong Lai (Bentong) - MCA
6. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato’ Seri Mohd. Shariff bin Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor) – UMNO
7. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai) - UMNO
8. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato’ Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) - UMNO
9. “ Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Anifah bin Haji Aman (Kimanis) - UMNO
10. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading) - SPDP
11. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P. (Raub) - MCA
12. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing) - UMNO
13. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato’ Hon Choon Kim (Seremban) - MCA
14. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M. Kayveas, P.J.N. (Taiping) - PPP
15. “ Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO
16. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) - MCA
17. “ Timbalan Menteri Penerangan, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera) - GERAKAN
18. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Fu Ah Kiow (Kuantan) - MCA
19. “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato’ Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Lenggong) – UMNO
20. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato’ Mohd. Johari bin Baharum (Kubang Pasu) - UMNO
21. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato’ S. G. Sothinathan (Telok Kemang) - MIC
22. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P, A.M.N. (Tapah) - MIC
23. “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Dato’ Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru) - MCA
24. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato’ Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) - UMNO

25. Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) - UMNO
26. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Dato' Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan) - MCA
27. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S. (Sibu) - SUPP
28. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato' Joseph Salang Gandum (Julau) - PBDS
29. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Kong Cho Ha (Lumut) - MCA
30. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ng Lip Yong (Batu) - GERAKAN
31. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Sepang) – UMNO
32. “ Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin) – UMNO
33. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Wira Abu Seman Yusop (Masjid Tanah) - UMNO
34. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Azizah binti Mohd. Dun (Beaufort) – UMNO
35. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Marang) - UMNO
36. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Zainal Abidin bin Osman (Nibong Tebal) - UMNO
37. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) - PBDS
38. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin (Bachok) – UMNO
39. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman - Senator

#### **SETIAUSAHA PARLIMEN**

1. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim (Baling) - UMNO
2. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya (Balik Pulau) - UMNO
3. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dr S. Subramaniam (Segamat) - MIC
4. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Dato' Yong Khoo Seng (Stampin) - SUPP
5. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew (Klang) – MCA
6. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, Tuan Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) - UMNO

7. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim (Batang Lupa) - PBB
8. " Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Puan Noriah binti Kasnon (Sungai Besar) - UMNO
9. " Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim (Pokok Sena) - UMNO
10. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran, Puan Komala Devi (Kapar) – MIC
11. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datin Paduka Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara) - MCA
12. " Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani (Bukit Katil) – UMNO
13. " Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Hoo Seong Chang (Kluang) - MCA
14. " Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, Tuan Yew Teong Look (Wangsa Maju) - MCA
15. " Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Senator Dato' Dr. S. Vijayarantnam - Senator
16. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Adham bin Baba (Tenggara) - UMNO
17. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman (Silam) - UMNO
18. " Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tuan Sazmi bin Miah (Machang) - UMNO
19. " Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' Lee Kah Choon (Jelutong) - GERAKAN
20. " Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Tuan Sa. Vigneswaran (Kota Raja) - MIC

#### **AHLI-AHLI**

1. Yang Berhormat Tuan Aaron Ago Dagang (Kanowit) - PBDS
2. " Brig. Jen. (B) Dato' Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin (Parit Buntar) - UMNO
3. " Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron (Rantau Panjang) - PAS
4. " Datuk Abdul Ghapur bin Salleh (Kalabakan) - UMNO
5. " Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman (Pengkalan Chepa) – PAS
6. " Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir (Kulim Bandar Baharu) - UMNO
7. " Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) - UMNO
8. " Dato' Abdul Rahman bin Ariffin (Jerlun) - UMNO

- 
9. “ Datuk Patinggi Tan Sri Abdul Taib bin Mahmud (Kota Samarahan) - PBB
  10. “ Dato’ Abu Bakar bin Taib (Langkawi) - UMNO
  11. “ Dato’ Seri Adenan bin Satem (Batang Sadong) - PBB
  12. “ Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) - PBB
  13. “ Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz (Titawangsa) - UMNO
  14. “ Dato’ Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin (Jerai) - UMNO
  15. “ Tuan Baharum bin Mohamed (Sekijang) - UMNO
  16. “ Tuan Bernard S. Maraat @ Ben (Pensiangan) - PBRS
  17. “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) - PBDS
  18. “ Datuk Bung Mokhtar bin Radin (Kinabatangan) - UMNO
  19. “ Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman (Kuala Nerus) – UMNO
  20. “ Dato Haji Che Min bin Che Ahmad (Pasir Puteh) - UMNO
  21. “ Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching) - DAP
  22. “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam) - DAP
  23. “ Tuan Chong Hon Min (Sandakan) - BEBAS
  24. “ Dato’ Chor Chee Heung (Alor Star) - MCA
  25. “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong) - DAP
  26. “ Dato’ Chua Jui Meng (Bakri) – MCA
  27. “ Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy (Cameron Highlands) - MIC
  28. “ Tuan Donald Peter Mojuntin (Penampang) – UPKO
  29. “ Ir. Edmund Chong Ket Wah (Batu Sapi) - PBS
  30. “ Tuan Eric Enchin Majimbun (Sepanggar) - SAPP
  31. “ Tuan Haji Fadillah bin Yusof (Petra Jaya) - PBB
  32. “ Dato’ Firdaus bin Harun (Rembau) - UMNO
  33. “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang) - DAP
  34. “ Cik Fong Po Kuan (Batu Gajah) - DAP
  35. “ Dato’ Ghazali bin Ibrahim (Padang Terap) - UMNO
  36. “ Dato’ Goh Siow Huat (Rasah) - MCA
  37. “ Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) - UMNO
  38. “ Datuk Haji Hasan bin Malek (Kuala Pilah) - UMNO
  39. “ Tuan Hashim bin Jahaya (Kuala Kedah) - UMNO
  40. “ Ir. Hasni bin Haji Mohammad (Pontian) - UMNO
  41. “ Tuan Henry Sum Agong (Bukit Mas) - PBB
  42. “ Tan Sri Dato’ Hew See Tong (Kampar) - MCA
  43. “ Tuan Huan Cheng Guan (Batu Kawan) - GERAKAN
  44. “ Datuk Haji Idris bin Haji Haron (Tangga Batu) - UMNO
  45. “ Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib (Maran) - UMNO

46. Yang Berhormat Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said (Kuala Krau) - UMNO
47. “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas) - PAS
48. “ Datuk Ismail Sabri bin Yaakob (Bera) - UMNO
49. “ Dato’ Jacob Dungau Sagan (Baram) - SPDP
50. “ Dr. James Dawos Mamit (Mambong) - PBB
51. “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu) - PBDS
52. “ Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) - SPDP
53. “ Tuan Jimmy Donald (Sri Aman) - PBDS
54. “ Datu Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) - PBS
55. “ Dr. Junaidy bin Abdul Wahab (Batu Pahat) - UMNO
56. “ Datuk Juslie Ajirol (Libaran) - UMNO
57. “ Tan Sri Dato’ Dr. K.S. Nijhar (Subang) - MIC
58. “ Dato’ Kamarudin bin Jaffar (Tumpat) - PAS
59. “ Tuan R. Karpal Singh (Bukit Gelugor) – DAP
60. “ Dato’ Seri Kerk Choo Ting (Simpang Renggam) - GERAKAN
61. “ Tuan Lau Yeng Peng (Puchong) - GERAKAN
62. “ Tan Sri Law Hieng Ding (Sarikei) – SUPP
63. “ Datuk Dr. Leo Michael Toyad (Mukah) - PBB
64. “ Dato’ Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Padang Serai) - MCA
65. “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan) - DAP
66. “ Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timor) - DAP
67. “ Tuan Loh Seng Kok (Kelana Jaya) - MCA
68. “ Dato’ Loke Yuen Yow (Tanjong Malim) – MCA
69. “ Dato’ Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani) - UMNO
70. “ Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat) - DAP
71. “ Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh (Putatan) - UPKO
72. “ Tuan Markiman bin Kobiran (Hulu Langat) - UMNO
73. “ Dato’ Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan (Sabak Bernam) – UMNO
74. “ Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad (Ketereh) – UMNO
75. “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) - UMNO
76. “ Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman (Lipis) - UMNO
77. “ Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat, J. P. (Kuala Krai) - UMNO
78. “ Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim (Kota Bharu) - UMNO
79. “ Tuan Mohd. Daud bin Tarihep (Kuala Selangor) - UMNO
80. “ Dr. Mohd. Hayati bin Othman (Pendang) - PAS
81. “ Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof (Jasin) - UMNO

- 
82. Yang Berhormat Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh) - UMNO
83. " Tuan Mohd. Yusop bin Majid (Setiu) - UMNO
84. " Tuan Nasaruddin bin Hashim (Parit) - UMNO
85. " Datuk Nur Jazlan bin Mohamed (Pulai) - UMNO
86. " Datuk Dr. Rahman bin Ismail (Gombak) - UMNO
87. " Tuan Raimi Unggi (Tenom) – UMNO
88. " Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut) - UMNO
89. " Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib (Pasir Salak) - UMNO
90. " Tuan Razali bin Ibrahim (Muar) - UMNO
91. " Dato' Razali bin Ismail (Kuala Terengganu) – UMNO
92. " Datuk Richard Riot anak Jaem (Serian) - SUPP
93. " Datuk Ronald Kiandee (Beluran) – UMNO
94. " Datuk Rosli bin Mat Hassan (Dungun) - UMNO
95. " Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin (Papar) – UMNO
96. " Dr. Rozaidah binti Talib (Ampang) - UMNO
97. " Tuan Salahuddin bin Ayub (Kubang Kerian) - PAS
98. " Datuk Salleh bin Tun Said (Kota Belud) – UMNO
99. " Ir. Shaari bin Hassan (Tanah Merah) – UMNO
100. " Dato' Shahrir Abdul Samad (Johor Bahru) – UMNO
101. " Datuk Seri Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N, S.S.A.P, (Kuala Langat) - UMNO
102. " Tuan Shim Paw Fatt (Tawau) - SAPP
103. " Datuk Seri Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman (Paya Besar) – UMNO
104. " Dato' Suhaili bin Abdul Rahman (Labuan) – UMNO
105. " Tuan Syed Hood bin Syed Edros (Parit Sulong) – UMNO
106. " Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail (Arau) – UMNO
107. " Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) - MCA
108. " Dato' Dr. Tan Kee Kwong (Segambut) - GERAKAN
109. " Tuan Tan Kok Wai (Cheras) - DAP
110. " Cik Tan Lian Hoe (Bukit Gantang) - GERAKAN
111. " Dr. Tan Seng Giaw (Kepong) – DAP
112. " Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) - MCA
113. " Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang (Hulu Terengganu) - UMNO
114. " Tengku Razaleigh bin Tangku Hamzah, (Gua Musang) – UMNO
115. " Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh) – DAP
116. " Tan Sri Dato' Seri Dr. Ting Chew Peh (Gopeng) - MCA

- 
117. Yang Berhormat Dato' Seri Tiong King Sing (Bintulu) - SPDP
  118. " Tuan Tiong Thai King (Lanang) - SUPP
  119. " Datuk Wahab bin Haji Dollah (Kuala Rajang) - PBB
  120. " Dato' Wan Adnan bin Wan Mamat (Indera Mahkota) - UMNO
  121. " Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail (Permatang Pauh) - KEADILAN
  122. " Dato' Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin (Sik) – UMNO
  123. " Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh (Gerik) – UMNO
  124. " Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Santubong) - PBB
  125. " Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam) - MCA
  126. " Datuk Wilfred Madius Tangau (Tuaran) - UPKO
  127. " Tuan Wong Nai Chee (Kota Melaka) - MCA
  128. " Dato' Yap Pian Hon (Serdang) - MCA
  129. " Datuk Dr. Yee Moh Chai (Kota Kinabalu) - PBS

**DEWAN RAKYAT**

**Setiausaha Dewan Rakyat**  
Dato' Abdullah bin Abdul Wahab

**Ketua Penolong Setiausaha (Pengurusan Dewan)**  
Roosme binti Hamzah

**PETUGAS-PETUGAS  
PENERBITAN PENYATA RASMI (*HANSARD*)**

Azhari bin Hamzah  
Monarita binti Mohd Hassan

Hajah Supiah binti Dewak  
Kamisah binti Sayuti  
Abd. Talip bin Hasim  
Hadzirah binti Ibrahim  
Saadiyah binti Jamaludin  
Jamilah Intan binti Haji Bohari  
Hairan bin Mohtar  
Nurziana binti Ismail  
Suriyani binti Mohd. Noh  
Marzila binti Muslim  
Habibunisah binti Mohd. Azir  
Aisyah binti Razki  
Yoogeswari a/p Muniandy  
Nor Liyana binti Ahmad  
Zatul Hijanah binti Yahya  
Nurul Asma binti Zulkepli  
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Nur Azilah binti Ahmad Ibrahim  
Norasmawati binti Mohamed Nor  
Nor Hamizah binti Haji Hassan  
Zaida Zuriani binti Mohd Zamli  
Azmir bin Mohd Salleh  
Azanariah binti Mohd Yunan  
Norhasani binti Yaacob

**MALAYSIA****DEWAN RAKYAT**

Isnin, 10 Julai 2006

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA**

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]

***mempengerusikan Mesyuarat]*****JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan, jumlah permohonan penduduk tetap dan kelulusan MyPR mengikut latar belakang profesion, negara asal, jantina dan status kewarganegaraan pasangan mereka. Mengapakah pemohon perlu menunggu begitu lama untuk mendapatkan maklum balas dan pengeluaran taraf penduduk tetap dan MyPR. Apakah piagam untuk proses dan prestasinya.

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri [Datuk Tan Chai Ho]:** Tuan Yang di-Pertua, sehingga Mac, 2006 seramai 377,842 warganegara asing telah diberikan taraf pemastautin tetap di negara ini.

Mereka diberikan taraf pemastautin tetap setelah kelulusan permit masuk dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia. Permohonan kemudahan permit masuk bagi mendapatkan taraf pemastautin tetap adalah merupakan budi bicara kerajaan semata-mata dan bukan hak istimewa pemohon.

Proses permohonan bagi mendapatkan taraf pemastautin tetap mengambil masa kerana setiap permohonan perlu diteliti, dikaji dan diperhalusi supaya setiap permohonan diproses secara adil dan saksama. Golongan yang biasanya dipertimbangkan kemudahan permit masuk adalah seperti berikut :-

- i) seseorang yang mempunyai kelulusan profesional atau kepakaran yang membolehkannya memberikan perkhidmatan profesional dan kepakarannya kepada negara ini tanpa menjejaskan kepentingan warganegara yang sedia ada;
- ii) seseorang yang kemasukannya memberi faedah ekonomi kepada negara ini;
- iii) isteri atau suami yang sah kepada warganegara yang telah tinggal bersama pasangannya di negara ini secara berterusan selama lima tahun atau lebih;
- iv) anak-anak kepada warganegara Malaysia berumur di bawah enam tahun; dan
- v) seseorang yang dibenarkan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri masuk ke Malaysia atas dasar belas kasihan.

Tuan Yang di-Pertua, statistik pemastautin tetap mengikut negara asal seperti jadual di bawah:

<b>Negara</b>	<b>Jumlah (Orang)</b>
Indonesia	143,965
Kemboja	1,868
India	1,647
Singapura	717
Filipina	342
China	254
Thailand	235
Brunei	111
Taiwan	67
Britain	63
Lain-lain	228,533

Tuan Yang di-Pertua perangkaan pemastautin tetap mengikut jantina adalah seperti berikut:

<b>Jantina</b>	<b>Jumlah (Orang)</b>
Lelaki	237,193
Perempuan	140,649

Bagi pemohon yang diluluskan permit masuk oleh Jabatan Imigresen mereka akan dikeluarkan satu dokumen pengenalan diri oleh Jabatan Pendaftaran Negara (JPN). Mulai 1 Jun 2006 JPN memperkenalkan kad pengenalan baru bagi pemastautin tetap yang dikenali sebagai MyPR bagi menggantikan MyKad pemastautin tetap. MyPR mempunyai ciri keseluruhan dikhaskan berwarna merah bagi membezakan dengan MyKad yang berwarna biru untuk warganegara Malaysia. Sekianlah terima kasih.

**Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tuan Yang di-Pertua, kita mengambil perhatian bahawa ramai warganegara Malaysia berkahwin dengan warganegara asing yang bekerja di tanah air kita.

Kita kluatir kelambatan proses permohonan mereka akan menyebabkan warganegara mereka akan menjadi ibu tunggal ataupun bapa tunggal kerana pasangan mereka tidak tahan menunggu proses permohonan itu.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, persoalan saya di sini ialah di antara pemastautin tetap yang telah memohon untuk menjadi warganegara Malaysia, berapa ramai yang telah diberikan taraf kewarganegaraan dan berapa lamakah proses untuk pemberian taraf kewarganegaraan kepada mereka yang telah menjadi penduduk tetap di Malaysia ini. Minta penjelasan Yang Berhormat. Terima kasih.

**Datuk Tan Chai Ho:** Tuan Yang di-Pertua, warga asing yang memohon sama ada taraf pemastautin tetap atau kewarganegaraan Malaysia kerajaan akan meneliti secara rapi dan nak pastikan warga asing yang diberikan taraf PR atau kewarganegaraan adalah orang sesuai, orang yang betul.

Untuk menjawab soalan tambahan Yang Berhormat tadi, iaitu selepas warga asing yang sudah mendapatkan taraf PR, mereka boleh memohon kewarganegaraan Malaysia.

Mengikut statistik yang saya ada, iaitu pada tahun 1995 hingga 2005, sebanyak 29,718 pemohon telah diterima dan Kerajaan Malaysia telah meluluskan sebanyak 14,289 permohonan kewarganegaraan daripada pemegang taraf PR pada tahun 1995 hingga 2005. Sekian, terima kasih.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kompelin yang begitu banyak, yang terus mengenai kelewatan dan kesusahan oleh kerana permohonan mereka untuk PR tidak diproses dengan cepat dan memandangkan bahawa kerajaan sekarang melaung-laungkan mahu satu *delivery system* yang cekap, yang moden dan untuk mengelakkan rasuah, bolehkan kementerian mengadakan satu sistem di mana, satu *time line*, di mana semua permohonan yang *in order* akan diproses di dalam satu tahun dan di mana kalau tidak ada, apa hasil dalam satu tahun, ada satu mekanisme di mana satu rayuan boleh dibuat sama ada kepada Pengarah, Ketua Pengarah, kepada Menteri yang berkenaan, supaya kita tidak tinggal dalam satu era, kita mahu menarik *talent*. Dan kenapa tadi Yang Berhormat ada sebut mengenai MyPR...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah Yang Berhormat. Banyak soalan. Cukuplah.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Dan kenapa dalam kementerianya, tidak boleh memastikan ada sensitiviti, kepekaan mengenai masalah yang dihadapi semacam *MyKad*. Ada peraturan-peraturan yang tidak sah. Tidak ada *MyKad*, minimum RM3,000 denda yang tidak diluluskan oleh Dewan yang mulia ini, tidak diluluskan oleh Ahli-ahli Parlimen, ini tidak sah. Kenapa membenarkan peraturan semacam ini, sikap semacam ini?

**Datuk Tan Chai Ho:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak ingatkan Yang Berhormat bagi Ipoh Timor bahawa permohonan taraf PR atau taraf kewarganegaraan Malaysia merupakan satu penganugerahan kepada warga asing dan bukan satu hak yang istimewa kepada warga asing.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Itu bukan hak keistimewaan untuk *incompetence, inefficiency, negligence*, korupsi tidak boleh digunakan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat....

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Kerap kali digunakan. Mana digunakan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik Yang Berhormat.

**Datuk Tan Chai Ho:** Saya jawab Yang Berhormat... [*Dewan gamat*]

**Beberapa Ahli Pembangkang:** [*Menyampuk*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Itu jawapan dia, jawapan dia.

**Datuk Tan Chai Ho:** Saya bagi tahu. You mahu faham atau tidak mahu faham.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah Yang Berhormat. Jawapan sudah diberikan. Cukuplah.

**Beberapa Ahli Pembangkang:** [*Menyampuk*]

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Datuk Tan Chai Ho:** Jadi secara permohonan, kita akan meneliti secara rapi.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** [*Menyampuk*] [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

**Datuk Tan Chai Ho:** Yang Berhormat setujukah, kalau kita bagi kewarganegaraan kepada....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Proseslah satu tahun, *time line*. Kenapa *illegal MyKad* itu peraturan. Kenapa?

**Datuk Tan Chai Ho:** Setujukah Yang Berhormat?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik.

**Datuk Tan Chai Ho:** Setujukah?... [*Dewan riuh*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Menteri cukuplah, cukup.

**Datuk Tan Chai Ho:** Kita mesti mahu jaga kepentingan warga Malaysia.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Jawapan sudah cukup, cukup.

**Datuk Tan Chai Ho:** Kita tidak boleh....

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Sampai empat tahun, setujukah? Sampai empat tahun?

**Datuk Tan Chai Ho:** Betullah, sekarang saya tanya Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri, cukuplah sudah jawab. Cukup, cukup.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Ampang, Ampang.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** [*Menyampuk*] [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

**Beberapa Ahli:** [*Menyampuk*] [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ampang, Ampang sila.

**Datuk Tan Chai Ho:** [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

**Beberapa Ahli Pembangkang:** [*Menyampuk*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Menteri, cukup.... [*Ketawa*]

**2. Dr. Rozaidah binti Talib [Ampang]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, apakah usaha-usaha kementerian, selain daripada berkempen untuk menggalakkan dan memperluaskan amalan kitar semula di kalangan rakyat.

**Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Seri Ong Ka Ting]:** Tuan Yang di-Pertua, selain daripada kempen berbentuk promosi iklan, televisyen, radio, akhbar, papan iklan dan pameran, kementerian ada menjalankan usaha-usaha lain untuk menggalakkan dan memperluaskan amalan kitar semula di kalangan rakyat. Di antaranya ialah penyediaan kemudahan untuk rakyat menjalankan aktiviti kitar semula. Sehingga kini, kementerian telah membekalkan lebih 10,000 buah tong kitar semula, membina 637 buah pusat-pusat pengumpulan barangan kitar semula, membekalkan 51 buah lori kepada PBT untuk digunakan sebagai pusat pengumpulan bergerak.

Yang kedua, kementerian juga sentiasa berusaha untuk mewujudkan sistem rangkaian kitar semula yang lengkap di kalangan agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan, sektor swasta dan masyarakat awam untuk mengukuhkan industri kitar semula dan seterusnya mewujudkan budaya kitar semula yang dapat bergerak secara sendiri.

Yang ketiga, kementerian juga sedang menyediakan Rang Undang-undang Perkhidmatan Pengurusan Sisa Pepejal di mana terdapat kemungkinan untuk masyarakat diwajibkan mengamalkan kitar semula melalui kaedah-kaedah yang akan ditentukan kelak.

Yang keempat untuk memastikan program kitar semula yang dilaksanakan oleh kementerian adalah lebih terancang, tersusun dan strategik. Maka, kementerian bersama-sama dengan *Japan International Co-Operation Agency* (JICA) telah menghasilkan dengan izin, *The Study On National Waste Minimization in Malaysia*. Objektif kajian adalah untuk menghasilkan pelan induk, pelan tindakan, garis panduan dan mengukuhkan kapasiti institusi sektor awam dalam menggalakkan amalan pengurangan sisa iaitu melalui

pendekatan 3R – *reduce*, *reused* dan *recycling*. Akhir sekali, selain daripada itu, kementerian juga sedang mengkaji kemungkinan untuk mengurangkan sisa bungkusan plastik seperti botol dan beg, tayar terpakai dan sisa binaan melalui amalan 3R. Untuk itu, kementerian sedang menyediakan terma rujukan bagi sisa plastik dan tayar terpakai.

**Dr. Rozaidah binti Talib [Ampang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri di atas jawapan tadi. Di dalam kita menghadapi masalah melupuskan sampah dan sisa pepejal, akhbar semalam melaporkan bahawa di seluruh negara, ada 16,000 tan sampah yang dibuang sehari. Sudah tentunya dalam sampah ini ada bahan-bahan yang boleh di kitar semula seperti kaca, plastik dan kertas. Saya bertanyakan soalan ini kerana saya lihat apabila dibuat sesuatu kempen ataupun polisi oleh kementerian, agen pelaksanaannya adalah PBT. Pada permulaan kempen selalunya kementerian akan memberi prasarana ataupun alat-alat tetapi untuk meneruskan dan menambah kemudahan-kemudahan ini, terletak di bahu PBT sedangkan PBT mengatakan mereka tidak ada wang. Saya merasakan bahawa 10,000 tong untuk seluruh Malaysia sangat sedikit.

Jadi soalan saya, adakah kementerian bercadang untuk menambahkan bilangan-bilangan tong ini dan adakah terfikir di pihak kementerian untuk mencontohi sesetengah negara maju memberi insentif kepada mereka yang terlibat dalam kitar semula. Contohnya ada negara maju yang mempunyai mesin, di mana jika kita masukkan botol kaca misalnya, kemudian ada wang yang keluar daripada mesin tersebut sebagai insentif, sebagai galakan. Terima kasih.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Terima kasih Yang Berhormat kerana prihatin tentang masalah sampah dan Kempen Kitar Semula. Memang benar kalau kita tengok dari segi per kapita pengeluaran sampah seorang setiap hari, terdapat sebenarnya lebih 16,000 tan sehari, kerana dianggarkan kalau di bandar besar, kira-kira 1.5 kilogram seorang. Kalau di luar bandar dia antara 0.8 kilogram sampai 0.9.

Maka, dengan angka yang 16,000 tan itu pun, satu angka yang pada dua, tiga tahun yang lalu. Sekarang lagi telah bertambah. Buat masa kini, kerajaan menjalankan kempen secara objektif awal ialah untuk meningkatkan kesedaran. Untuk meningkatkan kesedaran, kita perlu PBT dengan secara terus berhadapan dengan rakyat, mereka kena terlibat. Akan tetapi, dengan PBT sahaja, dia tidak akan cukup berkesan kerana pada masa kini, sebagai contoh kalau di Zon Tengah di Semenanjung seperti Selangor, Kuala Lumpur telah pun kerajaan melantik satu syarikat konsesi secara interim. Dia masih belum diwastakan. Dia masih interim.

Selalunya orang masih *confuse* sama ada penswastan sudah berjalan atau belum dan maka PBT pun telah mempunyai batasan. Dia bukan yang mengutip sampah dan PBT perlu kerjasama dengan syarikat konsesi oleh kerana interim itu tidak ada perjanjian syarikat itu belum lagi mendapat pinjaman dari bank mereka masih belum dapat melabur dengan baik maka banyak kemudahan bagi kitar semula masih tidak dapat dibeli sebagaimana dihasratkan.

Walau bagaimanapun, kerajaan sampai satu tahap yang dekat-dekat hendak muktamadkan semua terma dan selepas itu banyak lagi kemudahan akan diadakan. Kementerian tidak akan memberi tong kitar semula kepada semua pihak kerana berapa yang kita bagi pun tidak akan cukup dan konsep prinsip kitar semula ialah kita galakkan rakyat dia asingkan barangan di rumah *separation the source* dan 3R mereka buat tidak payah bergantung pada tong. Tong itu adalah satu kesedaran bagi tahu rakyat ada tiga warna barangan perlu diasingkan sebelum mereka hantar dan jangan buang masuk dalam tong sampah. Jadi sekarang 600 lebih pusat pengumpulan itu mereka tidak guna tong yang berwarna mereka gunakan apa saja yang mudah senang untuk menerima barangan yang penting rakyat kena sedar banyak jenis barangan itu bukan sampah adalah sumber dan mereka seharusnya hantar ke pusat-pusat yang betul dan jangan masuk ke dalam tong sampah.

Kempen ini akan berterusan, banyak *players* daripada pihak swasta, NGO, persatuan penduduk, badan korporat, persatuan hotel, institusi pendidikan telah pun amat

berminat sekarang untuk terlibat sama dan saya jangka keadaan akan bertambah baik sebaik sahaja Rang Undang-undang Pengurusan Sisa Pepejal itu dibentangkan di Parlimen. Dan pada satu tahap di mana rakyat akan juga terpaksa sama ada melalui insentif atau melalui diwajibkan untuk buat kitar semula pada satu tahap yang sesuai. Itu sebenarnya apa yang berlaku sekarang.

**Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kita menyokong usaha yang telah dilakukan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk mengadakan kempen kitar semula akan tetapi pada kebelakangan ini kita dapati bahawa terdapat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) mengenakan kepada penduduk untuk membeli tong-tong sampah dari pembekal yang ditetapkan oleh pihak PBT. Apakah kewajaran sekiranya pihak juga PBT mengenakan syarat kepada penduduk untuk membeli tong-tong sampah yang berkaitan dengan kitar semula itu iaitu membeli tiga jenis tong sekiranya pihak PBT berbuat demikian, mengenakan penduduk untuk membeli tong sampah dari pembekal yang ditetapkan oleh PBT. Minta penjelasan dari Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa yang pihak berkuasa tempatan yang tertentu mewajibkan penduduk di dalam kawasanya membeli tong, saya anggap itu tong sampah. Tidak ada satu PBT boleh mewajibkan sesiapa pun untuk membeli tong kitar semula kerana kitar semula ataupun amalan kitar semula itu belum lagi diwajibkan ia masih digalakkan. Saya rasa itu mungkin itu jadi masalah pentadbiran kalau mana-mana PBT wajibkan orang beli tong sampah daripada hanya satu pembekal. Saya ingat majlis PBT tersebut perlulah berhati-hati jangan menimbulkan atau memberi satu mesej yang salah seolah-olah macam mereka hendak membantu pembekal saja. Ini juga merupakan satu tanggungjawab mereka melalui konsep LA 21 yang mana kerajaan sedang menggalakkan semua PBT sentiasa rapat dan adakan hubungan yang baik dengan rakyat, dapatkan maklum balas, merancang semasa mereka buat keputusan mereka perlu prihatin dan juga peka, sensitif kepada perasaan rakyat. Itu yang dapat saya ulaskan.

2. **Dato Seri Tiong King Sing [Bintulu]** minta Menteri Perusahaan Perladangan Dan Komoditi menyatakan:

- (a) apakah terdapat rancangan dan bantuan untuk diagihkan kepada pekebun-pekebun kecil bagi pertanian kelapa sawit di negeri Sabah dan Sarawak terutama sekali di Bintulu; dan
- (b) berapakah jumlah peruntukan yang telah disediakan untuk membantu negeri Sabah dan Sarawak terutama sekali di kawasan Bintulu dalam RMK-9.

**Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi [Datuk Peter Chin Fah Kui]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan daripada Yang Berhormat bagi Bintulu, iaitu:

- (a) ingin saya memberitahu bahawa dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi telah diluluskan peruntukan sebanyak RM123.4 juta untuk menjalankan program membantu pekebun kecil sawit dan juga lain-lain tanaman di seluruh negara termasuk juga di Daerah Bintulu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dalam bantuan bagi pekebun-pekebun kecil, kita mempunyai beberapa Skim:

- (i) Skim Bantuan Integrasi Tanaman dan Ternakan. Dalam skim ini kita mempunyai RM29.5 juta untuk melaksanakan programnya. Skim ini terbuka kepada semua pekebun-pekebun sawit di seluruh Malaysia. Keluasan yang layak dipertimbangkan tidak melebihi lima hektar. Permohonan akan dibuka pada bulan Julai dan Ogos 2006. Dalam

skim ini, pekebun-pekebun sawit yang menanam sawit mereka dengan sistem tanaman dua baris akan menerima insentif RM500.00 sehektar di samping input pertanian bernilai RM1,500 sehektar. Untuk kawasan sawit matang pula, pekebun kecil boleh diberi bantuan integrasi lembu atau kambing atau berbiri. Walau bagaimanapun, bagi integrasi lembu, pekebun kecil perlu menjalankan projek secara berkelompok. Bantuan adalah dalam bentuk baka ternakan, bahan binaan kandang dan peralatan-peralatan kecil yang diperlukan oleh pekebun tersebut.

- (ii) Skim Pinjaman Muda Tanaman Semula Kelapa sawit. Dalam Skim pinjaman ini kementerian mempunyai peruntukan RM83.9 juta. Skim ini terbuka kepada pekebun-pekebun kelapa sawit yang berminat untuk menanam semula kebun kelapa sawit mereka. Jumlah pembiayaan adalah sebanyak RM6,000 sehektar dengan kadar bayaran perkhidmatan 4% setahun atas baki bulanan dengan tempoh bayaran balik selama 10 tahun termasuk 4 tahun tempoh penangguhan.
- (iii) Skim ketiga ialah skim bantuan anak benih berkualiti. Jumlah peruntukan di bawah skim ini hanya RM10 juta. Skim ini dikhususkan kepada pekebun-pekebun kecil di negeri Sabah dan Sarawak. Skim ini terbuka kepada semua pekebun kecil daif yang mempunyai keluasan tanah kurang lima hektar dengan pendapatan di bawah pendapatan garis kemiskinan (PGK) atau *hardcore poor* dengan izin iaitu RM690 bagi negeri Sabah dan bagi negeri Sarawak pula RM600. Permohonan yang diterima pada masa ini bagi negeri Sarawak adalah sebanyak 7,156 permohonan dengan keluasan tanahnya 44,800 hektar. Setakat ini permohonan yang diterima dari daerah Bintulu adalah sebanyak 437 dengan keluasan 2,344 hektar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selain daripada skim bantuan ini, kementerian juga mempunyai rancangan-rancangan untuk menolong pekebun-pekebun kecil seperti skim baja terselia dan juga skim tunas iaitu tunjuk ajar bagi pekebun-pekebun kecil dan pihak MPOB apabila diminta terus memberi bantuan kepada pekebun kecil secara sukarela dan secara spontan di mana mereka ingin hendak memberikan bantuan yang boleh kepada pihak pekebun kecil supaya pekebun kecil ini dapat meningkatkan pendapatan mereka. Sekian, terima kasih.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri di atas yang diberikan. Jawapan atas rancangan itu memang kita rancangan yang cergas, yang boleh kata memang manis kalau di kampung, bagi penduduk-penduduk rumah panjang dia orang dengar itu apa rancangan sudah disediakan untuk mereka atau peruntukan tetapi masalah contohnya di Sarawak, memang mereka hendak mendapatkan bantuan cukup susah disebabkan masalah hak milik tanah.

Di sini saya hendak mempersoalkan bahawa adakah kementerian atau bolehkah atau adakah bantuan secara khas bagi mereka yang tidak mempunyai hak milik tanah diberi bantuan sedangkan kebanyakan pekebun kecil ini sememangnya tidak mempunyai hak milik tanah terutama daripada penduduk rumah panjang sendiri. Sekian, terima kasih.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Terima kasih Yang Berhormat. Kita memang sedar tentang masalah yang dihadapi oleh pihak pekebun kecil di negeri Sarawak kerana mereka tidak mempunyai hak milik tanah. Oleh sebab itu skim yang saya sebutkan tadi iaitu skim bagi bantuan benih sawit berkualiti yang dilaksanakan bagi negeri Sarawak dan Sabah, kita tidak meletakkan syarat bahawa semua pemohon tersebut mesti mempunyai geran-geran milik sendiri tetapi apabila mereka menuntut NCR atau *Native Customary Right* di Sarawak, lokasi lakaran lokasi, pelan dan anggaran ukuran, sempadan tanah perlu ditentukan oleh pihak atau disahkan oleh pihak Jabatan Tanah dan Ukur.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Itu memang susah dapat itu.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Ya, sebab itu kita kenalah tahu bahawa skim ini yang apabila kita memberikan kepada pekebun kecil, pekebun kecil itu mempunyai tanah dan tidak pada masa hadapan mereka bergaduh di antara satu sama lain kerana kawasan atau sempadan tanah tanam mereka tidak ditentukan dengan sah atau disahkan oleh pihak Jabatan Tanah dan Ukur. Sebab itulah kita dalam perbincangan dengan pihak kerajaan negeri untuk menyediakan satu gerakan khas bagi pemohon-pemohon untuk skim ini. Bukan untuk semua NCR tetapi untuk skim ini sahaja kita sekarang berbincang dengan pihak kerajaan negeri supaya kita boleh laksanakan dengan baik dengan persetujuan daripada pihak Jabatan Tanah dan Ukur.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Yang Berhormat Menteri, sekarang masalah *Land and Survey* tidak mahu ukur itu tanah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Sebab itulah Yang Berhormat kita kenalah bincang dengan pihak *Land And Survey*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah, cukuplah Yang Berhormat.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Apabila kita setuju, baru kita laksana.

**Datuk Dr. Marcus Makin Majigoh [Putatan]:** Ini hal penting.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Putatan.

**Datuk Dr. Marcus Makin Majigoh [Putatan]:** Minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak boleh minta penjelasan, cukuplah.

**Datuk Dr. Marcus Makin Majigoh [Putatan]:** Ini penting bagi Sabah. Yang Berhormat Menteri hanya jawab untuk Sarawak Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Pasir Mas.

**Datuk Dr. Marcus Makin Majigoh [Putatan]:** Negeri Sabah juga penting.

**4. Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]** minta Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah menyatakan, apakah usaha-usaha yang telah dan sedang dilakukan oleh Kerajaan supaya suku-suku kaum bumiputera di Sabah dan Sarawak dapat ditingkatkan kehidupan mereka setaraf dengan kaum-kaum lain di seluruh Malaysia.

**Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah [Dato' Zainal Abidin bin Osman]:** Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih saya kepada Yang Berhormat bagi Pasir Mas kerana membawa soalan ini. Di Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, kita bertekad dalam usaha dan misi yang berterusan untuk meningkatkan taraf hidup dan kesejahteraan masyarakat di luar bandar termasuk suku kaum bumiputera di Sabah dan Sarawak.

Kementerian ini memberi keutamaan kepada pembangunan luar bandar di Sabah dan Sarawak dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan dengan menyediakan peruntukan kewangan yang lebih banyak.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini daripada jumlah peruntukan kementerian bagi Rancangan Malaysia Kesembilan berjumlah RM10.9 bilion yang diluluskan, RM1.82 bilion atau 16.6% diperuntukkan untuk Sabah manakala RM2.16 bilion atau 19.6% peruntukan untuk Sarawak. Dengan kata lain, satu pertiga ataupun 36.2% peruntukan kementerian adalah untuk Sabah dan Sarawak sahaja dengan peningkatan 43.6% bagi Sabah dan 53.6% bagi Sarawak berbanding dengan peruntukan Rancangan Malaysia Kelapan.

Peruntukan-peruntukan ini akan membolehkan kementerian melaksanakan lebih banyak program pembangunan luar bandar iaitu:

- (i) menyediakan kemudahan dan utiliti asas seperti jalan luar bandar, jalan kampung, bekalan air bersih, bekalan elektrik dan kemudahan awam. Kementerian berharap kemudahan jalan akan memudahkan perhubungan penduduk untuk menjalankan aktiviti harian dan memasarkan hasil pertanian, kemudahan elektrik pula akan membolehkan penduduk menikmati hidup yang lebih selesa dan anak-anak pula boleh mengulangi pelajaran pada waktu malam manakala bekalan air akan menyumbang kepada kesempurnaan kehidupan dan peningkatan tahap kesihatan mereka.
- (ii) kementerian akan melaksanakan program-program pembangunan tanah untuk pertanian dan projek ekonomi untuk membolehkan penduduk khususnya golongan miskin dan miskin tegar untuk meningkatkan pendapatan mereka. Di antara program ini adalah projek tanaman kelapa sawit, tanaman getah, akuakultur dan ternakan integrasi. Pelaksanaan program ini akan turut melibatkan penempatan semula penduduk di penempatan-penempatan baru; dan
- (iii) mempergiatkan pelaksanaan program-program pembangunan modal insan yang meliputi pendidikan prasekolah, latihan kemahiran, pembangunan keusahawanan dan projek-projek kemasyarakatan yang bertujuan meningkatkan kemahiran dan menanam sikap positif di kalangan masyarakat yang terlibat. Usaha pembangunan modal insan di Sabah dan Sarawak akan ditumpukan kepada meningkatkan keupayaan pemimpin khususnya ahli JKKK supaya mereka boleh meneraju pembangunan di kampung masing-masing.

Terima kasih.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah memberi jawapan dan sekali gus memberi pengharapan tinggi kepada kaum bumiputera khususnya di Sabah dan di Sarawak dan di lain-lain tempat. Saya mengucapkan terima kasih di atas jawapan tersebut dan terima kasih kepada kerajaan yang telah memperuntukkan jumlah RM10.9 bilion ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, soalan tambahan.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Ya, ya! Sampai kepada soalan tambahan. Tetapi keadaan mereka saya lihat tidak banyak berubah. Keadaan rakyat bumiputera itu tidak banyak berubah di waktu kunjungan-kunjungan kami ke Sabah dan ke Sarawak. Soalannya, apakah sikap bumiputera itu sendiri sebenarnya yang lambat menerima perubahan setelah kerajaan turun dengan perbelanjaan yang begitu besar, peruntukan yang begitu besar tetapi barangkali sikap rakyat itu sendiri yang kurang mendapat ataupun kurang membuat perubahan dalaman dalam pihak mereka.

Baik, kalau telahan itu benar atau pandangan saya itu benar, apakah tindakan-tindakan yang harus dilakukan oleh kerajaan bagi memulihkan sikap mereka supaya

mereka cepat untuk menerima perubahan dan mereka setanding dengan kaum-kaum lain di seluruh Malaysia ini sehingga mereka tidak lagi ketinggalan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik, Yang Berhormat, cukup itu. Cukup.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Apakah pandangan Yang Berhormat?

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Terima kasih Yang Berhormat. Untuk menyatakan bahawa tidak ada perubahan ataupun tidak banyak berubah keadaan masyarakat luar bandar di Sabah dan Sarawak adalah satu kenyataan yang tidak benar. Saya ingin menyangkal dakwaan ini kerana kalau kita lihat daripada segi liputan bekalan air di Sabah misalnya, pada tahun 1970 kita cuma dapat 11% liputan. Kemudian tahun 1980 naik kepada 18%, 1990 naik kepada 52%, tahun 2005 ini kepada 63%. Setiap tahun ia meningkat.

Di Sarawak pula pada tahun 1970 cuma ada 13%, naik kepada 25%. Kemudian naik kepada 47% pada tahun 1990 dan tahun 2005 ini 65%. Setiap tahun, setiap tempoh ada peningkatan. Begitu juga dengan bekalan elektrik, setiap tahun ada peningkatan. Jadi, kerajaan akan terus berusaha dengan peningkatan-peningkatan ini dan kita yakin dan percaya pada tahun 2010 kita akan dapat liputan api dan air ke tahap 90%.

Berkenaan dengan sikap dan minda mereka di luar bandar ini kita harap dengan prasarana yang kita wujudkan akan menjadi pemangkin kepada mereka, dan pemangkin inilah yang akan menjadi *spin-off*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua untuk aktiviti-aktiviti ekonomi dapat dilaksanakan dan sama-samalah Ahli-ahli Yang Berhormat berusaha supaya masyarakat yang kita wakili dapat ditingkatkan minda mereka untuk membawa pembangunan yang berterusan di kawasan luar bandar terutama di Sabah dan Sarawak. Terima kasih.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri di atas jawapan yang begitu komprehensif. Soalan saya ialah sebahagian besar daripada masyarakat di luar bandar di Sabah dan Sarawak ini sebenarnya mereka ini memiliki banyak tanah, dan tanah ini boleh dibangunkan untuk mendapatkan punca pendapatan yang lebih baik bagi mereka tetapi yang menjadi masalah bagi tanah-tanah di Sabah dan Sarawak ini, yang kebanyakannya terdiri daripada *Native Customary Rights* ini ialah tidak ada usaha-usaha yang begitu konkrit untuk membangunkannya untuk membolehkannya jadikan punca pendapatan bagi masyarakat luar bandar.

Jadi saya bertanya kepada Timbalan Menteri, adakah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah untuk menubuhkan perbadanan bagi memajukan *Native Customary Rights Land* (NCR) ini supaya tanah-tanah ini dapat dimajukan dan dengan sendirinya akan dapat memberikan pendapatan yang lebih baik dan juga punca pendapatan yang berterusan kepada mereka. Terima kasih.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Terima kasih kepada soalan Yang Berhormat bagi Kudat. Kementerian sehingga kini belum bercadang untuk menubuhkan lembaga tanah untuk mengatasi masalah NCR di Sabah. Tetapi kementerian seperti yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam pembentangan Rancangan Malaysia Kesembilan yang lalu kita akan cuba mewujudkan Lembaga Kemajuan Sabah dan ini pun masih tertakluk kepada perbincangan di peringkat kerajaan negeri dan juga peringkat pemimpin-pemimpin Dewan Undangan Negeri dan Parlimen dari Sabah dalam usaha kita untuk mendapat satu formula yang baik untuk seluruh rakyat yang *win-win situation* untuk kerajaan negeri dan juga Kerajaan Persekutuan. Terima kasih, Yang Berhormat.

5. **Tuan Che Azmi Bin Haji Abdul Rahman [Kuala Nerus]** minta Menteri Kewangan menyatakan, langkah-langkah atau perubahan-perubahan terbaru yang telah dan akan dilaksanakan oleh Kerajaan kepada sistem pengurusan kewangan negara ataupun perubahan kepada peraturan kewangan Kerajaan dalam usaha mempercepatkan sistem penyampaian kerajaan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Nerus. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kewangan telah dan sedang mengambil beberapa langkah bagi menetapkan sistem pengurusan kewangan negara dalam usaha mempercepatkan sistem penyampaian kerajaan. Selaras dengan perkembangan ICT pada masa ini, kerajaan telah memperkenalkan beberapa sistem pengurusan kewangan secara elektronik yang dapat mempercepatkan proses penyampaian perkhidmatan.

Antara sistem kewangan elektronik yang telah diperkenalkan ialah e-perolehan, *e-payment*, *electronic fund transfer* ataupun EFT dan aduan bayaran lewat. Sistem-sistem ini dibangunkan bagi memudahkan aktiviti kerajaan yang dilaksanakan secara atas talian ataupun *on-line* dan berupaya meningkatkan kualiti perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan di dalam persekitaran yang selamat dan terjamin. Kementerian Kewangan juga telah mengarahkan penubuhan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun ataupun JPKA di semua kementerian dan jabatan bagi merancang dan memantau prestasi pengurusan kewangan di semua peringkat secara berterusan.

Kementerian Kewangan memantau prestasi agensi-agensi kerajaan melalui laporan suku tahun yang dikemukakan oleh agensi-agensi mengenai hal ehwal pengurusan kewangan masing-masing. Kementerian Kewangan telah memantapkan peranan Unit Audit Dalam di dalam kementerian dan Jabatan Persekutuan dan memperluaskan peranan Unit Audit Dalam di dalam kerajaan negeri. Garis panduan telah dikeluarkan dan di antara lain menitik beratkan peranan Unit Audit Dalam dari segi memberi khidmat perundingan dan menambah nilai kepada organisasinya.

Di antara langkah-langkah pemantauan dan kawalan oleh Kementerian Kewangan sendiri – satu unit khas yang dipanggil *flying squad* telah ditubuhkan bagi memantau dan memastikan supaya kementerian dan jabatan dan agensi kerajaan mematuhi peraturan dan dasar tatacara pengurusan kewangan kerajaan. *Flying squad* bertanggungjawab untuk membuat penyiasatan terhadap aduan daripada individu, peniaga, pembekal, kontraktor dan subkontraktor.

Bagi menangani kelemahan aspek-aspek tertentu dalam pengurusan kewangan di sektor awam dan bagi meningkatkan kemahiran pegawai-pegawai yang terlibat, Kementerian Kewangan juga mengendalikan program latihan dalam bidang pengurusan, kewangan di peringkat kementerian, jabatan Persekutuan dan kerajaan negeri mengikut keperluan semasa.

Tuan Yang di-Pertua, Pekeliling-pekeliiling Perbendaharaan baru dikeluarkan untuk memantapkan lagi peraturan dan prosedur kewangan serta pekeliiling-pekeliiling yang sedia ada dan pekeliiling-pekeliiling yang lama dikaji semula dari masa ke semasa untuk meningkatkan keberkesanan dalam sistem penyampaian kerajaan. Sehubungan dengan ini, peraturan dan prosedur kewangan sentiasa dikemas kini seiring dan keperluan semasa.

Bagi memantapkan lagi sistem pengurusan kewangan kerajaan, Kementerian Kewangan sedang menyemak semula dasar dan prosedur pengurusan kewangan sektor awam yang sedia ada supaya dapat mempertingkatkan prestasi sistem penyampaian dengan mengambil kira penanda aras dan amalan-amalan terbaik. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Kuala Nerus.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Soalan tambahan, Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor.

**Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman [Kuala Nerus]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Setiausaha Parlimen. Kita lihat pada hari ini salah satu sebab ataupun punca utama kelemahan sistem penyampaian kita adalah kelemahan dalam sistem kewangan itu sendiri. Kita lihat seolah-olah Kementerian Kewangan ini tidak percaya kepada kementerian-kementerian yang lain. Dari segi kuasa membelanja ataupun membayar.

Apa salahnya Kementerian Kewangan ini menurunkan kuasa kepada kementerian-kementerian berkenaan sebabnya bajet telah diluluskan. Jadi, kuasa membeli, kuasa berbelanja serahlah kepada kementerian-kementerian yang lain supaya sistem penyampaian ini lebih cepat. Dan, soalan saya, adakah kerajaan bercadang untuk menurunkan kuasa perbelanjaan ataupun kuasa membayar ini kepada kementerian-kementerian lain.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, dari segi hendak memantapkan dan mempercepatkan pengurusan kewangan ini, memang telah ada diwujudkan pusat tanggungjawab di seluruh negara. Sekarang ini sudah ada 2,535 pusat tanggungjawab itu, bermakna masing-masing bertanggungjawab kepada masing-masing agensi, kerajaan negeri atau pusat ia ada pusat tanggungjawab masing-masing dan mereka bertanggungjawab tentang pengurusan masing-masing dan membuat laporan kepada Kementerian Kewangan. Itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor.

**Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tidak boleh dinafikan ada kelemahan-kelemahan yang serius dalam pengurusan kewangan negara. Ekoran dengan itu peluang ada diambil oleh bekas Menteri Kewangan iaitu Tun Daim Zainuddin dan Dr. Mahathir Mohamed dan juga Tajuddin Ramli untuk mengadakan *secret deal* dalam perkara shares ini. Adakah apa-apa tindakan di cadang dan akan diambil ke atas ketiga-tiga Tun Mahathir Mohamed....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, perkara ini dalam mahkamah. Sudah habiskah?

**Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Belum-belum. Walaupun ada *sub-judice* tetapi dalam Dewan ini boleh dibangkit.... [*Disorak*] Oleh itu, bolehkah saya dapat tahu adakah apa-apa cadangan untuk mengambil tindakan jenayah ke atas Dr. Mahathir Mohamed, Tun Daim Zainuddin dan juga Tajuddin Ramli?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, saya fikir lebih eloklah kita jangan bangkitkan perkara ini. Dalam kes mahkamah.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Ini soalan lain, saya ingat saya tidak perlu jawab, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik. Yang Berhormat bagi Ayer Hitam.

6. **Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]** minta Menteri Pengajian Tinggi Menteri menyatakan, berapakah jumlah pensyarah yang dihantar ke luar negeri untuk melanjutkan pengajian di peringkat doktor falsafah (Ph.D). Berapa ramai pula pensyarah asing/profesor terkemuka yang digaji dan berkhidmat di IPTA setakat ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi [Datuk Dr. Adham bin Baba]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman ahli Yang Berhormat bahawa pada masa ini terdapat seramai 19,615 pensyarah di IPTA. Daripada jumlah ini, 30 peratus daripadanya mempunyai kelayakan Ph.D. Kerajaan mengambil langkah untuk menjadikan IPTA di negara kita setanding dan berdaya saing dengan universiti-universiti ternama di peringkat antarabangsa.

Bagi tujuan itu, dengan maksud tersebut menjadikan Malaysia sebagai destinasi atau hub pendidikan tinggi serantau antarabangsa, Kementerian Pengajian Tinggi terus menghantar pensyarah-pensyarah melanjutkan pengajian di peringkat doktor falsafah atau Ph.D sama ada di dalam ataupun di luar negara. Ini selaras dengan hasrat negara mencapai sasaran 60 peratus pensyarah kita di IPTA memiliki kelayakan Ph.D atau setaraf menjelang tahun 2010. Mereka ini dihantar untuk melanjutkan pengajian di universiti-universiti di luar negara seperti United Kingdom, di Amerika Syarikat, Australia, Jepun dan

Ireland untuk mengikuti pengajian dalam bidang kejuruteraan, sains tulen, sains gunaan, perubatan dan juga sains sosial.

Tuan Yang di-Pertua, dasar kerajaan pada masa ini membenarkan supaya IPTA mengambil pensyarah-pensyarah asing untuk berkhidmat di negara ini. Pengambilan ini adalah untuk menampung kekurangan tenaga akademik dalam bidang-bidang kritikal seperti perubatan, farmasi, kejuruteraan dan bahasa asing. Pada masa ini terdapat seramai 857 pensyarah asing yang sedang berkhidmat di IPTA negara kita. Sekian, terima kasih.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Kualiti pensyarah ini adalah amat penting untuk mengembalikan kecemerlangan akademik. Soalan saya adalah Yang Berhormat menjawab bahawa ada 30 peratus pensyarah yang berkhidmat di IPTA ini memiliki Ph.D. Secara spesifiknya dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, iaitu menjelang tahun 2010, berapa ramai dan berapakah belanjanya untuk kita menghantar pensyarah ke luar negeri mendapatkan Ph.D? Dan, juga kalau kita melihat sekarang 857 pensyarah asing yang berkhidmat di negara kita, berapa ramai yang datangnya daripada universiti terkemuka seperti Oxford Cambridge, MIT, Tokyo, Beijing dan Ching Hua? Saya rasa itulah baru kita kata universiti terkemuka. Minta penjelasan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Terima kasih.

**Datuk Dr. Adham bin Baba:** Terima kasih Yang Berhormat. Pada unjuran 2010, kita mendapat peruntukan sebanyak RM1.2 bilion untuk menghantar pensyarah-pensyarah membuat Ph.D, sama ada dalam negara atau luar negara. Pada masa ini kita mempunyai seramai 30 peratus pensyarah yang memiliki Ph.D. Untuk tujuan tersebut, bermakna kita harus mencapai 30 peratus lagi menjadikan 60 peratus pada 2010. Justeru itu, 6,700 penajaan akan dilakukan menjelang tahun 2010 dan dengan cara itu, kita menghantar melalui tiga kaedah. Pertama, kita menghantar pensyarah-pensyarah kita untuk ke luar negara sebanyak 50 peratus, dalam negara 35 peratus dan secara *split phd program* iaitu kita kerjasama dengan universiti-universiti terkemuka dalam dunia. Melalui *split Ph.D program* iaitu dua tahun dalam negara, satu atau dua tahun di luar negara. Dengan tujuan itu, kita sebenarnya akan memperoleh bilangan pensyarah sebanyak 60 peratus di peringkat IPTA kita menjelang 2010,

Walau bagaimanapun, kita mempunyai lebih kurang 857 pensyarah asing yang mana profesor yang unggul dalam negara kita terlibat dalam bidang-bidang perubatan, kejuruteraan dan juga undang-undang. Seperti contoh kita mempunyai beberapa profesor dari negara India melibatkan diri di bidang perubatan dan juga bidang kejuruteraan dan berapa pensyarah dalam bidang undang-undang dari universiti terkemuka dalam dunia. Kita juga mengadakan kerjasama, *exchange of lecture*, dengan izin, untuk mengatasi masalah ini.

**Dato' Chor Chee Heung [Alor Star]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Salah satu kriteria untuk mengukur setanding taraf imej dan nama sesebuah universiti ataupun IPTA di negara kita di peringkat akademik antarabangsa ialah *peers review*. Maka, saya ingin bertanya pada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, adakah pensyarah-pensyarah kita, profesor-profesor di IPTA kita ini wajib mengarang, membuat terbitan ataupun membuat penyelidikan dalam bidang kepakaran mereka dan termasuk juga sentiasa menghadiri seminar-seminar antarabangsa yang dianjurkan oleh universiti-universiti terkemuka, satu.

Yang kedua, adakah kerajaan sedia....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Dato' Chor Chee Heung [Alor Star]:** Yang kedua itu, pendek saja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Pendek, ha? Pendek pun dua juga.

**Dato' Chor Chee Heung [Alor Star]:** Yang kedua itu adakah kerajaan kita sedia pada setiap tahun memperuntukkan sedikit sebanyak geran untuk pensyarah-pensyarah,

profesor-profesor kita untuk membuat penyelidikan dalam bidang kepakaran mereka dan berapa jumlah untuk tahun ini? Terima kasih

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tiga pun ada, Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Adham bin Baba:** Yang Berhormat, saya jawab yang kedua dahulu. Buat masa ini kita memiliki geran-geran untuk penyelidikan. Pada tahun 2001 hingga 2005, dalam Rancangan Malaysia Kelapan, kita telah memperoleh fundamental geran sebanyak RM100 juta untuk profesor-profesor atau pensyarah kita mengadakan penyelidikan. Pada tahun 2006 hingga 2010, Rancangan Malaysia Kesembilan kita mendapat RM200 juta untuk tujuan penyelidikan di samping RM1.2 bilion daripada *Science Fund* untuk pensyarah-pensyarah kita, terutama dalam bidang-bidang kepakaran, bidang-bidang termaju seperti nanoteknologi dan juga bioteknologi telah pun dapat kita perolehi melalui *Science Fund*, dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Sebenarnya setiap pensyarah wajib sebagai seorang pensyarah sahaja di universiti kita mengeluarkan terbitan-terbitan. Dalam mengukur keupayaan mereka, kita melihat *peer review* seperti dalam *survey Time Higher Education Supplement*, 40 peratus yang dikategorikan sebagai *peer review* dan tentunya mereka telah pun kita arahkan supaya mengadakan hubungan-hubungan dengan pensyarah-pensyarah daripada universiti terkemuka seperti *Imperial College, Oxford, Harvard* dan juga universiti-universiti terkemuka dalam dunia.

Justeru itu, ada di antara mereka mengadakan program-program penyelidikan bersama dan ini akan menaikkan lagi. Sehingga kini, kita telah pun berjaya menghasilkan 113 hasil pendidikan yang telah dipatenkan, manakala 75 produk daripada hasil pendidikan pensyarah-pensyarah kita telah pun dikomersialkan dan mendapat kerjasama dengan pihak industri dalam dan luar negara. Terima kasih.

**[Soalan No. 7 – Yang Berhormat Dato' Tan Lian Hoe (Bukit Gantang) tidak hadir]**

8. **Tan Sri Dato' Dr. K. S. Nijhar [Subang]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan, adakah Kerajaan berhasrat membantu peniaga-peniaga kecil dari segi bantuan kewangan seperti yang diberi kepada pengusaha dalam Industri Kecil dan Sederhana.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew]:** Tuan Yang di-Pertua, skim bantuan kewangan yang ditawarkan oleh MITI melalui SMIDEC sememangnya meliputi *micro-enterprise* yang didefinisikan seperti berikut:

- (i) bagi sektor perkilangan, perkhidmatan berkaitan perkilangan dan industri asas tani, nilai jualan tahunan kurang daripada RM250 ribu atau pekerja sepenuh masa kurang daripada 5 orang pekerja;
- (ii) bagi sektor perkhidmatan pertanian asas dan teknologi maklumat dan komunikasi, nilai jualan tahunan kurang daripada RM200 ribu atau pekerja sepenuh masa kurang dari 5 orang pekerja.

Mulai 1 Mac 2006, MITI melalui SMIDEC telah membuka skim bantuan kewangan kepada enterprise dalam sektor pembuatan yang berdaftar dengan Pendaftar Perniagaan Ordinan 1956. Terdapat lima skim geran yang ditawarkan iaitu yang:

- (i) geran persamaan ataupun *matching* geran untuk permulaan perniagaan;
- (ii) geran persamaan peningkatan keupayaan reka bentuk dan pembungkusan produk;
- (iii) geran persamaan pembangunan dan promosi produk halal;

- (iv) geran peningkatan kemahiran pemasaran EKS; dan
- (v) program peningkatan kemahiran.

Lima skim ini telah dikenal pasti sebagai berkaitan dengan fasa pembangunan enterprise. Keistimewaan yang ditawarkan adalah bantuan geran yang diberikan adalah 80% bagi perbelanjaan yang dibenarkan. Kelonggaran ini dibenarkan selama tiga tahun di mana selepas tempoh itu, enterprise ini perlu mendaftarkan perniagaannya sebagai syarikat sendiri berhad. Sekian, terima kasih.

**Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar [Subang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga kepada Setiausaha Parlimen atas jawapan tadi. Saya memang maklum bahawa pihak Kementerian mengambil beberapa langkah seperti disebut tadi untuk membantu peniaga kecil mendapat bantuan kewangan. Namun Tuan Yang di-Pertua, maklumat yang saya terima daripada peniaga-peniaga kecil di kawasan Parlimen Subang, dan daripada perwakilan-perwakilan dalam parti MIC, semasa perhimpunan diadakan baru-baru ini. Saya dapati, kebanyakan peniaga kecil tidak tahu langsung mengenai program bantuan daripada pihak kerajaan. Ini adalah antara satu sebab, peniaga-peniaga kecil pergi kepada ceti-ceti haram. Soalan tambahan, adakah apa-apa cara lain yang lebih efektif di mana peniaga-peniaga kecil umum dapat dimaklumkan mengenai program-program bantuan seperti yang disebut tadi oleh Setiausaha Parlimen. Terima kasih.

**Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew:** Tuan Yang di-Pertua, bilangan peniaga-peniaga kecil amat besar. Jadi kekurangan penyertaan mereka dalam skim-skim bantuan kewangan kerajaan bukan sahaja kerana tanpa maklumat, tetapi bilangannya amat besar dan saya rasa tak mungkin kerajaan memberi bantuan kewangan seterusnya kepada semua peniaga-peniaga kecil. Walau bagaimanapun, kerajaan membantu mereka melalui strategi dan membina suatu...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, soalan Yang Berhormat bagi Subang ialah dia nak tahu cara macam mana kita boleh sampaikan maklumat kepada mereka yang berkenaan?

**Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebutkan, MITI sentiasa melalui SMIDEC yang menyalurkan bantuan itu, agensi yang menyalurkan bantuan itu, mengadakan sesi-sesi dialog dengan peniaga-peniaga kecil dan kita selalu minta bantuan juga daripada persatuan-persatuan peniaga seperti *Chamber of Commerce* dan juga persatuan politik supaya mereka dapat menyalurkan maklumat ini kepada ahli-ahli mereka dan kita menyerukan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat supaya juga membantu kita dalam usaha ini, seperti mengadakan seminar-seminar dianjurkan oleh persatuan mereka. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik, Yang Berhormat bagi Puchong.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ya, Yang Berhormat bagi Sri Gading?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Soalan tambahan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya sudah sebut Yang Berhormat bagi Puchong.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Yang Berhormat bagi Puchong ya? Tidak boleh Sri Gading? *[Ketawa]*.

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** Yang Berhormat bagi Sri Gading boleh. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih...

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Tak boleh.

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** ...Kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya memang, tadi saya dengar jawapan daripada Setiausaha Parlimen bahawa

kerajaan telah melalui berbagai-bagai skim ingin menolong, sedang dan akan menolong semua pengusaha SME ini. Daripada jawapan tadi juga, saya diberitahu bahawa kementerian juga memberi panduan kepada pengilang ataupun sektor perkilangan dan sektor pembuatan daripada aspek ICT. Sedarkah Yang Berhormat, sekarang ini, soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua, kalau sesiapa yang meminta SMIDEC untuk memberi bantuan atau geran daripada ICT ini, berbagai-bagai kerenah birokrasi berlaku.

Daripada *supplier* dengan izin, pembekal dia yang akan ditentukan, perisian yang akan ditentukan, dan juga *maintenance*, bagaimana dia akan ditentukan oleh kementerian ini? Atau dia satu '*grinch*' sahaja dan ini akan menambah lagi kerenah birokrasi kepada pemohon-pemohon ini. Soalan tambahan saya ialah, adakah kementerian memberikan satu *review* yang lebih konkrit dan juga sempurna terhadap apa-apa peraturan yang sedang dan akan dilakukan oleh MITI ini? Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukup Yang Berhormat, cukup.

**Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew:** Tuan Yang di-Pertua, permohonan permintaan bantuan kewangan memang ada banyak dan pegawai kita kena menjalankan tugas mereka dengan berhati-hati supaya memastikan tak ada salah guna bantuan kewangan ini. Oleh itu, pemohon-pemohon kena melalui beberapa proses untuk *verification* permohonan mereka. Saya rasa ini memang adalah suatu proses yang diperlukan. Walau bagaimanapun, sekiranya ada ...

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** Bila proses *verification* sudah sampai, *software* pembekal telah *outdated*, telah *outdated*!!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, walau bagaimanapun tunggu jawapan tambahan.

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** Telah *outdated*, *this outdated*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Jawapan, Yang Berhormat.

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** Bila... maksud saya Tuan Yang di-Pertua,

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tak apa Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat!

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** Bila proses itu *verification* sudah sampai, satu tahun, dua tahun, *software* yang dibeli sudah *outdated*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Setiausaha Parlimen sudah cakap bahawa soalan belum habis.

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** Itu masalah dia.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat! Belum habis jawapan.

**Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew:** Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat kes-kes spesifik ataupun aduan yang spesifik, boleh rujukkan kepada saya ataupun pegawai saya. Saya juga minta cadangan ataupun pandangan daripada Yang Berhormat merujukkan perkara seperti ini. Kita mengalu-alukan cadangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekian, terima kasih.

9. **Dato' Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]** minta Perdana Menteri menyatakan, berapakah jumlah yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan untuk menghapuskan kemiskinan masyarakat luar bandar semenjak negara merdeka dan apakah faktor yang menyebabkan jurang kemiskinan antara masyarakat bandar dan luar bandar semakin melebar.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman]:** Tuan Yang di-Pertua, semenjak merdeka, pembangunan di kawasan luar bandar terus diberi perhatian utama memandangkan sebahagian besar yang miskin dan berpendapatan rendah tinggal di luar bandar. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima sehingga Rancangan Malaysia Kelapan, lebih kurang RM51 bilion. Saya ulangi lebih kurang RM51 bilion telah dibelanjakan oleh kerajaan bagi pembasmian kemiskinan dan peningkatan kualiti masyarakat luar bandar yang meliputi program pembangunan, pertanian dan industri luar bandar, kemudahan sosial dan infrastruktur seperti pusat komuniti masyarakat, jalan luar bandar, bekalan air bersih dan elektrik dan sebagainya yang memberi kesan secara langsung dan tidak langsung kepada masyarakat luar bandar.

Bagi tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan sebanyak RM540 juta telah luluskan di bawah Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) khususnya untuk melaksanakan agenda pembasmian kemiskinan di kawasan luar bandar. Untuk makluman ahli Yang Berhormat perbelanjaan yang dinyatakan tersebut merupakan peruntukan perbelanjaan pembangunan sahaja. Kerajaan juga menyediakan peruntukan bagi membantu golongan miskin melalui peruntukan di bawah perbelanjaan operasi bagi Kementerian dan agensi untuk program seperti Program Biasiswa, Makanan Tambahan, Baucar Tuisyen, Buku Teks, Pakaian Seragam kepada Pelajar miskin di kawasan luar bandar di samping program kebajikan untuk golongan warga emas, Orang Kurang Upaya dan sebagainya. Selain daripada itu, perbelanjaan yang besar juga diperuntukkan oleh Majlis Agama Islam di peringkat negeri dalam usaha membasmi kemiskinan dan meningkatkan kualiti hidup masyarakat luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun banyak kejayaan telah dicapai dalam usaha membasmi kemiskinan di luar bandar, tidak dinafikan jurang pendapatan di antara isi rumah bandar dan luar bandar masih melebar. Keadaan ini berlaku antara lain disebabkan oleh struktur ekonomi dan potensi pertumbuhan yang lebih memihak kepada kawasan bandar. Di samping itu proses pembandaran juga telah menukar status menjadikan kawasan yang lebih maju di luar bandar kepada bandar. Manakala kawasan yang kurang maju, terus kekal dengan ciri-ciri kawasan luar bandar.

Sehubungan dengan itu kerajaan akan terus berusaha untuk meningkatkan potensi pertumbuhan kawasan luar bandar menjelang tahun 2010 dan sasaran juga telah ditetapkan untuk mengurangkan jurang pendapatan luar bandar dan bandar kepada satu dengan kadar dua.

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. RM51 bilion telah pun dibelanjakan dan 50 tahun lebih kita merdeka. Seharusnya jika kita berjaya di dalam program-program yang dijalankan, tentunya kemiskinan akan mengecil perbezaannya tentu sahaja akan mengecil tetapi, apa yang berlaku ialah kemiskinan jurang perbezaan masih lagi melebar. Jadi adakah pihak kerajaan akan mengkaji punca-punca kegagalan tersebut dan adakah akan menilai semua program-program yang telah dijalankan dan satu lagi ialah kalau kita lihat...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, cukuplah.

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** ...Yang *last*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Bagi peluang kepada Yang Berhormat yang lain untuk bertanya.

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Sedikit sahaja, sedikit sahaja. Kalau kita lihat, banyak kementerian yang terlibat dalam usaha ini seperti KKLW, Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Usahawan, Pelajaran dan pelbagai lagi. Kita nampak seolah-olah tidak wujud satu koordinasi di antara kementerian ini untuk memerangi kemiskinan. Adakah pihak kementerian juga bercadang untuk mewujudkan satu Jawatankuasa Kabinet untuk menangani isu ini dan jika ada, apakah perancangan-perancangan? Terima kasih.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman:** Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin menafikan pendapat Yang Berhormat yang menyatakan bahawa rancangan ataupun Program Kerajaan tidak berjaya. Sebenarnya kita telah berjaya daripada sejak kita

lancar Rancangan Malaysia Kelima. Ini jelas Tuan Yang di-Pertua, saya bagi contoh. Umpamanya kadar kemiskinan luar bandar. Dalam tahun 1970, kadar kemiskinan ialah 58.6%, tetapi dalam tahun 2004 yang lalu, ia turun 11.9%. Maknanya telah turun kadar kemiskinan ini sebanyak 46.7%. Ini adalah satu pencapaian yang sangat baik.

Bahkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan yang sedang dirancang oleh kerajaan, kita hendak menghapuskan terus kadar kemiskinan kecuali kadar kemiskinan tegar, kecuali kadar kemiskinan keseluruhan kepada 2.7%. Ini menunjukkan bahawa kerajaan memang sangat serius dalam hal menghadapi mereka yang miskin di luar bandar. Mengenai perkara yang kedua yang ditimbulkan oleh..., cuma satu lagi saya hendak bagi tahu juga tentang apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, iaitu tentang pendapatan umpamanya. Kalau kita lihat, dalam tahun 1980, pendapatan bulanan kasar isi rumah luar bandar adalah RM523 tetapi dalam tahun 2004, ia telah meningkat kepada RM1,875.

Ini menunjukkan satu pencapaian yang saya merasakan kita perlu bangga dengan kerajaan kita. Di samping itu apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat, memang awal-awal tadi tentang penyelarasan telah disebutkan, memang kita sebutkan semua agensi semua kementerian melihat bahawa di hadapan kita yang mustahak sekali yang hendak menghapuskan kemiskinan di dalam negara kita kerana itulah dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, Yang Amat Berhormat telah membentangkan satu rancangan di mana hendak mengurangkan *disparity* di kalangan penduduk-penduduk negara ini tanpa mengira kaum dan sebagainya.

Oleh hal demikian, Yang Berhormat dalam hal ini memang kerajaan ada jawatankuasa-jawatankuasanya yang telah dibentuk di antara kementerian-kementerian untuk memastikan supaya segala peruntukan di bawah kementerian masing-masing ini akan dirancang dan disalurkan supaya ianya mencapai matlamat yang lebih baik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Sri Gading untuk soalan tambahan.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Baiklah, tetapi Tuan Yang di-Pertua pilih Itali, Itali menang semalam.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat...

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Ini sejarah dunia Tuan Yang di-Pertua untuk 2006, Itali menjadi juara Piala Dunia, pilihan Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Beritahu kepada Menteri Belia dan Sukanlah.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Menteri Belia tidak ada.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Dahulu sokong Perancis, sekarang sokong Itali.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Mengikut Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, Yang Berhormat punya sokongan tukar-tukar.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Tidak ada, dia yang tukar, saya tidak tukar. Saya tetap Itali.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah, soalan tambahan.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Baiklah, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Beberapa Ahli Pembangkang:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Tidak dinafikan, kerajaan Barisan Nasional terus meneruskan berusaha dan memberikan peruntukan yang besar dalam hendak menghapuskan kemiskinan. Walau bagaimanapun, walaupun begitu, sedar tidak Yang Berhormat Timbalan Menteri, soal kemiskinan ini tidak akan dapat tercapai untuk dihapuskan kalau kita tidak menekankan pendidikan sebagai satu alat pengubah nasib. Hari ini Tuan Yang di-Pertua, dia menjadi kenyataan, di pihak orang-orang miskin terutama

miskin tegar, dia ada empat anak Tuan Yang di-Pertua. Malaysia ini terkenal dengan anak yang ramai lebih-lebih lagi kalau isterinya ramai. Oleh sebab kemiskinan tiga anak berhenti sekolah, maknanya keluarga ini akan terus mewarisi kemiskinan dengan tidak kemampuan. Boleh tidak kerajaan melalui kementerian mana-mana yang berkaitan, anak-anak ini diambil terus buat satu asrama sekolah-sekolah asrama penuh dan sebagainya. Ambil tanggung sebenar-benar tanggung. Supaya....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat....

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Ya Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Bukan masa untuk berhujah.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Kalau tidak berhujah bagaimana hendak menyoal Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri faham. Saya pun faham.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Dia faham, saya pun faham, kita pun faham tetapi, masalah tidak berubah Tuan Yang di-Pertua. Ini masalah dalam negara kita.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Itu cerita lain.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Di tanya semua faham, kalau tanya menteri, semua faham.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah, apakah soalan tambahan?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Inilah soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua... [Ketawa]

Inilah soalan tambahan, mari kita menggembleng tenaga, menggembleng usaha supaya keciciran dalam masyarakat kita yang kalau kita biarkan kemiskinan ini tidak akan dapat dihapuskan. Lebih-lebih lagi Sabah dan Sarawak dan jangan lupa Sabah dan Sarawak ialah tanah air kita.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, itulah kadang-kadang saya memang takut Yang Berhormat untuk minta soalan tambahan.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Alangkah bagusnyanya Tuan Yang di-Pertua Ahli Parlimen macam ini menyuarakan masalah rintihan rakyat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah, cukup-cukup.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Rakyat di hulu-hulu, di pedalaman, tidak berkebolehan dan berkemampuan untuk bercakap dalam Dewan ini Tuan Yang di-Pertua, saya mewakili mereka, saya mewakili rakyat yang tertinggal ini Tuan Yang di-Pertua. Belas kasihanlah kepada mereka, mereka bukan tidak tahu bahawa pelajaran itu boleh mengubah nasib tapi kemampuan yang menyekat mereka. Ini kenyataan, boleh tak kita berikan perhatian yang lebih supaya sebenar-benarnya anak-anak ini jangan tercicir daripada arus.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Larut sudah lama tunggu.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Okey Tuan Yang di-Pertua, saya sampai di sini Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Soalan tak ada lah ha?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Inilah soalan Tuan Yang di-Pertua kerana Tuan Yang di-Pertua penat, saya pun penat, Itali menang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah, balik tidurlah Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman:** Tuan Yang di-Pertua, saya ambil Itali juga, tapi saya sedih sebab kapten Perancis kena keluar padang, Zidane kad merah, saya agak sedih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Sri Gading malam tadi tak tidur, sebab itu dia cakap banyak pagi ini.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman:** Oh! Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya apa yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat itu memang sentiasa di dalam sanubari seluruh pemimpin-pemimpin kerajaan khususnya Barisan Nasional. Saya ingin maklumkan kepada Yang Berhormat apa yang ditanyakan ini walaupun lain di bawah Kementerian Pelajaran tetapi kita maklum bahawa oleh kerana prihatinnya kerajaan kita sebab itu kerajaan di peringkat pendidikan rendah diwajibkan di negara kita. Jadi tidak ada sebab, kalau kita kata kita tak bagi keutamaan kepada pendidikan di dalam negara kita. Bahkan di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, sebanyak RM1.5 bilion diperuntukkan untuk bantuan kebajikan kepada murid-murid miskin di bandar dan di luar bandar, RM1.5 bilion.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Dan sekarang pun, Kementerian Pelajaran bagi bantuan KUAM, Kumpulan Amanah sebanyak RM200 setahun untuk belajar, bayar yuran, barangkali untuk perbelanjaan-perbelanjaan sekolah. Ini membuktikan bahawa kerajaan sangat prihatin kepada sekarang ini, bahkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan 20.6% diperuntukkan kepada pendidikan dan latihan. Ini menunjukkan bahawa ilmu adalah penting kepada kita dan kita pun dapat lihat khususnya di FELDA-FELDA kita lihat generasi kedua mereka sekarang, tidak lagi berada di sana, bahkan mereka berada di menara gading Yang Berhormat. Jadi menunjukkan bahawa petunjuk-petunjuk ini menggambarkan bahawa kita memang memberi keutamaan kepada pendidikan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya jemput soalan Yang Berhormat bagi Larut.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Ha, ini kalah ambil Perancis.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Sebelum itu izinkan saya untuk mengalu-alukan rombongan di kalangan guru besar sekolah dari Maran dan juga Kuala Selangor dan mungkin jemputan yang lain.

10. **Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]** minta Menteri Kewangan menyatakan, apakah inisiatif yang telah dilaksanakan oleh Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) selepas institusi kewangan itu mengalami kerugian sebanyak RM480 juta pada tahun 2005 dan adakah Bank Negara Malaysia (BNM) sendiri mengadakan syarat yang ketat terhadap peminjam daripada operasi luar pesisir.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Larut. Tuan Yang di-Pertua, kerugian sebanyak RM479.8 juta ataupun hampir RM480 juta yang direkodkan oleh BIMB (Bank Islam Malaysia Berhad) pada tahun 2005 adalah kes yang terpencil. Berpunca daripada pengurusan kredit yang lemah bagi operasi luar pesisir di Labuan. Sehubungan ini BIMB telah pun mengambil pelbagai langkah positif untuk mengukuhkan kedudukan kewangan dan daya saingnya pada masa hadapan, di antaranya ialah:

- (i) memperkukuhkan urus tadbir korporat bank berkenaan;
- (ii) memperkukuhkan kerangka pengusahaan risiko dan penilaian kredit bank termasuk operasi luar pesisir;

- (iii) suntikan modal daripada pemegang saham sedia ada dan pelabur asing yang berminat untuk memegang ekuiti di dalam BIMB. Dalam hubungan ini, pegangan ekuiti asing dalam bank-bank Islam secara agregat termasuk ekuiti dalam syarikat induk dibenarkan sehingga 49%; dan
- (iv) pemantauan berterusan bagi memastikan kedudukan bank terus kukuh.

Tuan Yang di-Pertua, penyeliaan untuk operasi luar pesisir adalah di bawah bidang kuasa Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa Labuan ataupun LOFSA . Walau bagaimanapun sekiranya pemastautin ingin mendapatkan kemudahan kredit dalam mata wang asing pada jumlah agregat melebihi bersamaan RM50 juta daripada Bank Luar Pesisir berlesen yang bukan pemastautin, pemastautin tersebut hendaklah mendapatkan kebenaran daripada Bank Negara terlebih dahulu. Untuk kemudahan kredit dalam mata wang asing dalam jumlah agregat kurang daripada bersamaan RM50 juta, pemastautin hanya perlu mendaftarkan pinjaman tersebut kepada Bank Negara. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Setiausaha Parlimen. Saya mendapat tahu bahawa Dubai Investment Group (DIG) melalui anak syarikatnya Dubai Financial LLC dan juga Lembaga Tabung Haji telah menyuntik modal lebih RM1 bilion dalam Bank Islam melalui pembelian kepentingan yang dimateraiakan baru-baru ini. Malah saya juga melihat DIG ialah sebuah agensi pelabur kerajaan Emeriah Arab Bersatu yang membeli 40% kepentingan dalam Bank Islam dengan harga RM828 juta. Manakala Tabung Haji pula menguasai 9% dengan harga RM186 juta. Syabas kepada Tabung Haji kerana begitu prihatin.

Soalannya, adakah suntikan modal dari kedua-dua syarikat besar ini Tuan Yang di-Pertua, sebagai satu alternatif dalam menyelesaikan hutang piutang BIMB bagi jangka pendek ataupun jangka panjang? Lagi satu saya melihat bahawa sekarang ini sudah ada *smart partnership* di antara Bank Islam dan juga Tabung Haji. Apakah pihak Kementerian Kewangan boleh membenarkan supaya urusan Tabung Haji untuk menggalakkan lebih ramai penabung turut dibuat di kaunter-kaunter Bank Islam? Kerana pada hari ini saya ucapkan syabas kepada Tabung Haji kerana mereka telah memulakan urusan Bank Islam dengan kaunter-kaunter di Tabung Haji. Jadi apakah Bank Negara boleh melihat perkara ini bagi menggalakkan lagi mesra pelanggan untuk terus mendekati diri.

Kerana kita tahu Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Bank Islam ini juga mendapat sambutan daripada orang ramai yang bukan Islam tetapi masalahnya ialah oleh kerana bank ini ada dana yang ditanam oleh kerajaan terutamanya mungkin tenaga kakitangan yang ada tidak begitu mesra dengan pelanggan. Kalau ini dapat lagi digalakkan, Insya-Allah saya rasa lebih ramai lagi pelanggan-pelanggan daripada kalangan bukan Islam mendekati dengan Bank Islam. Cuma saya nak tanya tadi tentang kaunter Tuan Yang di-Pertua, apakah Bank Negara boleh membenarkan kaunter-kaunter urusan Tabung Haji ini dibuka di kaunter-kaunter Bank Islam? Kerana kaunter Bank Islam telah pun dilaksanakan di kaunter-kaunter Tabung Haji. Ini boleh menggalakkan lagi lebih ramai lagi penabung untuk berurusan dengan Tabung Haji dan Bank Islam. Daripada mereka melaburkan wang mereka dengan agensi-agensy yang mungkin tidak mendatangkan manfaat.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Larut. Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat dari segi struktur *share holding* dengan izin Tabung Haji di dalam Bank Islam memang cukup tinggi. Ini saya bagi di sini, dalam syarikat induk BIMB Holding Berhad, Tabung Haji mempunyai hampir 30% dan bila di campur dengan 9% yang dipegang secara *direct* Tuan Yang di-Pertua dengan izin, maka Tabung Haji mempunyai ekuiti yang cukup tinggi dalam Bank Islam. Maka cadangan daripada Yang Berhormat bagi Larut memang amat kena pada tempatnya iaitu Tabung Haji patut mengadakan kaunter-kaunter di Bank Islam yang begitu banyak di seluruh negara, ini memudahkan rakyat untuk berurusan.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Penjelasan. Bukan masalah Tabung Haji sekarang Yang Berhormat, tapi kalau boleh Bank Negara membenarkan untuk Bank Islam membenarkan kaunter urusan Tabung Haji dibuka di bank.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik Yang Berhormat, dia belum jawab lagi, dia belum jawab.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Yang ini ialah sebab Tabung Haji memberi ekuiti yang cukup tinggi dalam bank Islam maka sewajarnya Tabung Haji boleh mengadakan kaunter-kaunter mereka di Bank Islam. Yang keduanya, memang suntikan modal adalah tinggi daripada Dubai Islamic Bank dan juga daripada Tabung Haji ini 49% daripada keseluruhan modal maknanya memang kerajaan yakin bahawa dengan modal yang begitu banyak yang telah disediakan maka Bank Islam dapat mengatasi masalah kewangan mereka yang berlaku pada tahun 2005. Pada 2006 dijangka akan mendapat keuntungan. Jadi kerugian sebenarnya adalah dalam operasi luar pesisir bukan dalam negara. Kita yakin bahawa Bank Islam akan mendapat keuntungan selepas ini Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, bolehkah kemudahan kaunter itu dibuat oleh Bank Islam kepada Tabung Haji dan Tabung Haji kepada Bank Islam. Boleh?

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, ini urusan perniagaan antara Tabung Haji dengan Bank Islam dan saya sudah sebut tadi bahawa Tabung Haji mempunyai ekuiti yang cukup tinggi dalam Bank Islam maka sewajarnya Tabung Haji dibenarkan mengadakan kaunter di Bank Islam.

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Setiausaha Parlimen. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak beri pembedaan sedikit. Belakang kita ada seramai 80 orang guru besar daripada Parlimen Maran bukan Marang. Maran Pahang. Soalan tambahan saya....

**Tuan Yang di-Pertua:** Maran bukan Marang.

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Maran Pahang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, baik.

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua, RM480 juta ini bukan satu jumlah yang kecil yang dialami oleh Bank Islam. Saya bimbang walaupun tadi Setiausaha Parlimen mengatakan bahawa ini adalah akibat daripada kelemahan pengurusan kredit. Saya bimbang terdapat penyelewengan yang berlaku dalam Bank Islam.

Saya minta Setiausaha Parlimen berikan penjelasan, apakah terdapat penyelewengan sebenarnya berlaku dalam Bank Islam sehinggakan menyebabkan kita rugi RM480 juta dan ini memalukan negara kita, memalukan umat Islam sendiri dan katakanlah tidak ada dikatakan tadi kelemahan pengurusan kredit kenapa kelemahan ini begitu lama sehingga kita mengalami kerugian RM480 juta. Mohon penjelasan. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, saya sudah sebut tadi dalam jawapan asal tadi bahawa kerugian RM480 juta adalah akibat daripada operasi luar pesisir tapi dalam negara, Bank Islam masih lagi untung dan ini adalah satu perkara yang terencil yang berlaku dan saya yakin dengan perubahan yang telah dibuat dalam peringkat pengurusan di Labuan sendiri dan juga di Semenanjung maka kerajaan yakin bahawa tidak akan berulang keadaan seperti ini Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, sekian sahaja soal jawab lisan pada pagi ini. Setiausaha.

**[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi jawab Lisan telah tamat]**

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT  
DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18(1)**

**SURUHANJAYA DIRAJA SIASATAN AWAM  
TERHADAP BAILOUT TAJUDDIN - MAS**

**11.34 pagi.**

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri untuk mencadangkan bahawa di bawah Peraturan mesyuarat 18(1) Dewan yang mulia ini memberi laluan kepada Ahli Parlimen bagi Ipoh Timor untuk membawa satu Usul mengenai perkara tertentu, berkenaan kepentingan orang ramai, yang berkehendak disegerakan iaitu Kabinet harus menubuhkan satu Suruhanjaya Diraja Siasatan untuk menjalankan siasatan awam terhadap *bailout* Tajudin-MAS yang bernilai RM1.8 bilion, kerugian pertukaran mata wang asing Bank Negara sebanyak RM30 bilion dan skandal-skandal kewangan mega lain dalam dua dekad yang lalu untuk menegakkan ketelusan, amanah, integriti dan pentadbiran baik kerajaan sekarang tanpa membicarakan *merit-suit* dan *counter-suit* di antara Danaharta dan Tan Sri Tajudin Ramli terhadap jual balik RM1.8 bilion saham MAS kepada kerajaan pada 2000 dengan harga RM8 sesaham apabila harga pasaran hanya RM3.68 atau satu premium RM4.32 iaitu 117% dan tanpa mempedulikan keputusan dedikasi soalan-soalan pentadbiran baik yang asas serta isu-isu berkaitan kepentingan awam yang sudah berada di domain awam mewajibkan perhatian Parlimen dan kabinet khususnya soalan-soalan berikut:

- (i) Sama ada Parlimen dan negara telah dipesong selama lebih sedekad berkenaan:
  - (a) 32% *bailout* saham MAS pada 1994 oleh Tajudin dan jual balik saham itu pada harga RM1.8 bilion kepada kerajaan pada tahun 2000; dan
  - (b) kerugian pertukaran mata wang asing sebanyak RM30 bilion oleh Bank Negara antara 1992 ke 1994 disebabkan oleh operasi spekulasi mata wang asing antarabangsa
- (ii) Sama ada Parlimen dan negara telah di pesong oleh Menteri Kewangan masa itu Tun Daim Zainudin dalam jawapannya semasa waktu soal jawab di Dewan Rakyat pada 21 Mac 2001 yang membuat kenyataan palsu termasuk:
  - (a) bahawa tiada pertimbangan khas diberi kepada Tajudin dalam pembelian saham MAS daripada naluri;
  - (b) bahawa cadangan RM8 sesaham untuk pembelian saham MAS oleh Tajudin merupakan harga terbaik mengikut kepentingan negara; dan
  - (c) bahawa Tajudin merupakan seorang *reluctant seller* untuk RM8 sesaham sedangkan harga pasaran ialah RM3.68.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Pemberitahu Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Ahli Yang Berhormat bagi kawasan Ipoh Timor pada hari Khamis, 6 Julai 2006. Teks Usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebentar tadi.

Bagi membolehkan perkara ini ditimbang oleh Majlis Mesyuarat pada hari ini, saya sebagai Tuan Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat:

- (i) bahawa perkara itu tertentu;
- (ii) bagi kepentingan orang ramai; dan
- (iii) ia berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa perkara ini adalah perkara yang tertentu dan ini adalah juga bagi kepentingan orang ramai. Berkehendak disegerakan, saya berpendapat bahawa perkara ini tidak perlu disegerakan. Perkara yang dibangkitkan itu mempunyai kaitan dengan satu kes yang sedang dalam pertimbangan oleh Mahkamah. Oleh itu, adalah tidak wajar perkara sedemikian dibahaskan pada hari ini. Oleh yang demikian saya menolak Usul ini di bawah Peraturan Mesyuarat 18(2).

### **RANG UNDANG-UNDANG**

#### **RANG UNDANG-UNDANG PERDAGANGAN ELEKTRONIK 2006**

##### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah,

“Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.” **[6 Julai 2006]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Diminta Yang Berhormat Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna untuk menjawab.

**11.38 pagi**

**Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat terutamanya Ahli Yang Berhormat bagi Bera, Yang Berhormat bagi Petrajaya, Yang Berhormat bagi Larut, Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu, Yang Berhormat bagi Lipis, Yang Berhormat bagi Tanjong, Yang Berhormat bagi Bukit Bintang, Yang Berhormat bagi Puchong, Yang Berhormat bagi Pontian, Yang Berhormat bagi Kepong, Yang Berhormat bagi Batu Pahat, Yang Berhormat bagi Jerai, dan Yang Berhormat bagi Muar yang telah membangkitkan beberapa isu berkenaan dengan Rang Undang-undang Perdagangan Elektronik 2006.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan sebenar Rang Undang-undang ini digubal adalah untuk mengatasi halangan-halangan yang wujud bagi menjalankan transaksi secara elektronik. Rang Undang-undang ini mengiktiraf dari segi undang-undang akan transaksi yang dijalankan secara elektronik tetapi pada masa yang sama tidak melarang transaksi secara konvensional. Dengan adanya penentuan sah atau *certainty* dengan izin perkara ini akan memberi keyakinan kepada masyarakat secara umum untuk membuat transaksi secara elektronik.

Dalam masa perbahasan rang undang-undang saya mendapati bahawa terdapat beberapa isu utama khususnya berkaitan isu-isu perlindungan pengguna telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Bera, Yang Berhormat bagi Petrajaya dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain. Dalam bacaan kali yang kedua pembentangan rang undang-undang ini saya telah menyatakan dari segi aspek perlindungan pengguna bahawa ianya amat penting bagi memastikan pengguna secara amnya mempunyai keyakinan untuk

menjalankan transaksi secara elektronik dan menyatakan akan Akta Undang-undang Perlindungan Pengguna 1999 akan turut dipinda.

Sehubungan itu, pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna bukan hanya akan menggubal Rang Undang-undang Pelindungan Pengguna 1999 khususnya bagi Seksyen 2(2G), bahkan juga aspek-aspek yang lain, yang menjamin perlindungan pengguna.

Persoalan mengapa elemen perlindungan pengguna tidak dimasukkan dalam Rang Undang-undang ini adalah atas sebab Rang Undang-undang ini spesifik kepada mengatasi halangan-halangan yang wujud dalam menjalankan transaksi elektronik dan memberi pengiktirafan terhadap transaksi tersebut. Undang-undang di negara lain seperti di Singapura, dan juga di *UNCITRAL Model Law of Electronic Commerce 1996*, dengan izin, juga tidak mempunyai Fasal-fasal Pelindungan Pengguna dalam Undang-undang Perdagangan Elektronik mereka. Kementerian juga akan memperkenalkan risalah dan juga garis panduan bagi transaksi elektronik, Kementerian juga sedang mengkaji kemungkinan memperkenalkan *check-list for business to e-commerce in Malaysia*, dengan izin.

Bagi Institusi Kewangan garis panduan minimum berkenaan perbankan *internet* telah dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia untuk memastikan para pengguna mendapat maklumat yang secukupnya dan diberi pendidikan berhubung terma-terma perkhidmatan perbankan *internet*. Institusi-institusi kewangan diminta untuk memastikan bahawa produk dan perkhidmatan yang ditawarkan menerusi *internet* adalah tepat dan sama seperti yang dipamerkan. Sekiranya institusi-institusi kewangan didapati terlibat di dalam perbuatan penipuan atau pun pemberian maklumat palsu terhadap produk dan perkhidmatannya, Bank Negara tidak akan teragak-agak untuk memaklumkan kepada orang awam tentang kesannya di dalam apa juga bentuk sekali pun termasuk hebahan di dalam laman *web* Bank Negara Malaysia.

Bagi pemindahan wang elektronik, terdapat garis panduan yang menyediakan kerangka asas untuk mewujudkan hak tanggungjawab dan tanggungjawab pelanggan serta institusi kewangan berhubung pemindahan wang elektronik. Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Larut telah membangkitkan sama ada semua transaksi elektronik yang dijalankan sebelum ini adalah tidak sah seperti yang telah saya sebutkan tadi, rang undang-undang ini memberi keyakinan kepada pengguna dan pengiktirafan dari segi undang-undang bagi transaksi secara elektronik. Ini tidak bermakna bahawa semua transaksi yang dijalankan sebelum penggubalan rang undang-undang ini adalah tidak sah dan tidak terpakai.

Sebelum penggubalan, Rang Undang-undang ini para pengguna tidak mempunyai sebarang perlindungan atau *fallback* dengan izin. Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Puchong, Bera, Pontian, Tanjong, Lipis dan Kuala Terengganu telah membangkitkan isu-isu penipuan atau *fraud* dengan izin. Memang benar unsur-unsur penipuan merupakan salah satu perkara yang utama yang tidak menggalakkan pengguna untuk menjalankan transaksi secara elektronik. Antara kes penipuan, kes-kes penipuan besar yang dikenal pasti ialah seperti pengklonan kad kredit.

Sebagai langkah membanteras pengklonan, jumlah mulai Januari 2005, industri kad kredit secara keseluruhannya telah mengambil inisiatif untuk menukar kad kredit berjalur magnetik atau *magnetic stripe*, dengan izin, kepada kad bercip atau *chip based card* berasaskan piawai EMV atau *Euro PayMaster, Master Card Visa*. Sejak penggunaan kad kredit bercip ini, pengklonan kad kredit didapati telah menurun dengan mendadak. Sedikit data yang saya hendak sampaikan, pada tahun 2004 sejumlah pengklonan kad kredit kerugian ialah dalam lingkungan RM69.9 juta, pada tahun 2005 dia menurun RM35.2 juta, pada tahun 2006 menurun RM3.8 juta.

Mengenai piawai yang digunakan oleh Bank-bank perdagangan untuk pembayaran secara elektronik menerusi *internet*, Visa dan *MasterCard* menggunakan piawai *Secure Sockets Layer (SSL)* bagi perkhidmatan pembayaran secara elektronik untuk transaksi e-dagang menerusi *internet*. Bank-bank Perdagangan menggunakan

piawaiian SSL dan *Aspect Protocol 3D Secure*, dengan izin, iaitu *verified by Visa and MasterCard Secure Code*, yang masing-masing dibangunkan oleh Visa dan MasterCard.

**Tuan Billy Abit Joo [Hulu Rajang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin menyentuh sedikit tentang isu kepentingan pengguna dalam *Bill* yang dicadangkan ini. Yang Berhormat Menteri, saya sudah meneliti beberapa peruntukan serta kaitan peruntukan-peruntukan ini dengan kepentingan pengguna. Walaupun ketika penggulungan tadi, Yang Berhormat Menteri ada menyatakan beberapa garis panduan serta beberapa pindaan yang akan dibuat terhadap beberapa akta lain yang berkaitan dengan perlindungan pengguna.

Yang Berhormat Menteri, terdapat beberapa peruntukan yang jelas dalam *Bill* ini, dalam Rang Undang-undang ini, yang secara langsung meletakkan keadaan pengguna itu dalam keadaan yang serba salah. Saya ambil satu contoh yang cukup jelas, peruntukan Seksyen 3(2) kepada Rang Undang-undang ini, yang secara nyatanya memberi andaian mengenakan andaian, atau dalam bahasa Inggerisnya *presumption* dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Andaian ini sudah tentu boleh dikenakan kepada pengguna yang buta komputer, *computer illiterate* dan ini boleh di salah lakukan atau boleh menyebabkan orang yang tidak bertanggungjawab ini mengambil kesempatan untuk melakukan transaksi kepada orang-orang yang tidak boleh membaca komputer ini, *computer illiterate*...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ringkaskan penjelasan.

**Tuan Billy Abit Joo [Hulu Rajang]:** Ya, jadi, Tuan Yang di-Pertua, kebimbangan ini berlaku di mana-mana terutama sekali kepada penduduk luar bandar, yang mungkin juga orang-orang tua yang tinggal bersendirian misalnya, oleh peniaga-peniaga, *door to door*, pintu ke pintu, yang membawa *laptop* yang terus memberi kod untuk elektronik *signature* dan sebagainya. Dan adakah Kementerian memandang serius perkara ini akibat daripada salah laku yang boleh dilakukan penjaja-penjaja sedemikian. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Hulu Langat. Perkara ini memang dibangkitkan pun dalam perbahasan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat terdahulu dan saya Insya-Allah akan menjawabnya sekali gus bila mana dia datang di peringkat yang awal. Walaupun demikian saya hendak sedikit mengambil kesempatan ini untuk menyatakan bahawa rang undang-undang ini bukanlah satu rang undang-undang yang *mandatory*, yang memaksa pihak-pihak pengguna untuk menggunakan kemudahan transaksi secara elektronik, ada pilihan kalau sekiranya masyarakat kita tidak mempunyai kemahiran tertentu dalam penggunaan bahan seperti peralatan elektronik, maka mereka boleh mengambil cara secara *conventional*, dalam rang undang-undang ini tidak ada paksaan, dia ada pilihan.

Maknanya, mana pelanggan atau pun pengguna yang kurang pengalaman, pengetahuan tentang penggunaan elektronik, seharusnya mereka mengambil langkah yang bijak untuk melindungi diri mereka, jangan terjerumus dalam keadaan penggunaan sistem yang mereka mempunyai kesangsian atau pun ketidakupayaan untuk melangsungkan urusan perniagaan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebutkan tadi, Bank-bank perdagangan menggunakan piawaiian SSL dan aplikasi *Protocol 3D Secure* dengan izin, iaitu *verified by Visa and MasterCard Secure Code*, dengan izin, yang masing-masing dibangunkan oleh Visa dan MasterCard. Visa dan MasterCard kini mempromosikan penggunaan *3D secure* bagi transaksi kad kredit menerusi *internet*. Di mana ianya mempunyai ciri-ciri keselamatan yang lebih tinggi bagi membolehkan pihak pengeluar kad kredit membuat pengesahan identiti dan kata laluan pemegang kad kredit tersebut. Pada masa kini beberapa bank-bank perdagangan telah pun beralih kepada penggunaan protokol, *3D Secure* ini.

Bagi penipuan-penipuan lain pula, Kanun Tatacara Jenayah akan diguna pakai, pengguna yang menjadi mangsa penipuan boleh membuat laporan polis berkenaan perkara tersebut. Bagi perkara-perkara yang melibatkan penyalahgunaan komputer seperti *access* yang tidak sah, penggunaan alat elektronik ke dalam sistem komputer atau pangkalan data orang lain bagi tujuan penipuan atau pemalsuan, Akta Jenayah Komputer 1997 memperuntukkan denda dan hukuman penjara bagi mereka yang didapati bersalah, apa

yang saya ingin tekankan ialah perlindungan bagi menjamin hak-hak pengguna semasa menjalankan transaksi secara elektronik adalah pada tahap yang memuaskan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu bagi pengguna-pengguna yang '*e-illiterate*', pengguna-pengguna harus mengambil sikap proaktif dan berhati-hati sebelum menjalankan transaksi secara elektronik. Jika seseorang itu tidak tahu menggunakan komputer ataupun tidak cekap menggunakan internet, maka mereka harus memilih dan menggunakan transaksi secara konvensional. E-dagang merupakan salah satu cara perdagangan dan saya ingin tekankan di sini bahawa rang undang-undang ini tidak memaksa seseorang menggunakan transaksi secara elektronik.

Bagi isu-isu yang melibatkan perlindungan data peribadi yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Bera dan Puchong, terdapat beberapa perlindungan di bawah sektor-sektor tertentu yang menjaga *confidentiality* pengguna, dengan izin. Pada amnya pengguna diberi pilihan untuk memberi atau tidak memberi maklumat peribadi kepada syarikat-syarikat yang menjalankan perniagaan secara elektronik....

**Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Hulu Langat.

**Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya faham dengan penjelasan yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan opsyen, pilihan terutama sekali kepada pengguna-pengguna yang buta komputer. Memang benar terdapat peruntukan di dalam rang undang-undang ini yang membenarkan supaya pilihan dibuat sama ada berterusan secara konvensional, dengan cara biasa atau dengan cara elektronik.

Tetapi kebimbangan saya, Yang Berhormat Menteri, ialah berkenaan dengan peruntukan yang saya bacakan tadi, andaian. Andaian ini dilihat daripada perlakuan pihak yang mengurus niaga tadi. Ada ketikanya, mereka ini telah disalah maklumkan berkenaan dengan urus niaga elektronik dan kalau pun dalam keadaan sedemikian, dalam keadaan salah maklum ini pun, peruntukan ini mewajibkan mengenakan urusan dan membenarkan urus niaga itu dilaksanakan dengan cara elektronik dan keadaan ini adalah tidak adil kepada *consumers*, kepada pelanggan yang *illiterate* komputer ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Tuan Yang di-Pertua, saya sebutkan di peringkat awal tentang masalah yang dihadapi oleh para pengguna yang kurang mahir dalam keadaan ini walaupun mereka mempunyai opsyen, tetapi dalam pada itu tidak bererti bahawa mereka boleh dipesongkan semudah itu kerana transaksi secara elektronik ini bukanlah merupakan satu transaksi hanya satu pihak sahaja yang akan boleh menerima pakai kerana pengguna juga mempunyai... Sebenarnya kalau mereka ada pengalaman dalam pengurusan perdagangan secara elektronik ini, tidaklah semudah itu untuk para peniaga memaksa seseorang pelanggan untuk mengenakan perdagangan secara elektronik. Ada *verification* nya, dengan izin.

Mereka perlu ada beberapa *security measure*, dengan izin, yang perlu diketahui oleh contohnya, pihak-pihak institusi kewangan sebelum *gradient*, sebelum pun kewangan itu didebit daripada akaun mereka untuk dikredit kepada syarikat-syarikat pihak tertentu, ada verifikasi yang tertentu akan dilakukan. *It is not immediately*, saya katakan dengan izin, bahawa pihak pengguna tidak akan terlindung di dalam perkara ini.

**Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]:** Sedikit, Tuan Yang di-Pertua. Saya setuju dengan penerangan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri, tetapi sekali lagi saya mencadangkan, Yang Berhormat Menteri, kalau bolehlah, seksyen 3 kepada subseksyen (2) ini, perlakuan ini – kadang-kadang dalam urus niaga yang biasa, Tuan Yang di-Pertua, walaupun seseorang itu *computer illiterate* tetapi oleh kerana dia berpakaian yang segar,

berpakaian dengan memandu kereta yang mewah, tetapi dia kata dia mempunyai kebolehan berkomunikasi dengan komputer, dia mahir dalam komputer dan akta ini kemudiannya akan menjerat orang yang berlagak ini tadi, pengguna ini tadi. Akhirnya dia terikat dengan kontrak yang sepatutnya dia tidak langsung terikat. Jadi apa pandangan Yang Berhormat Menteri dalam keadaan sedemikian. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Yang Berhormat Menteri, boleh saya sambung?

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Ya.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh saya sambung sedikit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, saya boleh menghayati masalah yang timbul dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Hulu Langat sebentar tadi. Dalam satu suasana, Yang Berhormat Menteri, apabila pengguna-pengguna biasa ini akan mengalami masalah diskriminasi oleh penyedia-penyedia perkhidmatan ini. Apabila kita beratur dalam satu barisan yang panjang, kemudian sampai ke kaunter, memberitahu kita bahawa kalau saudara mahukan perkhidmatan yang lebih cekap dan berkesan, boleh menggunakan e-dagang ataupun perkhidmatan elektronik. Jadi di sini apakah jaminan pihak kementerian supaya tidak ada diskriminasi di antara pengguna-pengguna konvensional dan juga pengguna-pengguna elektronik ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya tekankan dalam perkara ini memang saya akui kebimbangan Yang Berhormat bagi Hulu Langat tentang seksyen 3(2) tadi mengenai dengan perkara kemungkinan dari segi perilaku, dalam masyarakat memang berlaku bukan hanya di negara kita malahan di negara-negara yang maju pun berlaku sedemikian rupa. Kadang-kadang kita dapati banyak masyarakat yang berpendidikan pun kadang-kadang boleh tertipu. Itu yang saya katakan di peringkat awal, pengguna harus bertindak bijak. *That's the first principle*, dengan izin, mesti mengetahui terlebih dahulu, jangan sekali-kali ianya akan melihat bahawa seseorang itu mempunyai pakaian yang elok ataupun personaliti yang kemungkinan boleh mendorong seseorang itu terjerumus dalam melakukan transaksi secara elektronik itu.

Kalau kesangsian di peringkat awal memang berlaku, kita harus mengambil tindakan opsyen yang kedua seperti yang saya sebutkan. Walaupun demikian, saya ambil perhatian tentang apa yang disebutkan kebimbangan Yang Berhormat bagi Hulu Langat dan saya pun sudah katakan tadi, pindaan terhadap Rang Undang-undang Perlindungan Pengguna 1999 akan juga kita pinda bukan hanya seksyen 2(ii)(g) bahkan juga pada keseluruhannya.

Kalau kita dapati bahawa ada keperluan untuk apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Hulu Langat itu perlu kita buat perlindungan untuk mempertingkatkan agar jaminan kepada pelanggan sedia ada, kita akan buat di dalam pindaan Undang-undang Akta Perlindungan Pengguna 1999. Mengenai dengan Yang Berhormat ...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat. Mungkin ini juga selaras dengan prinsip pembeli harus berwaspada.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Waspada.

**Tuan Yang di-Pertua:** *Caveat emptor*, betul?

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Ya. Dia orang bilang berwaspada *but this is willing buyer, willing seller*, orang bilang. Pelanggan kena berhati-hati kerana kita maklumlah bukanlah 100% kita boleh membendung setiap pelosok negara kita untuk transaksi elektronik. Perundangan ini diguna pakai oleh banyak negara maju pun, tetapi kita dapati ada kes-kes yang melibatkan ini tetapi kita berharap dengan adanya pendekatan ini

akan membolehkan masyarakat kita mempunyai pilihan seperti Tuan Yang di-Pertua sebutkan tadi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tetapi Yang Berhormat, kemudahan ini adalah kemudahan yang moden, yang global.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Global, ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dan seharusnya undang-undang memberi kemudahan kepada yang separuh celik untuk menggunakan sepenuhnya.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Insya-Allah, insya-Allah, Tuan Yang di-Pertua. Kita akan menjurus ke arah itu. Itu yang kita katakan akan ada langkah-langkah *educational* dan *awareness program* kita, dengan izin, untuk membolehkan pengguna yang tidak mempunyai kemahiran di masa yang akan datang akan dapat berupaya menggunakan kemudahan ini.

Saya sebutkan di peringkat awal, jumlah peratusan pun 2.4% sahaja menggunakan transaksi secara elektronik. Pada masa sekarang di dalam negara kita satu jumlah yang begitu kecil. Saya yakin kita boleh mempertingkatkan bukan hanya dengan adanya rang undang-undang ini tetapi *educational* ataupun *awareness program*, dengan izin, di peringkat negara kita dapat kita perluaskannya untuk menarik lebih banyak lagi masyarakat kita terlibat...

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bagi Kepong, Yang Berhormat.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Sebelum itu, Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Tangga Batu tadi pun membangkitkan tentang diskriminasi. Tentang perkara ini saya mengambil perhatian apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Tangga Batu dan saya ingat wakil-wakil daripada pihak yang bertanggungjawab, khususnya Bank Negara turut hadir dalam persidangan ini dan akan ditentukan kebiasaannya sebelum kita hendak menyatakan kepada pihak pelanggan bahawa kalau hendak cepat, kalau hendak ada pilihan yang lebih tidak menyulitkan, maka ada skim e-dagang ini. Sebelum skim ini, pihak pengguna terlibat, mereka akan diperjelaskan dahulu apa pilihan dia, sistem yang ada yang akan diperkenalkan untuk mereka. Akhirnya kalau hendak membuat pilihan untuk menggunakan e-dagang, elektronik ataupun konvensional. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat bagi Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bercadang menghalang kelulusan kerana kita kena perlu ada rang undang-undang ini untuk memajukan e-dagang Malaysia ini. Walaupun daripada segi keselamatan Tangga Batu dan Hulu Langat ini penting. Kita hanya ada 2.4 peratus yang menggunakan e-dagang. Jadi kita tidak ada pengalaman yang banyak. Sebelum saya pergi, saya hendak minta Yang Berhormat menekankan bagaimana kita dapat meningkatkan penembusan penggunaan *internet*, itu penting terutamanya jalur lebar kita itu kerana kita hanya ada 36.7 peratus walaupun nombor lima di Asia tetapi di dalam dunia, 30 negara yang teratas ini kita tidak ada, New Zealand yang pertama lebih 76 peratus dan dengan sedemikian Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat mengambil perhatian untuk menyelesaikan masalah-masalah terutamanya Tuan Yang di-Pertua mengenai *server failure*, *web server failure*, *task server failure*, *net server failure*, *hardware failure*, *navigation failure* dan *process failures* dan termasuk kebocoran risiko, kebocoran memori dan risiko kesilapan pengiraan dan risiko pengenalan data.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kegagalan sistem, kegagalan sistem lah?

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Kegagalan sistem sama sekali kerana kita tidak ada pengalaman, 2.4 peratus sahaja dan termasuklah masalah kaedah inskripsi dan juga sistem kriptografi yang tidak sempurna buat masa ini dan saya berharap Yang Berhormat dapat menumpukan perhatian kepada perkara-perkara yang saya sebutkan tadi, saya tidak akan ganggu sekali lagi... [Ketawa]

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Terima kasih Yang Berhormat....

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** [Bangun]

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** ....Ya, sila.

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. *I think* apa yang telah disebutkan oleh Kepong hanya sistem. Kita ada *solution* bukan tidak ada. *Failure* semua itu ada *solutions*. Kita ada *mirror system*. Semua sistem itu tidak ada menjadi masalah tetapi yang saya bangkit hari itu yang pertama sekali ialah mengenai bil ini ialah untuk memberikan lebih keyakinan kepada pengguna, menggunakan e-dagang ataupun *e-commerce* ini pada masa-masa hadapan *okay*. Memang saya mengucapkan tahniah kepada kementerian kerana membentangkan bil ini dan bagi saya perkara yang pokok ini ialah macam mana kita memperkukuhkan keyakinan orang ramai mengenai penggunaan e-dagang iaitu transaksi-transaksi siber ini atau maya ini.

Sebagai contoh hari itu saya sudah bangkitkan bahawa kalau data peribadi telah dicerobohi ataupun telah dicuri oleh pihak tertentu, bagaimana kita untuk memberikan satu wang pampasan atau pun satu ganti rugi kepada pengguna yang dia tahu apa berlaku selepas mereka berurus niaga di keadaan maya ini. *So* ini satu perkara yang pokok di mana akta ini boleh dapatkan satu ketetapan dan ada satu gerenti yang betul-betul boleh memberikan keyakinan kepada pengguna. Boleh saya mendapat sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama Ahli Yang Berhormat bagi Kepong, dia tanya dia pun keluar terus. Saya hendak jelaskan serba salah sebenarnya dia pun sudah bangkitkan Tuan Yang di-Pertua dalam perbahasan di peringkat awal dan dalam ucapan saya nanti penggulangan ini pun saya akan sentuh sedikit sebanyak tetapi dia menyebut Ahli Yang Berhormat bagi Kepong tentang penembusan. Memang pun, kerajaan amat prihatin kita perlu mempertingkatkan usaha-usaha dan langkah-langkah untuk memastikan agar penggunaan ini akan dapat ditingkatkan di merata tempat di seluruh negara maka dengan itu kalau kita melihat program yang dilangsungkan oleh kerajaan dari segi pendidikan, dari segi sektor-sektor yang lain contohnya kalau saya sebut *the low layer* dengan izin, *the educational part of it* kita pun memperuntukkan begitu banyak sehingga pengguna komputer, mendidik anak masyarakat kita dan ini sebahagian daripada usaha-usaha pelupusan yang kita lakukan.

Dalam konteks yang lain juga seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Puchong tentang keyakinan tadi. Kalau saya ada sebutkan tadi tentang contoh macam pengklonan kredit kad. Kalau kita melihat sistem setiap tahun malahan setiap ketika, akan ada *improvement* dengan izin, peningkatan demi peningkatan. Kalau kita lihat mula daripada tahun 2004, 6.99 juta kerugian yang dilakukan oleh kerana pengklonan kad dan sudah pun menurun semenjak tahun 2006 sehingga pada bulan *first quarter* dengan izin, iaitu hanya 3.8 juta kerana ada pembaharuan dari segi aplikasi sistem yang diguna pakai, bagaimana untuk kita memberi keyakinan kepada masyarakat kita. Dalam persoalan yang kedua yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Puchong mengenai dengan data peribadi, saya akan jawab nanti dalam penggulangan ini Tuan Yang di-Pertua.

Walau bagaimana pun, kerajaan sedar bahawa perlindungan data peribadi seseorang pengguna adalah penting dan merupakan aspek utama yang akan meyakinkan pengguna untuk menjalankan transaksi secara elektronik. Oleh itu satu rang undang-undang khusus untuk mengawal selia perkara ini sedang digubal oleh Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi ini sekali gus kebimbangan Yang Berhormat bagi Puchong bangkitkan tadi mengenai dengan data peribadi.

Mengenai ancaman *new colonization* dengan izin, melalui dagang yang diketengahkan oleh Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu. Ia tidak dapat dinafikan bahawa dunia sekarang bergerak ke arah perdagangan tanpa sempadan. Walau bagaimanapun, pengguna perlu peka akan hak-hak mereka dan tindakan-tindakan yang diambil oleh mereka. Jika seseorang itu ingin berurus niaga secara elektronik, risiko yang terlibat dalam menjalankan transaksi elektronik tersebut harus ditanggung oleh mereka sendiri.

Bagi persoalan *remedy* dan hukuman yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Tanjong Kuala Terengganu, Bera, rang undang-undang ini tidak memperuntukkan sebarang *remedy* atau hukuman kerana ianya bertujuan memberi pengiktirafan undang-undang bagi sebarang urusan perniagaan perdagangan yang dijalankan secara elektronik. *Remedy* yang sedia ada di bawah undang-undang lain yang mengawal selia urusan niaga perdagangan adalah terpakai bagi apa-apa urusan niaga perdagangan yang dijalankan secara elektronik.

Ahli-Ahli Yang Berhormat bagi Bera dan Petrajaya juga telah membangkitkan isu bidang kuasa mahkamah dan undang-undang yang terpakai dalam transaksi-transaksi elektronik. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, bidang kuasa mahkamah adalah merupakan kedaulatan sesebuah negara. Untuk menentukan bidang kuasa mahkamah undang-undang yang terpakai *governing law* dalam suatu kontrak tersebut harus ditentukan. Oleh itu bidang kuasa mahkamah adalah tertakluk kepada undang-undang yang terpakai. Iaitu sebagaimana yang dipersetujui oleh pihak-pihak yang memasukkan kontrak itu. Semua kontrak yang dimasukkan lazimnya mempunyai peruntukkan mengenai undang-undang yang terpakai.

Oleh itu undang-undang yang terpakai dalam suatu kontrak walaupun dibuat secara elektronik adalah bergantung kepada pihak yang berkontrak. Akta Kontrak 1950 masih akan dipakai walaupun transaksi tersebut dijalankan secara *online*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Bera telah memberi contoh mengenai pembelian tiket perlawanan bola sepak di Jerman secara *online*. Undang-undang yang terpakai bagi transaksi yang dijalankan itu adalah kemungkinan besar dari negara di mana syarikat jualan tersebut berpusat dan para pengguna akan diminta untuk bersetuju dengan terma-terma kontrak sebelum proses pembelian tiket tersebut dimuktamadkan. Lazimnya, pengguna-pengguna yang ingin membeli suatu barangan atau penempahan sesuatu tiket akan diminta menandakan persetujuan mereka pada kotak dengan izin, "*I agree to the terms and conditions.*"

Oleh yang demikian pengguna harus mengambil sikap yang proaktif bagi memastikan bahawa mereka faham akan terma-terma yang dikenakan oleh mana-mana syarikat yang terbabit dalam pemuktamadan jualan tersebut. Pengguna harus berhati-hati dan peka akan tindakan yang mereka ambil. Pengguna juga harus bijak dalam membuat sesuatu keputusan yang berkaitan dengan pembelian secara elektronik.

Bagi cadangan yang diketengahkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Pontian mengenai penubuhan suatu suruhanjaya bagi mendengar kes-kes yang berbangkit di bawah rang undang-undang ini, kementerian tidak bercadang untuk menubuhkan satu suruhanjaya khas bagi tujuan tersebut. Mekanisme-mekanisme yang sedia ada bagi menyelesaikan terpakai iaitu dengan menggunakan Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia dan tindakan sivil di mahkamah adalah memadai.

Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, sebarang penyelesaian yang melibatkan tuntutan di bawah RM25,000 boleh dibuat di Tribunal Tuntutan Pengguna dan bagi pertikaian yang dibuat melebihi RM25,000, maka tuntutan tersebut boleh dibuat di mahkamah.

Bagi pertikaian-pertikaian yang melibatkan transaksi yang melampaui sempadan atau *cross border transaction* seperti yang telah saya nyatakan sebelum ini, pihak yang terlibat perlulah memfailkan tuntutan di negara di mana undang-undang terpakai bagi transaksi tersebut. Pertikaian *cross border transaction*, dengan izin, merupakan satu masalah bukan sahaja di Malaysia, tetapi di semua negara. Satu mekanisme penyelesaian pertikaian yang bertepatan sedang dikaji bagi memastikan pertikaian yang melibatkan *cross border transaction* dengan izin, dapat diselesaikan dengan cara yang mudah, efektif dan dengan kos yang minimum. Inisiatif-inisiatif ke arah mencari jalan penyelesaian kepada masalah ini sedang diambil terutamanya di peringkat ASEAN...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bagi Bera.

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak pohon kepastian sahaja. Yang Berhormat ada sebutkan bahawa jika kesalahan dilakukan dengan kos berjumlah kurang daripada RM25,000, pengguna boleh mengadu kepada Tribunal Pengguna. Kalau saya tidak silap, Tribunal Pengguna itu diperuntukkan di bawah undang-undang ataupun Akta Perlindungan Pengguna. Sehingga ke hari ini, Seksyen 22G itu masih belum dipinda. Bermakna, perlindungan yang termaktub di dalam Akta Perlindungan Pengguna, Consumer Protection Act tidak terpakai. Jadi bagaimana hendak dirujuk kepada Tribunal Pengguna tadi kerana tidak terpakai kepada transaksi elektronik.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Tuan Yang di-Pertua, saya sebutkan dari segi jumlahnya, hadnya, tetapi kita tahu bahawa Mahkamah Sivil juga mempunyai keupayaan untuk mendengar kes-kes yang tidak mempunyai had sekiranya ada keperluan bagi seseorang pengguna untuk mengetengahkan kes mereka ke peringkat Mahkamah Sivil buat seketika ini, dalam masa yang terdekat, insya-Allah. Seperti yang saya janjikan, pindaan akan dilakukan terhadap Akta Perlindungan Pengguna 1999 secepat yang mungkin untuk membolehkan kita boleh mengguna pakai undang-undang Akta Perlindungan Pengguna 1999 ini.

Bagi perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Bera mengenai keadaan fasal-fasal bagi membantu seseorang jika mereka mendapat keputusan atau maklumat salah dari universiti, institusi atau agensi kerajaan lain. Ianya perlu difahami bahawa rang undang-undang ini hanya mengawal selia urus niaga perdagangan. Urusan-urusan dengan universiti, sekolah, agensi lain yang bukan perdagangan tidak dikawal selia oleh rang undang-undang ini.

Walau bagaimanapun, kerajaan sedar akan penggunaan cara elektronik yang semakin meningkat di negara ini. Oleh itu, kerajaan sedang memuktamadkan satu rang undang-undang bagi mengawal selia transaksi-transaksi yang melibatkan agensi kerajaan dan ianya akan dibentangkan di Parlimen dalam jangka masa yang terdekat.

Ahli Yang Berhormat bagi Ayer Hitam telah membangkitkan satu persoalan yang penting mengenai dengan penggunaan *e-wallet* dan aplikasi *MyKad*. *MyKad* menguatkan aplikasi *e-wallet* dikenali sebagai *MepsCash*, dengan izin. Penggunaan aplikasi wang tunai elektronik *MepsCash* yang terdapat di dalam *MyKad* adalah rendah berbanding dengan penggunaan kad kredit di Malaysia. Wang tunai elektronik *MepsCash* merupakan salah satu alternatif kepada pembayaran secara tunai untuk sektor pembayaran runcit. *MepsCash* yang telah diperkenalkan mulai tahun 2003 adalah kad kredit telah pun digunakan secara meluas oleh para pengguna sejak tahun 1980-an lagi.

Ia merupakan salah satu daripada faktor penerimaan sebagai instrumen pembayaran yang lebih tinggi berbanding *MepsCash*. Selain daripada itu, kad kredit adalah lebih popular kerana bilangan alat pembaca kad yang menerima instrumen pembayaran tersebut lebih banyak di premis-premis perniagaan di seluruh negara. Di samping pelbagai insentif yang ditawarkan oleh institusi perbankan bagi meningkatkan penggunaan seperti *Royalti Program*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, bagi isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Puchong mengenai dengan *inscription technology* dengan izin, bagi memperkembangkan lagi sektor e-dagang di negara. Pada masa sekarang, salah satu cara yang paling selamat bagi memastikan integriti transaksi yang dijalankan secara elektronik adalah dengan penggunaan *Public Key Infrastructure (PKI)*, *inscription technology*, dengan izin. PKI adalah diiktiraf sebagai tandatangan digital di bawah Akta Tandatangan Digital 1997. Ianya juga diiktiraf di bawah rang undang-undang ini sebagai salah satu tandatangan elektronik. Pada masa sekarang, PKI digunakan bagi urusan *e-filing* di Jabatan Hasil Dalam Negeri. I

su yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Puchong mengenai *compatibility system* dengan izin, di antara dua pihak yang menjalankan transaksi boleh ditandatangani dengan memastikan bahawa jika terdapat sistem yang tidak *compatible*, pihak yang menjalankan transaksi seharusnya menghantar mesej atau berurusan secara konvensional.

Bagi isu-isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kepong mengenai keselamatan *server*, kegagalan sistem komputer dan juga kadar penembusan *Internet*,

perkara-perkara ini akan sentiasa diberi perhatian khusus dan kementerian akan sentiasa mengadakan perbincangan dengan Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi berserta dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia bagi memastikan penggunaan secara amnya dapat menjalankan transaksi secara elektronik tanpa sebarang gangguan ataupun halangan yang wujud akibat dari perkara-perkara tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perdagangan Elektronik 2006 dan memberi cadangan dan pandangan ke atas rang undang-undang ini. Bagi perkara-perkara yang telah disentuh secara tidak langsung oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, tindakan susulan dan perhatian khusus akan diberikan oleh kementerian bagi memastikan perdagangan elektronik dapat digunakan tanpa sebarang masalah. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

**Fasal-fasal 1 hingga 25** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan, dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## **RANG UNDANG-UNDANG KAWALAN BEKALAN (PINDAAN) 2006**

### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Kawalan Bekalan 1961 dibacakan kali yang ke dua sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila beri huraian.

**12.22 tgh.**

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Tuan yang di-Pertua kerajaan telah memastikan rakyat menikmati bahan api diesel pada harga yang rendah berbanding diesel industri telah mewujudkan konsep *subsidized diesel* iaitu diesel yang diberi bersubsidi atau pengecualian cukai. Diesel bersubsidi adalah untuk kegunaan pengguna manakala diesel industri adalah diesel untuk kegunaan selain dari golongan pengguna. Harga diesel bersubsidi adalah ditetapkan dan dikawal secara pentadbiran oleh kerajaan dan harganya adalah rendah jika dibandingkan dengan harga diesel industri. Harga diesel industri tidak dikawal dan tertakluk kepada harga pasaran bebas oleh kerana perbezaan harga yang

besar antara kedua-dua jenis diesel ini, maka berlakulah penyelewengan dalam pengedaran diesel yang berharga rendah iaitu diesel bersubsidi.

Penyelewengan berlaku apabila pihak-pihak yang tidak berhak menggunakan diesel bersubsidi menggunakannya iaitu cuba mendapatkannya dengan pelbagai cara termasuk mendapat bekalan daripada pihak yang memperolehi bekalan diesel bersubsidi seperti nelayan dan stesen-stesen minyak, menyimpan diesel secara tidak sah dan menyeludupnya ke luar negara. Tuan Yang di-Pertua bagi menangani penyelewengan ini, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna mengambil tindakan secara konvensional iaitu menguatkuasakan undang-undang di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961. Namun dalam menangani penyelewengan ini, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna mendapati ada teknologi yang boleh membantu tindakan penguatkuasaan iaitu teknologi *nanotech*. Teknologi *nanotech* merupakan sistem penandaan *marking* dengan izin ke atas produk bagi tujuan mengesan penyalahgunaan ke atas produk tersebut. Dalam hubungan ini penandaan boleh dibuat ke atas barang kawalan seperti diesel.

Melalui sistem ini, penandaan ke atas diesel dibuat dengan memasukkan cecair *nanotech* ke dalam diesel bersubsidi semasa produk tersebut berada di depot syarikat-syarikat minyak lagi dan belum diedarkan. Apabila diesel ditandakan cecair itu akan disebati dengan diesel dan mudahlah produk itu dikesan melalui teknologi yang sama jika ia terjatuh ke tangan pihak yang ingin menyeleweng. Seterusnya tindakan yang sewajarnya boleh diambil di bawah undang-undang yang berkaitan iaitu Akta Kawalan Bekalan 1961.

Bagi membolehkan teknologi *nanotech* digunakan undang-undang yang mengawal selia pengedaran barangan kawalan diesel iaitu Akta Kawalan Bekalan 1961 perlu dipinda. Pindaan-pindaan ini perlu bagi memberi kuasa kepada pegawai-pegawai penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna membuat penandaan ke atas diesel bersubsidi dan memberi kuasa kepada pegawai-pegawai penguat kuasa membawa bersama pakar dalam teknologi *nanotech* dalam operasi-operasi yang dijalankan. Penalti bagi kesalahan-kesalahan yang dilakukan di bawah Akta ini turut dipertingkatkan bagi memberi kesan *deterrent* kepada mereka yang melakukan kesalahan di bawah Akta ini.

Pindaan-pindaan yang lain merupakan *consequential amendment* dengan izin dan pindaan bagi memperkemas tatacara penguatkuasaan dan penjelasan beberapa takrifan di bawah akta.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Kawalan Bekalan Pindaan 2006 yang kini dibentangkan untuk pertimbangan secara keseluruhannya mencadangkan sebelas Fasal pindaan. Cadangan untuk meminda seksyen 5 adalah untuk mengadakan peruntukan mengenai kuasa menteri untuk membuat perintah pengisytiharan apa-apa barangan atau makanan menjadi barangan kawalan atau catuan atau kedua-duanya dan untuk mengisytiharkan barangan tersebut ditandakan dengan cara tertentu. Cadangan untuk meminda seksyen 6, adalah untuk mengadakan peruntukan mengenai kuasa menteri untuk membuat peraturan yang berhubung dengan penandaan apa-apa barangan kawalan.

Cadangan memasukkan seksyen baru iaitu seksyen 7(a) adalah untuk mengadakan peruntukan perluasan kuasa penguat kuasa kepada pegawai bekalan secara automatik tanpa terlebih dahulu diberi kuasa oleh pengawal. Subseksyen-subseksyen baru iaitu subseksyen 7(1A), 7(1B) dan (2A) turut dimasukkan. Subseksyen 7(1A), bertujuan untuk membenarkan Pegawai Bekalan untuk memasuki premis memeriksa dan mengambil sampel apa-apa barangan kawalan yang boleh digunakan untuk penyimpanan, penggunaan dan pengagihan apa-apa barangan kawalan. Pegawai-pegawai bekalan itu juga boleh memeriksa apa-apa buku atau dokumen yang dijumpai dalam premis yang dipercayai mengandungi apa-apa maklumat yang berkaitan dengan barangan kawalan.

Subseksyen baru 7(1B) pula menjadikan satu kesalahan bagi kegagalan mana-mana pemilik penghuni, atau orang untuk memberi bantuan kepada pegawai bekalan. Subseksyen baru 7(2A) membenarkan mana-mana pegawai bekalan untuk membawa bersamanya mana-mana orang lain atau pelengkap yang sebagaimana difikirkan perlu apabila memasuki mana-mana premis.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan untuk meminda seksyen 22 adalah untuk menaikkan amaun penalti yang akan dikenakan oleh apa-apa kesalahan di bawah akta. Cadangan untuk meminda subseksyen 22A adalah untuk memberikan kuasa kepada pegawai bekalan dengan membenarkan bertulis pegawai mengenakan kompaun bagi apa-apa kesalahan yang telah ditetapkan sebagai kesalahan yang boleh kompaun. Ia juga bertujuan untuk memperuntukkan bahawa apa-apa keputusan untuk mengkompaun apa-apa kesalahan hendaklah dengan kebenaran bertulis pendakwa raya.

Akhir sekali, cadangan-cadangan pindaan lain yang tidak berkaitan secara khusus seperti seksyen 2, 7, 8, 9, 10, 11 dan 20 merupakan pindaan kecil atau berkaitan *consequential amendment*, dengan izin. Cadangan-cadangan pindaan ini akan dilengkapi kewujudan suatu undang-undang bersubsidiari yang akan memperincikan tatacara penandaan *nanotech* dan menjadikan kesalahan bagi sesiapa yang tidak berhak memiliki diesel bersubsidiari memilikinya. Undang-undang subsidiari ini apabila diwujudkan akan membolehkannya terpakai kepada produk-produk lain yang menghadapi masalah penyelewengan diesel bersubsidi. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Siapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' S. Veerasingam]:** Tuan Yang di-Pertua saya memohon kebenaran menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Bekalan Kawalan 1961 dibacakan kali yang kedua dan terbuka untuk dibahas. Bukit Bintang.

**12.28 tgh.**

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian untuk membahas Rang Undang-undang bernama Akta Kawalan Bekalan pindaan 2006. Tuan Yang di-Pertua pembentangan Rang Undang-undang untuk meminda akta Kawalan Bekalan 1961 pada masa ini adalah bertepatan dengan suasana negara kita yang sedang berdepan dengan kemelut kekurangan bekalan gula lagi. Bagi kegunaan domestik dan bagi produk untuk eksport yang berasaskan gula.

Walaupun tadi Yang Berhormat menteri ada katakana diesel salah satu yang *under* kawalan tetapi sekarang gula pula sudah jadi satu masalah masyarakat kita. Tuan Yang di-Pertua, kekurangan bekalan ini sehingga menjejaskan kehidupan rakyat. Pengguna serta pengusaha industri makanan berasaskan gula, belum ada tanda-tanda bahawa bekalan gula boleh pulih dalam tempoh terdekat khususnya hari yang perayaan yang memerlukan banyak masalah di kalangan masyarakat kita. Apa yang dibingungkan para pekedai runcit, pemborong, pekedai kilang ialah bekalan yang ada di pasaran adalah amat sedikit dan terhad malah ada tempat yang tidak ada bekalan langsung sedangkan permintaan begitu mendesak.

Tuan Yang di-Pertua, seorang peniaga minuman soya dan cincau di kawasan Puchong, baru-baru ini merungut tentang kesulitan mendapatkan bekalan gula dan menurut beliau, perniagaan beliau bakal ditutup jika tidak mendapat bekalan gula yang cukup. Peniaga ini terpaksa membekalkan minuman kacang soya dan cincau kepada lebih kurang 300 hingga 400 pelanggan di Lembah Klang. Pengeluaran biasa 2,500 botol sehari kini jatuh merosot dalam tempoh tiga bulan. Setiap hari beliau memerlukan 10 beg gula yang beratnya setiap satu seberat 50 kilogram. Beliau pergi ke kilang gula Central Sugars Refinery, Shah Alam tetapi kilang itu tidak boleh menjual stok kepadanya.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pengilang sos cili pun menerima nasib yang sama. Pengedaran pula kini hanya menerima kuota bekalan 10 tan seminggu sedangkan sebelumnya boleh mendapat bekalan 20 tan seminggu dari kilang gula. Jika keadaan ini berlarutan, *business* pasti terjejas dan para pekerja terpaksa berhenti kerana majikan tidak mampu terus-menerus membayar gaji tanpa ada pengeluaran.

Tuan Yang di-Pertua, malah ada sebuah kilang kecil iaitu OrgaPharma Herbal Manufacturing Sdn Bhd di Kajang yang mengeluarkan sebagai produk termasuk produk kopi segera (tiga dalam satu), berdepan dengan ketiadaan bekalan gula sebagai bahan mentah. Kilang itu terpaksa berbelanja lebih RM15 bagi setiap beg gula yang beratnya 50 kilogram bagi pemborong dan *receipt* yang diberikan akan ditulis sebagai barangan beras bukan gula. Kilang-kilang gula langsung tidak mahu melayan permintaan kilang itu untuk membekalkannya.

Pengeluaran menjadi terjejas dan kos pengeluaran menjadi bertambah jika kita memperhatikan harga gula dalam pasaran antarabangsa memang kita tidak menolak harga gula telah meningkat iaitu pada 3 Januari 2003, harga gula per tan ialah USD8.09 sen. Tetapi pada 13 Jun 2006, harga gula meningkat naik kepada USD15 per tan. Harga gula di Thailand, Indonesia dan Filipina yang mengadakan pasaran gula terbuka masing-masing naik menjadi RM1.80 dan RM1.90 sekilogram sedangkan harga gula di Malaysia masih lagi RM1.30 sekilogram.

Kilang pengeluar gula di Malaysia masih mampu menjana pengeluaran 1.4 juta tan setahun mengikut kuota MITI. Sedangkan penggunaan domestik dianggarkan 963,000 tan setahun. Dari jumlah itu, Malaysia Sugar Manufacturing Co. Berhad dan Kilang Gula Felde Perlis Sdn Bhd mengeluarkan lebih dari 650,000 metrik tan gula pasir setahun, mampu membekalkan lebih kurang 60% gula bagi keperluan domestik. Sektor perindustrian dikatakan membeli secara banyak dari sumber bekalan dalam negeri dan tidak dapat pembekalan dari negara-negara pembekal sebelum ini dan mereka dapat menjimatkan 50 sen sekilogram.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak membangkit industri kecil mampu mendapat bekalan dari luar negeri jika kerajaan hanya mengehendkan sumber domestik untuk keperluan domestik sahaja kerana harga pasaran terbuka terlalu tinggi. Kerajaan perlulah meneroka pasaran negara-negara peneroka baru seperti mendapatkan bekalan gula dari Republik Rakyat Cina. Permit import hendaklah dikeluarkan kepada pembekal-pembekal yang berminat untuk mengimport dari negara tersebut.

Dalam tempoh setahun akan datang, bekalan gula yang mencukupi amatlah diperlukan untuk kegunaan domestik kerana terdapat perayaan antara kaum dan agama, apa daya usaha kementerian dan para pembekal pula bagi pasaran domestik untuk menghadapi kemungkinan ini. Masih adakah negara pembekal yang mengenakan harga yang rendah, tekanan inflasi semakin berat dirasakan dalam negara. Harga barang-barang keperluan meningkat naik. Misalnya kos tangkapan ikan semakin meningkat kerana kenaikan kos diesel.

Oleh itu harga ikan yang di pasaran tempatan turut meningkat. Akibatnya rakyat menerima kesan kenaikan harga barang dan perkhidmatan yang meningkat. Adalah penawaran barangan makanan melebihi permintaan dan melakukan lambakan, ia menguntungkan pengguna tetapi rugi kepada peniaga, pekebun dan penternak. Untuk menstabilkan harga pasaran, kadang kala penternak dan pekebun sanggup membunuh ayam atau anak ayam dan pekebun sanggup membuang hasil buah-buahan yang dipetik daripada dijual murah atau didermakan.

Saya menyokong langkah kementerian membanteras kegiatan menyorok barang oleh sindiket-sindiket yang tidak bertanggungjawab. Barang-barang akan dikeluarkan dari tempat persembunyian bila harga pasaran telah meningkat dan para peniaga yang tidak beretika akan mengaut keuntungan. Saya mengalu-alukan langkah penguat kuasa yang lebih tegas, bersepadu yang melibatkan orang ramai. Ini termasuk tindakan para pekedai, peniaga yang memaksa para pengguna membeli barang terutama barangan tiruan dan cetak rompak.

Kementerian hendaklah menguatkuasakan etika jualan kepada para peniaga supaya mereka lebih bertanggungjawab. Kejadian para pelanggan dipaksa membeli barangan-barangan di pusat penjaja Jalan Petaling yang sering dilaporkan oleh media wajarlah dihentikan dan pihak kementerian dan Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah memupuk semua supaya mesra pelanggan. Sekian, terima kasih. .

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat bagi Tanjong.

**12.38 tgh.**

**Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma ingin memberi sedikit pandangan berhubung dengan Fasal 4, Rang Undang-undang ini yang bertujuan untuk meminda seksyen 6 untuk mengadakan peruntukan mengenai kuasa menteri untuk membuat peraturan-peraturan yang berhubung dengan penandaan apa-apa barang kawalan.

Tuan Yang di-Pertua, sebentar tadi Yang Berhormat Menteri telah menyatakan penggunaan *nanotechnology* untuk mengesan dan mengelakkan aktiviti-aktiviti penyeludupan yang merupakan suatu tindakan yang tepat pada masanya. Saya percaya ia merupakan tindakan yang ulung-ulung kali digunakan di Malaysia.

Mengikut menteri pindaan ini akan memberi kuasa penguatkuasaan dan menggunakan teknologi *tag* pengesanan pada barang-barang harga kawalan seperti diesel, petrol dan gula. Disebabkan oleh tanggungan subsidi kewangan yang besar oleh kerajaan terhadap diesel, petrol dan gula dan disebabkan oleh harga runcit atau harga borong yang lebih tinggi di negara-negara jiran sering kali berlakunya penyeludupan barang-barang ini ke negara-negara jiran dan ini menyebabkan kerugian yang besar kepada negara kita. Begitu juga dengan kesuntukan bekalan yang selalunya dialami oleh rakyat Malaysia dari semasa ke semasa.

Oleh sebab itu saya rasa tindakan untuk menggunakan apa yang dikatakan nanoteknologi atau *tiny technology* sebagai untuk pencegah terhadap aktiviti-aktiviti penyeludupan adalah dialu-alukan. Kemungkinan menteri yang bertanggungjawab perlulah memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini sebab-sebab pelaksanaan ini diperlukan. Mungkin dengan memberi contoh dan memberi statistik penyeludupan daripada Jabatan Kastam dan Eksais yang menyebabkan kerajaan sekarang perlu mempertimbangkan nanoteknologi untuk mengesan dan mencegah penyeludupan.

Pada masa yang sama, Tuan Yang di-Pertua, kerajaan mesti terus terang dan menjelaskan secara khusus kenapa kerajaan yakin bahawa langkah sedemikian adalah terbukti efektif dan bahawa langkah ini tidak akan menjadi satu lagi perbelanjaan kerajaan yang besar, yang akan membazir melalui eksperimen yang tidak bernilai. Siapakah pembekal-pembekal perkhidmatan ini atau teknologi ini dan berapa banyakkah yang perlu dibelanjakan oleh kerajaan untuk jangka masa panjang?

Kita tidak ingin melihat satu keadaan, satu syarikat diberi kontrak untuk membekal segala-galanya. Bagi pihak kerajaan dan semestinya kalau demikian akan merugikan para pengguna. Kita ingin melihat ketulusan dalam memakai nanoteknologi dalam mengawal penyeludupan di negara ini dan jangan menyebabkan ketirisan kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, satu kebimbangan yang timbul di kalangan para pengguna ialah apakah kesan-kesan aplikasi nanoteknologi ini terhadap barang-barang makanan seperti gula. Kita harus memastikan bahawa nanoteknologi dalam bentuk cecair adalah untuk memberi warna merah kepada diesel untuk mengesan penyeludupan komoditi ini secara sengaja dari negara ini tidak akan memudaratkan atau mengurangkan kualiti diesel yang digunakan oleh para pengguna di negara ini. Adalah dialu-alukan nanoteknologi telah dipertimbangkan untuk menangkap penyeludup-penyeludup supaya kita boleh mengawal penyalahgunaan dan memastikan subsidi-subsidi yang diberikan tidak dibazirkan atau disalahgunakan untuk menguntungkan sindiket-sindiket dan beberapa orang yang kaya di Malaysia.

Saya juga difahamkan bahawa berdekatan dengan Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) terdapat sebuah pulau buatan Malaysia yang dipanggil Banker Island yang membekalkan bahan api kepada kapal-kapal untuk bersaing dengan pelabuhan Singapura. Adakah kerajaan dapat memastikan bahawa penggunaan nanoteknologi tidak akan dapat apa-apa cara pun menjejaskan pembangunan industri *bunkering* yang begitu penting dalam usaha kita mempertingkatkan daya tarikan pelabuhan-pelabuhan Malaysia terhadap perkapalan antarabangsa. Sekian, terima kasih.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** [Bangun]

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bagi Bagan.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Nanti Yang Berhormat bagi Bandar Kuching, tidak usah risau, Yang Berhormat bagi Bandar Kuching.

**12.45 tgh.**

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin ambil masa untuk membahaskan Akta Kawalan Bekalan (Pindaan) 1961. Sering kali kita menghadapi kekurangan bekalan di pasaran. Pada suatu masa ialah bahan api iaitu diesel dan selepas diesel dikurangkan subsidi bermakna harga diesel dipertingkatkan maka keadaan kekurangan diesel di pasaran telah berkurangan tetapi masih juga berlaku pertikaian antara yang ada dapat subsidi dengan yang tidak mendapat subsidi.

Terdapat di kalangan mereka yang terlibat dalam penggunaan diesel ini mengadu bahawa *trade* mereka atau industri mereka mengapa dianaktirikan. Seperti van dan bas kilang, mereka mengadu bahawa *public transport* yang lain dapat subsidi tetapi mereka tidak mendapatnya. Juga terdapat nelayan-nelayan mereka mendapat subsidi tetapi bekalan mereka tidak semudah diperolehi kerana stesen, pam minyak untuk nelayan-nelayan mereka terletak jauh dari tapak pangkalan mereka. Jadi, ini bermasalah – adalah *administration problem*. Saya berharap kerajaan boleh menanganinya dengan memberi perhatian kepada mereka ini.

Saya ingin bertanya kerajaan telah berjanji bahawa tahun ini harga minyak iaitu harga petrol diesel tidak akan dinaikkan tetapi bolehkah kerajaan juga membuat satu anggaran di mana *percentage* kenaikan minyak boleh dijangka dinaiki pada tahun yang akan datang iaitu selepas tahun ini. Ini kerana ada banyak industri-industri yang terlibat dalam penggunaan diesel dan petrol ini mereka perlu membajetkan perniagaan mereka dan buat satu unjuran supaya mereka boleh bersesuaian dengan keadaan yang sedemikian sekiranya ia berlaku.

Dalam Akta Kawalan ada banyak bahan yang telah dikawal dalam akta ini iaitu kayu getah, gula, susu, garam, simen, tepung gandum, minyak masak, baja, ubat serangga, besi keluli, minyak tanah, beras padi, diesel, petrol dan gas termasuk juga roti dan ayam. Saya ingin bertanya sedikit berkenaan dengan pembekalan barang-barang yang terkawal ini sama ada negara kita ini masih kekurangan atau ada kelebihan pengeluaran bahan-bahan ini atau kerana harga yang dikawal itu adalah terendah dan menjadikan pengilang-pengilang hendak *demand* atau hendak menuntut harga yang lebih tinggi. Sebab itulah mereka satu situasi di mana ada *man-made situation*, kekurangan bahan-bahan bekalan ini.

Kita sering mendengar pada suatu masa dahulu simen kerikil juga kekurangan bahan ini di *market* sehingga ada penjualan simen di pasaran haram atau pasaran gelap sehingga RM12 atau RM13 sekampit, 50 kilo walhal kawalan harga untuk simen 50 kilo ini adalah hanya RM9.90.

Selepas kerajaan membenarkan peningkatan harga simen ini, maka bekalan simen telah mencukupi dalam pasaran. Saya masih ingat beberapa bulan dahulu, pengilang-pengilang simen juga berniat untuk mereka satu situasi di mana ada kekurangan *supply* tetapi usaha mereka telah gagal kerana terdapat banyak kilang-kilang di negara kita sekarang mungkin terjejas sehingga enam ke tujuh kilang yang mengilang simen-simen ini dan kerana keperluan pasaran antarabangsa sudah makin berkurangan.

Maka mereka tidak ada peluang untuk mengeluar kepada pasaran dari luar negara kita sebab itu mereka tidak mencapai satu matlamat mereka dan masih mengekal kepada RM9.90 sen. Bahkan ada juga kilang-kilang simen yang menawar kepada pengedar-pengedar, kedai-kedai atau tapak-tapak pembinaan di mana mereka dapat insentif, di mana sekiranya mereka meng *order* atau memesan 1000 kampil simen, mereka boleh dapat *extra* 100 kampil iaitu mungkin 10 *percent* dari itu.

Patut mereka tidak boleh menurunkan harga kerana harga ini adalah harga kawalan, mereka tidak boleh menurunkan harga bahkan mereka bagi lagi *extra*. Satu cara untuk menggalakkan perniagaan mereka. Pada satu masa juga kita mendengar besi keluli kerana *demand* khasnya dari negara China. Ini kerana negara China sedang membuat persediaan untuk *Olympic Game* pada 2008, maka keperluan besi keluli di negara itu mendesak. Sebab itu *supplier* dari negara lain semua pergi ke China, termasuk juga ada peniaga-peniaga yang mengeksportkan besi keluli dari negara kita pergi ke China.

Sebab itulah besi keluli pada satu masa juga kekurangan dan harga melompat tinggi. Saya ingat perkara ini tidak akan berhenti, akan berlanjutan sekiranya tiada satu kawalan di mana strategi pengeluaran kawalan harga dan juga keperluan negara kita ini. Saya berharap kerajaan boleh memberi satu bandingan iaitu satu harga di mana boleh dibandingkan dengan negara-negara jiran kita misalannya harga simen, harga keluli, apa harga di pasaran kita dan apa harga di pasaran Singapura, Thailand dan mungkin Indonesia.

Harga-harga indeks ini perlu kerana industri pengilang-pengilang dan juga industri pengguna-pengguna bahan-bahan ini boleh mereka sesuaikan sendiri dengan pasaran supaya mereka boleh meramalkan masa depan mereka supaya menyusun satu strategi untuk menangani masalah-masalah yang dihadapi. Tuan Yang di-Pertua, dalam Akta Kawalan Bekalan yang sedang kita timbangkan ini juga memberi kuasa kepada pegawai-pegawai untuk pergi memeriksa dan pergi ke gudang-gudang, kedai-kedai atau stor-stor untuk memeriksa barang-barang kawalan ini. Terdapat juga peniaga yang mengadu bahawa pegawai-pegawai Kadang-kadang pergi ke stor atau kedai mereka ini bersikap kasar.

Sekiranya pegawai-pegawai kerajaan apabila pergi memeriksa, mereka perlulah bersikap sopan, memberitahu pekedai-pekedai, 'Tuan pekedai, saya datang dari mana-mana tujuan saya datang untuk buat apa dan saya berharap bekerjasama'. Itu sahaja, bukan seperti menyerbu hendak menangkap pencuri. Tidak boleh begitu. Sebab itulah saya ada mendapat juga pengaduan-pengaduan dari pekedai-pekedai berkenaan dengan sikap pegawai.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik, Yang Berhormat bagi Ayer Hitam.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Bagan. Saya tertarik dengan kenyataan Yang Berhormat tadi yang mengatakan sektor pembinaan ini sebenarnya menghadapi satu masalah dari segi bekalan simen dan besi keluli pada masa ketika. Bagi simen pula, saya memang bersetuju dengan Yang Berhormat tadi bahawa ia bukan satu harga kawalan, RM9.90 sen.

Masalahnya di kawasan-kawasan pedalaman seperti Sabah, di Tawau misalannya, sekarang hendak beli sekampit simen RM15, itu pun hendak cari susah. Jadi, apakah sebab dan apakah cadangan Yang Berhormat kepada kementerian wujudkan satu mekanisme memastikan bekalan itu ada kerana ini akan menjejaskan sektor pembinaan di dalam negara dan menyebabkan kelewatan projek-projek itu dapat disempurnakan. Terima kasih, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Harga berbeza antara bandar dan luar bandar. Selalunya alasan-alasan yang diberi adalah kerana pengangkutan, kos pengangkutan seperti di Malaysia, simen RM9.90 satu kampak, di Malaysia Timur, mungkin di Sabah dan Sarawak, mereka akan meningkatkan harga mereka kerana *transport problem*. Mungkin seperti apa yang saya menyeru kerajaan supaya satu angka-angka boleh diberi dan mungkin katalah di Sabah atau Sarawak, mungkin kegunaan bahan-bahan pembinaan seperti simen ini, keperluan mereka berapa. Sama ada ini satu *viable* supaya pengilang-pengilang boleh menubuhkan atau membina pelan simen mereka di Malaysia Timur ini.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Bagan. Sebenarnya isu ini relevan. Di Sabah, ada kilang simen tetapi tidak cukup. Tidak benarkan simen-simen daripada Semenanjung pergi. Itulah puncanya. Kalau kita melihat secara *supply*, memang cukup. Jadi, saya hendak minta ulasan Yang Berhormat, bagaimana kita

mengatasi masalah ini supaya tidak dimonopolikan di Sabah dan itulah mungkin satu masalah utama.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Sarawak juga masuk.

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Soalan ini saya menyeru kerajaan supaya boleh membuat satu kajian untuk menjawab pertanyaan daripada Yang Berhormat bagi Ayer Hitam ini. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menghabiskan ucapan saya cuma dalam beberapa minit ini sebelum kita berehat. Tuan Yang di-Pertua, sebentar tadi saya berkata dengan sikap pegawai yang pergi memeriksa dan kadang-kadang pegawai mereka ini, mereka pun pakai bahasa kasar.

Kata ini hisap darah, *you* mahu kumpul barang-barang sedemikian banyak, mengapa *you* kena kumpul barang begitu banyak dan juga bahasa-bahasa yang iri hati. Saya berharap kerajaan boleh mendidik mereka...

**Tuan Yang di-Pertua:** Bahasa Yang Berhormat, bahasa menyakitkan hati.

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Iri hati.

**Tuan Yang di-Pertua:** Menyakitkan hati.

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Ya, menyakit hati. Terima kasih atas pembetulan dan tunjuk ajar Yang Berhormat... [Ketawa]

Pegawai-pegawai ini hanya menjalankan tugas dan peniaga-peniaga, sekiranya mereka melanggar peraturan, mereka boleh dikenakan saman atau dikenakan notis dan tidak perlulah begitu untuk menyakitkan hati mereka ini. Barang-barang yang disita, sekiranya terdapat, mereka juga perlu ada *list of inventory*. Saya pernah mendapat pengaduan dari pekedai-pekedai bahawa pegawai datang untuk merampas atau menyita barang-barang kes tanpa memberi satu *list of inventory* dan apabila mereka hendak menuntut balik, itu sudah jadi satu masalah atau mungkin kekurangan barang-barang yang telah dirampas itu....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, tamatkan.

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Tuan Yang di-Pertua, juga berkenaan dengan kompaun. Saya habis dalam dua minit sahaja, dua minit saya habiskan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sila tamatkan.

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Kompaun, dalam Rang Undang-undang ini, ia boleh dikompaunkan sekiranya pekedai-pekedai terdapat kesalahan. Saya berharap kompaun-kompaun yang berpatutan dikenakan dan bukan kompaun-kompaun yang tinggi sangat sekiranya di banding dengan mahkamah. Katalah kesalahan lalu lintas, sekiranya kompaun-kompaun oleh pejabat di balai-balai polis adalah RM300, kadang-kadang kita pergi ke mahkamah untuk mengaku salah, dan denda hanya RM150 mungkin rendah dari itu sekiranya alasan-alasan yang boleh diterima.

Saya berharaplah sekiranya ada kompaun-kompaun ini, ia boleh berpatutan dan juga menimbang latar belakang dan *track record* peniaga-peniaga ini. Ini kerana kalau mereka tidak ada niat untuk menipu, tidak ada niat untuk menyeludup dan mereka hanya ada memberi stok di sana tetapi kerana tidak ada tanda-tanda atau apa-apa yang diperlukan, maka mereka boleh dimaafkan.

Akhir sekali, saya mahu menyampaikan seruan peniaga-peniaga beras kerana peniaga-peniaga beras di kedai runcit, mereka perlu menyimpankan satu buku rekod untuk setiap hari bekalan dan belian beras. Mereka kata ini sangat susah kepada mereka. Kadang-kadang bukan pekedai itu satu hari jaga dalam kedai itu, kadang-kadang pembantunya yang jaga, kadang-kadang isteri yang jaga, kadang-kadang anak yang jaga dan mereka kurang buat rekod, maka mereka boleh ditangkap kerana kekurangan rekod ini. Sekian sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat Dewan ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang ini.

***Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 petang***

***Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang***

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: ***mempengerusikan Mesyuarat***]

**2.30 ptg.**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim si Cheng]:** Ahli Yang Berhormat, perbahasan disambung semula. Bandar Kuching. Selepas Yang Berhormat, ada lagi? Tak ada, menteri boleh jawab.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** [*Bangun*]

**Seorang Ahli:** Ada. BN banyak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Mengapa Yang Berhormat tak bangun?

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Dia kasi saya *chance* lah. Terima kasih, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** *You* satu orang, saya anggap tidak ada orang lain.

**Seorang Ahli:** Kastam ya, dia mahu cakap Kastam punya.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin memberitahu Dewan ini bahawa di Kuching ada kekurangan gula.... [*Disampuk*] Saya sendiri ada pergi ke *supermarket* beberapa hari lalu dan tidak dapat beli gula dan ini adalah satu hakikat yang sedang berlaku di Kuching...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Di Kuching atau di Bandar Kuching?

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Tempat itu disebutkan Kuching.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Oh, ya. Baik.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Tapi kawasan saya, Bandar Kuching. [*Ketawa*].

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya ingat, kuching tak dapat beli gula.... [*Ketawa*].

**Seorang Ahli:** Dia beli ikan.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Tetapi saya amat kesal, walaupun ramai, ramai orang di Kuching tidak dapat beli gula, tetapi dalam laporan surat khabar hari ini, pegawai kementerian telah menyebutkan bahawa tidak ada aktiviti penyeludupan dan di dalam Sarawak, bekalan gula adalah mencukupi. Walaupun ramai orang sudah mengadu bahawa kekurangan gula, tetapi pegawai kementerian masih katakan di Sarawak masih ada banyak bekalan gula. Saya ingin tahu, kenapa ada satu kenyataan yang disebutkan oleh kementerian yang *so detach from the facts*, yang tidak membayangkan keadaan di Sarawak.

Adakah ini adalah satu sikap *ostrich mentality*? Yang tak mahu *admit what is happening the folk*? *Do not want to admit why is the wrong with the system*? Pegawai itu melaporkan di surat khabar ini, dia kata, tak ada aktiviti penyeludupan, tetapi bilangan gula yang diimport ke Sarawak pada masa ini masih sama dengan pada masa lalu. Di Kuching, tidak ada keperluan yang mendadak iaitu *certain search in demand*. Mana gula yang diimport pergi? Orang ramai semua tahu, di Sarawak ia telah diseludupkan ke negara jiran.

Sebab ada perbezaan daripada harga gula yang dijual di Kuching, Sarawak dengan harga gula yang dijual di negara jiran.

Oleh itu, saya berharaplah kementerian boleh mengakui, hakikat ini dan kita sama-sama mencari satu jalan untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh orang ramai di Sarawak. Kerana keadaan ini bukanlah hanya, minggu ini kita menghadapi kekurangan gula. Sudah satu, dua bulan, keadaan ini. Ia tidak, *no improvement, no improvement in the system*. Oleh itu, saya harap nanti, semasa menteri jawab, bolehlah menteri memberi satu cadangan bagaimana kita boleh mengatasi masalah ini dan janganlah kita menafikan tak ada, tak ada... [Disampuk] Penyeludupan, kerana, semua orang di Sarawak sudah tahu, ada penyeludupan dan saya haraplah pegawai-pegawai menteri juga boleh lebih terusterang kepada orang ramai...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah, perkara ini sahajalah.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Ini, bukan, bukan. Ada satu lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ada lagi? Okey, teruskan.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Kedua, *point* kedua adalah mengenai subsidi diesel. Subsidi diesel, tahun lalu kerajaan telah mengumumkan satu polisi bahawa syarikat-syarikat pengangkutan akan diberikan subsidi dan kementerian akan mengeluarkan surat-surat kepada syarikat-syarikat yang layak untuk mendapat subsidi dan selepas menerima surat itu, mereka boleh pergi ke stesen minyak untuk memohon *fleet card* supaya mereka boleh menikmati diesel yang lebih murah.

Subsidi yang diberi adalah 30 sen satu diesel tetapi, sebelum mereka yang layak menerima subsidi ini menerima surat-surat yang dikirim oleh kementerian, harga diesel sudah naik 30 sen dan ada lagi hingga sekarang, yang layak untuk menikmati subsidi ini, sehingga sekarang mereka belum lagi terima surat itu. Oleh itu, mereka masih beli diesel yang mahal.

Dalam satu jawapan yang diberi oleh menteri, adalah sejumlah 97,563 syarikat dan individu yang layak menerima subsidi ini. Saya ingin tahu, antara bilangan ini, berapa yang suratnya telah dikirim, dikeluarkan oleh kementerian dan berapa antara mereka yang sekarang telah ada mempunyai satu *fleet card* untuk menikmati diesel subsidi. Saya harap kementerian boleh menjelaskan *point* ini.

Masalah ketiga adalah mengenai simen. Simen di Sarawak tadi ada seorang rakan saya sebut, simen dijual di sini *ceiling price* dia adalah RM9.50, 50 kilo tetapi di Sarawak harga yang dijual adalah RM13.00 satu kampil 50kg. Kenapa ada perbezaan yang sangat besar antara harganya. Adakah kerana pembekal-pembekal di Sarawak memonopoli dan syarikat itu syarikat pembekal simen ini adalah CMS adalah satu syarikat yang dimiliki oleh Ketua Menteri Sarawak.

Adakah polisi-polisi ini diimplementasikan ada perbezaan harga ini diimplementasikan supaya syarikatnya boleh mengaut keuntungan yang lebih tinggi. Kenapa orang Sarawak tidak dapat menikmati harga simen yang sama dengan pengguna-pengguna di *West Malaysia* dan saya ingin tahu juga sama ada tarif atau halangan atau kawalan supaya simen dari semenanjung sini tidak dapat diimport ke Sarawak, ada apa-apa halangan untuk mewujudkan monopoli ini. Itulah ketiga-tiga masalah yang saya hendak sampaikan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Itu sahajalah tentang perkara berkaitan dengan pindaan, tidak ada apa-apa hendak bangkit?

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Memang ada bangkit. Itu adalah kawalan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Mengikut peraturan mesyuarat ini semua terkeluar sedikit.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Mana ada?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Jasin. Yang Berhormat boleh baca Peraturan Mesyuarat 36(1).

**2.42 ptg.**

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Selepas Yang Berhormat bagi Jasin, menteri jawab.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Saya ingin juga bersama-sama untuk menyokong Rang Undang-undang Akta Kawalan Bekalan ini yang mana saya kira dengan lulusnya Rang Undang-undang ini, akan memperkasakan lagi pegawai-pegawai dan pegawai-pegawai penguat kuasa dalam mengawal harga dan juga *supply* barang-barang kawalan. Kerana kita lihat akhir-akhir ini kita sedang menghadapi satu masalah di mana kebanyakan daripada barang-barang kawalan, barang-barang keperluan yang berada di dalam negara kita ini harganya disubsidikan oleh kerajaan dan mempunyai harga yang begitu tinggi di negara-negara lain.

Masalah yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Bandar Kuching tadi, harga kita di sini RM1.40 bagi gula, tetapi di Indonesia RM2.20 satu kilo. Itu membuatkan orang-orang kita banyak mencari peluang dan ruang untuk menyeludupkan barang-barang ini. Begitu juga dengan barang-barang lain, macam diesel. Di Thailand sekarang ini harga diesel ialah RM2.98. Kita baru RM1.59. Itu menyebabkan orang kita menyeludup barang-barang ini dan kita ucap tahniah kepada kementerian kerana dengan adanya Rang Undang-undang ini, kita kenakan penalti yang begitu tinggi, yang mana penalti daripada 25 ribu 50 ribu, kita tukar dengan perkataan 250 ribu, dan 500 ribu denda.

Yang ini harus kita tingkatkan dan kita kena penguatkuasaan kerana setakat hari ini, kalau kita tidak bertindak cepat, dan kita tegas dengan penalti-penalti ini, maka penyeludup-penyeludup ini dia tidak akan serik Tuan Yang di-Pertua. Dia tidak akan serik, ini yang sedang berlaku di dalam negara dan saya minta maaf Tuan Yang di-Pertua, saya terpaksa cakap sedikit pasal Kastam ini. Ini fasal seludup juga Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak berkaitan.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Ada kaitan. Kita ada Rang Undang-undang itu, tetapi tidak kita laksanakan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, bangkitkan pindaan.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Pindaan ini kerana daripada dahulu sampai sekarang Tuan Yang di-Pertua, mana ada kes-kes yang diseludup ini dihadapkan ke mahkamah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat....

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Ini membuatkan orang, ini contoh Tuan Pengerusi. Ini membuatkan orang yang seludup yang buat kegiatan-kegiatan penyeludupan ini oleh kerana kita tidak tegas menghadapkan mereka ke mahkamah, mereka tidak serik. Sama juga dengan akta ini. Tidak guna kita luluskan di dalam Parlimen yang mulia ini kalau kita tidak menguatkan kuasa yang sebenar-benarnya. Supaya dengan ada denda yang tinggi yang dicadangkan dalam akta ini, apabila mereka yang menjalankan kerja menyorok barang-barang, menyeludup barang-barang apabila tertangkap dengan denda yang begitu tinggi....

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Bandar Kuching.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Belum Tuan Yang di-Pertua, saya belum habis lagi. Belum habis *sentence* ini tunggu kejam. Kalau kita tidak ambil tindakan ini, mereka tidak takut, tetapi kalau kita tangkap dia, kita *fine* dengan begitu tinggi, apatah lagi kalau kita boleh menggunakan lain-lain akta untuk orang-orang yang buat kerja penyeludupan ini, kita hantar pergi buang daerah, kita hantar dia ke Pekan Nanas, maka orang akan rasa takut dan serik dan mereka tidak akan terus menjalankan kerja ini tetapi, kalau kita tidak buat ini Tuan Yang di-Pertua, jawabnya masalah yang kita hadapi dalam negara ini, tidak akan selesai. Silakan Yang Berhormat bagi Bandar Kuching.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Terima kasih Yang Berhormat. Adakah Yang Berhormat setuju, masalah ini adalah penguatkuasaan. Walaupun, kita boleh tambahkan sepuluh kali ganda hukuman dalam akta untuk penyeludupan, tetapi sampai sekarang sudah dua tiga bulan kekurangan gula di Sarawak. Tidak ada satu kes penyeludupan. Mengikut pegawai di Kuching sana, tidak ada aktiviti penyeludupan langsung...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, hujah Yang Berhormat juga didengar oleh Yang Berhormat bagi Jasin.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Bukan, bukan. Adakah Yang Berhormat bagi Jasin bersetuju bahawa masalahnya penguatkuasaan. Penguatkuasaan ini dijalankan oleh Kastam juga dan itu adalah membayangkan satu kelemahan dalam sistem penguatkuasaan negara kita dan apakah cadangan Yang Berhormat untuk menyelesaikan masalah ini.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Bandar Kuching. Memang daripada mula kita bercakap, daripada pembentangan Bajet tahun sudah, sehinggakan pembentangan Rancangan Malaysia Kesembilan, kita masih menekankan tentang *delivery system*. Kalau ini tidak kita perbaiki, tidak ada gunanya akta undang-undang apa sahaja. kalau kita tidak dapat laksanakan. Oleh yang demikian, kita berharap.....

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Sabak Bernam.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Kita berharap Kerajaan serius bagaimana yang kita sarankan daripada dahulu, hari ini dan selamanya. Menteri pun senyum, sila Yang Berhormat bagi Sabak Bernam.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Jasin. Saya ini macam tidak percaya Yang Berhormat bagi Jasin.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak percaya Yang Berhormat bagi Jasin?

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]:** Nanti dahulu, saya hendak pandangan daripada Yang Berhormat bagi Jasin, apabila beliau menyatakan bahawa penyeludupan ini sebenarnya kita dengar berlaku begitu lama. Barang yang disebut tadi, barang dari Malaysia murah, di luar negara mahal. Yang kita biasa dengar barang dari luar murah, masuk ke dalam mahal. Kalau dari Sabak Bernam rokok keretek. Saya difahamkan bahawa banyak tangkapan telah pun dilakukan, tetapi apabila Yang Berhormat bagi Jasin menyatakan bahawa tidak ada satu tindakan mahkamah diambil mengenai perkara ini. Apakah benar sebenarnya Jasin mengenai perkara ini? Terima kasih.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Saya kira Yang Berhormat bagi Sabak Bernam lebih arif. Kita selalu tengok dalam televisyen, kita selalu tengok dalam surat khabar dan baru-baru ini dalam Dewan yang mulia ini kita pun dapat diberitahu oleh pihak kementerian, Kastam terpaksa pakai BMW kata Setiausaha Parlimen kerana hendak mengejar penyeludup, tetapi berapa banyak penyeludup yang telah kita hadap ke mahkamah? Berapa banyak? Pakai BMW pun kita tak dapat tangkap penyeludup. Dan hari

ini untuk makluman Sabak Bernam, ini saya nak jawab ini Tuan Yang di-Pertua, di Melaka ....

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Minta penjelasan sikit.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Sekejap, sekejap, nak jawab ini belum habis ini, nak jawab Sabak Bernam. Saya tak tahu di Sabak Bernam, saya tak tahu apa yang berlaku di Jerai tetapi di Melaka pada hari ini, semua kedai kopi, semua kedai-kedai di kampung berleluasa rokok-rokok yang di seludup, dijual di merata-rata. Walhal kita ada peraturan, kita ada Akta, satu bungkus rokok kretek sekiranya ditangkap dendanya RM100...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, adakah rokok ini barang kawalan?

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Kawalan juga Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana kemasukan daripada Indonesia, macam yang keluar dalam surat khabar semalam, itu rokok *Halftime* telah berleluasa sekarang. Apa dah jadi ini? Apa dah jadi? Nanti esok surat khabar keluar lagi, menghentam saya lagi tetapi ini masalah negara Tuan Yang di-Pertua, masalah negara. Yang mana pada hari ini di mana penguatkuasaan, kalau ia tak cukup kakitangan, bagaimana disebut oleh rakan saya daripada Bandar Kuching tadi, kita boleh tambah pegawai. Kita kena tambah pegawai... Sila Jerai.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Saya semua nak bertanya kepada Yang Berhormat, ini peluang siapa ini?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat kalau tak tahu, duduklah... [*Beberapa Ahli ketawa*]

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Saya takut silap orang penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sudah pasti baru bangun.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Ya, ya. Tadi Yang Berhormat kata kita perlu gunakan BMW untuk mengejar dan sebagainya. Adakah Yang Berhormat juga yang bercadang supaya pasukan polis tukar Proton Wira kepada BMW? Kerana polis sekarang ini pakai Wira sahaja, itu pun dia tangkap pencuri, penyangak guna Kancil pun ada Tuan Yang di-Pertua. Kancil ini cuba bayang, Kancil hambat penyamun.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, ini semua soalan dan jawapan standard tahap Jerai. Cukup... [*Beberapa Ahli ketawa*]

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Bukan, saya nak Jasin beri penjelasan. Apa yang kita perlu, macam yang tadi itu kita bagi polis, kita bagi Kastam BMW, kita bagi penguat kuasa-penguat kuasa BMW. Apa akan jadi kepada kereta Malaysia yang kita cintai dan sayangi? Terima kasih.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Terima kasih Jerai. Tak payah, polis tak payah BMW, kalau polis dapat Proton Waja pun, Proton Wira pun, *alhamdulillah*, tapi kalaulah polis pakai Kancil, nak kejar orang curi sekerap hari ini pun susah. Itulah kita kata tadi, yang saya dok cakap tadi dari dulu, mengapa harus BMW, kan BMW lebih baik kita lelong dapat harga tinggi kita beli kereta Wira dua tiga biji dengan satu biji BMW. Berbalik kepada cerita kita Tuan Yang di-Pertua, Akta Bekalan, kadang-kadang saya pun kasihan pada Menteri saya, bila Bandar Kuching sebut berkenaan dengan gula tak cukup dan sebagainya, saya kasihan dekat dia...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, bolehkah kita balik kepada kementerian?

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Ini kementerian inilah. Menteri ini. Kerana Tuan Yang di-Pertua, dia kena jaga gula, semua orang mengatakan gula tak cukup tapi yang mengeluarkan AP untuk eksport gula adalah MITI.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, daripada Kastam, pergi ke polis, sekarang datang ke MITI.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Inilah hebat Ahli Parlimen Malaysia daripada Jasin ini Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Sendiri angkatlah.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Kita kasihan dekat dia, kita kasihan dekat dia. Mengapa tidak AP-AP berkenaan dengan barang-barang kawalan di bawah jagaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri ini diserahkan pada dia, diserahkan pada Kementerian dia kerana dia dapat kawal dengan lebih baik. Dan dia tahu keperluan, berapa negara perlu. Ini tentang nak jaga gula dia, gula tak cukup dia, tetapi dalam masa yang sama ada satu Kementerian lain pula mengeluarkan AP untuk membenarkan gula ini dieksport ke negara-negara lain.

Memang pengeluar gula pada hari ini, memang suka nak eksport kerana dia boleh jual dekat Indonesia dengan harga RM1.95 satu kilogram. Kalau dijual dalam negeri, baru RM1.30, harga runcit RM1.40. Memanglah pengeluar nak eksport kerana dia untung lebih tetapi kalau kuasa mengeluarkan AP gula ini di tangan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, dia tahu bagaimana kita nak hantar gula kita eksport keluar. Walhal dalam negeri pun kita pakai tak cukup. Ini sepatutnya berlaku.

Jadi oleh yang demikian Tuan Yang di-Pertua, kita berharap supaya kerajaan memikirkan balik yang mana barang-barang keperluan yang kita perlukan dalam negara ini, segala urusan import dan eksport ini dan pengeluaran AP kita kena beri kuasa kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri supaya lebih banyak kawalan ataupun kawalan yang lebih baik dapat dilaksanakan oleh pihak Kementerian. Terima kasih, ya Bagan.

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kami sering baca dalam surat khabar bahawa Kastam baik, *Marine Police* baik dan lain-lain badan kerajaan baik. Mereka ada terlibat dalam pencegahan penyeludup dan juga Unit UPP, Unit Pencegahan Penyeludup, tetapi apabila mereka mendapat barang kes, *speed boat* atau kretak atau samsu atau wain, *liqueur* apa-apa, hanya barang kes dirampas, tapi orang selamat dilepaskan. Mereka mungkin pandai berenang, mereka pandai berenang kalau dibandingkan dengan Marin polis atau siapa-siapa. Kenapa begitu? Orang tak dapat diberkas, barang sahaja dapat diberkas?

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Minta maaf Bagan, saya tidak boleh jawab. Walau macam mana, nanti kalau saya jawab Tuan Yang di-Pertua, orang silap anggap, mengatakan bahawa Jasin ini asyik hentam Kastam dan polis, tetapi sebenarnya yang menanya itu Bagan, jadi saya mintakan Bagan punya ucapan itu termasuk dalam saya punya soalanlah. Ok, boleh ya?

Ini yang saya cakap daripada awal tadi Tuan Yang di-Pertua, kita ada Akta, 350 ribu, 250 ribu kalau *volume* dia besar, dia sanggup jual. Katalah sekarang gula macam kata dieksport, macam kata didakwa Bandar Kuching dieksport ke Indonesia, harga RM2. Modal di sini RM1.30...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, Menteri yang menjawab bukan Menteri Kewangan.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Tak, ini Menteri dia Tuan Yang di-Pertua, nak mengingatkan dia tentang Akta ini. Kerana perbezaan harga dia tinggi Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tujuan saya nak minta Yang Berhormat rujuk kepada perkara yang dibahaskan.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Ya, memang saya rujuk ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya faham tetapi hari ini kita buat Akta Pindaan.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Hanya saya nak minta Tuan Yang di-Pertua, saya nak minta di dalam Akta ini selain daripada denda yang begitu tinggi, saya berharap juga kalau boleh, kalau patut kita kena pinda, kita pinda lagi Tuan Yang di-Pertua tentang Akta ini, kena tambah. *Imprisonment*, bermakna orang yang tertangkap dalam segi untuk menyeludup barang ini selain daripada kena denda yang begitu besar, dia juga hendak dijel. Dan kita berharap juga di mahkamah ini, kadang-kadang kes-kes macam ini Tuan Yang di-Pertua makan masa lima tahun, sepuluh tahun. Jadi barang yang dirampas, kalau gula ini nak dirampas Yang Berhormat bagi Kuching, gula yang dirampas kalau kes ini masuk 10 tahun, gula ini pun dah cair habis dah, bahan bukti dah tak ada dah. Kuching jadi *lawyer*, faham apa yang saya nak cakap.

Ini masalah, sehinggakan baru-baru ini ada orang minta supaya kes dadah diperuntukkan ada mahkamah khas. Saya tak tahu esok Menteri terpaksa cadangkan kepada kita untuk nak menguatkuasakan Akta ini, diadakan satu mahkamah khas supaya kes-kes penyeludupan ini dan salah guna kuasa berkenaan dengan Akta ini dapat diselesaikan dengan cepat sekali. Jadi Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas kesabaran Tuan Yang di-Pertua dan memberi peluang kepada saya untuk berucap. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan saya menyokong.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** [*Bangun*]

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat tidak tahu apa keputusan yang telah saya buat ya?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Ya? Saya tadi pergi dengar taklimat tentang AUKU. Tentang pelajar kita di universiti Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Santubong juga hendak berucap?

**3.00 ptg.**

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** Ya saya Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya bila Yang Berhormat bagi Jasin tadi berdiri saya pun hendak berdiri juga tetapi saya hendak cari *Bill* dahulu sebab saya tidak hendak terpesong keluar daripada *Bill*. Jadi kalau saya berucap keluar daripada *Bill* susah saya. Saya tidak hendak Tuan Yang di-Pertua mengatakan saya terkeluar daripada *Bill*. Saya kena baca *Bill* dahulu. Tengah mencari tadi jadi tidak sempat berdiri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah. Panjangkah?

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** Kalau hendak panjang, saya boleh panjangkan... [*Ketawa*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Jangan panjanglah.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** Kalau hendak pendek, insya-Allah saya boleh pendekkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cuba dan saya harap tidak akan tambah lagilah. Lepas ini Yang Berhormat bagi Jerai.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Menteri pun sudah lama tunggu.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan tahniah, syabas dan terima kasih satu juta kepada Tuan Yang di-Pertua kerana telah menarik balik arahan mengatakan, "Setelah Yang Berhormat bagi Jasin, Menteri menjawab" ... [*Ketawa*]

Dan bagi pihak Yang Berhormat bagi Jerai juga saya akan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana bagi peluang kepada Yang Berhormat bagi Jerai sebab taklimat dia sebentar tadi dan saya kena....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Alasan Yang Berhormat bagi Jerai tidak semestinya tepat punyalah, tetapi tidak apalah, sekali-sekala.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin terlibat untuk membahaskan Rang Undang-undang Perdagangan Elektronik 2006 yang bertujuan untuk meminda *Electronic Commerce Act...* [*Beberapa Ahli ketawa*]

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Itu sudah habis!

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** Mana satu ini?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, sesat ini. Salah masuk Yang Berhormat... [*Ketawa*]

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** Yang Berhormat bagi Jerai boleh dahulu cakaplah... [*Yang Berhormat bagi Jerai memberikan rang undang-undang berkaitan kepada Yang Berhormat bagi Santubong*] Oh! Kawalan bekalan ini Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** *You*, tidak payahlah!

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** Ini tengok ini. Inilah yang saya tidak hendak Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tak payahlah.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** Tak payah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tunggu *Bill*. Bila *Bill* datang, saya beri peluang.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** Saya akan bercakap Tuan Yang di-Pertua. Pantang orang Santubong mara ke hadapan, undur ke belakang. Kena bercakap...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tak payahlah Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** Saya bercakap Tuan Yang di-Pertua. Minta sedikit sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Okay.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** Terima kasih. Saya tersalah baca *Bill* sebenarnya.

**Beberapa Ahli:** [*Ketawa*]

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya melihat dan mendengar apa yang telah dibahaskan oleh Yang Berhormat bagi Bandar Kuching dan saya juga mendengar apa yang telah dibahaskan oleh Yang Berhormat bagi Jasin.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebagai orang Sarawak juga turut merasa bahawa banyak kebenaran yang telah disebut walaupun sebagaimana yang Tuan Yang di-Pertua telah sebutkan tadi bahawa kebanyakan perkara yang dibahaskan adalah terkeluar daripada Akta Pindaan ini. Jadi dalam kita mengatakan perkara ini terkeluar daripada bidang perundangan yang telah kita bahaskan ini.

Dalam masa yang sama kita juga mengatakan bahawa undang-undang ini dibawa ke Parlimen dan dibahaskan secara dasar. Apabila persoalan dasar telah hendak dibahaskan kita tidak boleh mengatakan kita terkongkong dengan satu peraturan. Parlimen tidak boleh menyebut perkara-perkara lain yang ada hubung kait dengan soalan kawalan dan sebagainya. Begitulah juga apabila kita berbincang soal pihak yang menjaga kawalan

ini kita mesti tidak boleh lari kepada itu dan mesti juga melihat bahawa kepentingan orang ramai dalam soalan kawalan apa sahaja mestilah kita bawa ke hadapan. Bagi pihak sebagai Wakil Rakyat kita berkepentingan.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya ada satu perkara yang amat penting saya nak sebut. Mungkin Tuan Yang di-Pertua kata saya juga terkeluar tapi satu perkara penting bagi negara ini dan penting untuk dibawa ke hadapan. Bila saya balik ke Sarawak, semua orang mendesak saya. Jadi saya tidak hendak DAP menang lagi sekali pilihan raya yang akan datang oleh kerana kita tidak bawa perkara ini...

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** *[Menyampuk]*

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** Jadi ini kawasan samalah ini. Sebab mereka yang bercakap, kita tidak bercakap jadi orang kata kita diam sahaja. Oleh kerana kita terkongkong oleh satu peraturan yang kita sendiri buat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Bolehlah Yang Berhormat, cakaplah.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** Saya cakap ini, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sebab sudah bagi peluang untuk bercakap. Ini persoalan penjualan besi-besi buruk dan besi-besi yang dicuri oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Tuan Yang di-Pertua, besi-besi keluli, besi-besi apa sahaja yang dijual daripada *signboard*, tudung sampah atau apa sahaja dicuri dan benda ini dimasukkan ke satu tempat dan dijual ke negara China dan luar negara. Ini benda yang ada kualiti, yang kita potong sana macam-macam. Ada benda yang berkualiti seperti pagar kiri-kanan kita dicuri.

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingat beri dia masa baca *Bill* dahulu. Bagi Yang Berhormat bagi Jerai berucap dahulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, siapa Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Bukan, saya beri perhatian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Santubong kata dia ada satu perkara sahaja.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** Ha, saya bawa satu perkara sahaja. *You* tidak mahu tidak perlu dengar. *You* tidak mahu dengarkah? Ini DAP macam itulah dia. Kalau perkara yang dia sebut semua betul. Orang lain sebut semua tidak betul. Jangan cakap macam itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** Kawan jangan jadi hipokrit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah, baiklah. Teruskan. Besi pun....

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** Saya sudah minta dahulu daripada Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua sudah bagi. Jadi saya hendak sebut ini *control item* juga Tuan Yang di-Pertua. Barang curian. Pagar besi, tiang besi, semua orang jual, tudung besi semua orang curi lepas itu dijual ke satu tempat. Sudah dijual di satu tempat, kerajaan beri lesen pula pembeli ini untuk eksport ke luar negara. Selepas dieksport keluar negara mendapat keuntungan yang begitu kecil. Lepas itu *recycle* pula barang itu diimport balik ke Malaysia dengan Malaysia membeli barangan ini dengan harga yang jauh lebih tinggi daripada apa yang dijual.

Jadi dengan sendirinya Tuan Yang di-Pertua, kita mengeluarkan bahan yang murah daripada hasil kerajaan yang mahal dijual ke luar negara, dan di *recycle* dibuat sedikit, diubahsuai dihantar balik ke Malaysia untuk diguna pakai di Malaysia dan orang

Malaysia beli dengan harga yang mahal. Jadi kita ini telah menjadi satu masalah negara yang besar. *Signboard* semua sekali. Hinggakan tidak ada benda yang tidak boleh dicuri dan tidak boleh dijual sekarang.

Jadi kalau kita tidak melihat perkara ini Tuan Yang di-Pertua, lesennya kenapa kerajaan masih beri lesen kepada pemborong yang membeli besi-besi buruk ini untuk dieksport ke luar negara. Sepatutnya kita *banned* benda ini haramkan benda ini, tidak boleh dijual lagi supaya kita hentikan pencurian besi-besi baja, besi-besi keluli, besi-besi *singboard* dan sebagainya di semua tempat di seluruh negara. Kita haramkan penjualan ini. Kalau siapa hendak buat ini dia buat dalam negara ini sendiri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** Sebab ini adalah terdesak Tuan Yang di-Pertua. Saya ini hendak buat usul bawah peraturan tadi tapi saya tidak nak ganggu. Oleh kerana ada *Bill* yang boleh di bincang, bincanglah sedikit soal *control*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah, cukuplah.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menteri jawab. Jangan tidak jawab sebab ini di bawah menteri juga ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Jerai. Lima minit.

**3.08 ptg.**

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Terima kasih. Ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Lima minit.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Lima minit? Lima minit selalu dalam bidang masa saya Tuan Yang di-Pertua. Saya pun tidak minta panjang. Saya hendak ucap tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Dalam keadaan kritikal tetapi terkawal. Walaupun di sana-sini penyeludup tetapi rakyat tidak terputus makanan. Makanan cukup, semua cukup.

Cuma Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta pihak kementerian masalah hari ini Tuan Yang di-Pertua mungkin kawan kita Yang Berhormat bagi Bandar Kuching pun hendak bercakap....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kuching sudah cakaplah Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Dia sudah cakap? 'Kucing' boleh cakap Yang Berhormat?... [Ketawa] Jadi sekarang ini Tuan Yang di-Pertua, yang menjadi masalah ialah kadang-kadang peraturan ataupun undang-undang yang telah kita luluskan ini tidak dijalankan dengan semaksimum yang diperlukan penyeludupan adalah satu pengkhianatan kepada negara. Khianat kepada rakyat, khianat kepada kerajaan kerana cukai dan sebagainya tidak dibayar.

Begitu juga dengan simpanan barang-barang ini, menyorok barang-barang ini. Secara tidak langsung kumpulan ini cuba memeras ugut kerajaan. Memeras ugut kerajaan dengan memberi alasan barang tidak ada. Jadi kerajaan tidak ada jalan lain akhirnya menaikkan harga dan yang susah adalah rakyat tetapi apabila Yang Berhormat Menteri kita, Datuk Panglima kita ini dia cekap dan orang yang berpengalaman, dia boleh mengatasi dan kita jumpa di mana kelemahan-kelemahan.

Saya hendak mencadangkan supaya syarikat sesiapa sahaja tidak kira GLC atau tidak, syarikat kerajaan diswastakan pun tidak kira apabila berlaku dan tertangkap maka

hukuman dia saya setuju dengan Yang Berhormat bagi Jasin, dipenjarakan. Itu tetap. Jangan letak di situ denda atau penjara.

Denda-denda, penjara-penjara, kemudian lepas itu Tuan Yang di-Pertua, anak syarikat itu, atau pun Lembaga Pengarah itu tidak boleh lagi berniaga dalam bidang yang telah ditetapkan kerana mereka adalah pengkhianat kepada negara dan rakyat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Itulah sahaja.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Sikit lagi Tuan Yang di-Pertua, saya tengah naik Tuan Yang di-Pertua. Itu satu ya, sudah lupa..., lagi satu sekarang ini Tuan Yang di-Pertua, memang tidak dinafikan barang-barang yang kawalan memang terkawal, tetapi barang-barang di luar kawalan yang juga menjadi makanan kepada rakyat, makanan kepada anak-anak dan sebagainya ini melambung naik Tuan Yang di-Pertua. Bukan setakat naik, melambung, kalau naik sahaja tidak apa, dia lambung sekali, teruk Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita pergi, sekarang ini tidak payah cakap banyak, dulu kalau kita pergi RM50 kita beli barang, penuh raga, sekarang RM50 raga tidak penuh. Kita pergi di pasar tani pun sudah macam itu, kerana disebabkan oleh kenaikan. Dan saya tidak mencadangkan supaya naik gaji, kalau bila naik gaji rakyat di kampung akan susah, naik gaji barang lagi naik, sedangkan tidak naik gaji pun barang naik, baru naik minyak.

Jadi macam manakah kaedah yang hendak dicari oleh kerajaan, supaya barang-barang walau pun bukan kawalan seperti gula, beras dan sebagainya ini harus juga diambil perhatian, supaya syarikat-syarikat ini, yang mengambil keuntungan berlebihan, mengaut keuntungan berlebihan ini Tuan Yang di-Pertua, harus kita panggil dan kita bagi dekat dia kata dua. Yang ini saya ingat pihak kementerian kena tegas, dan saya faham bahawa kementerian tidak cukup, mana hendak pergi tangkap VCD cetak rompak, mana hendak pergi cari gula, kedai mana bawa sorok bawah katil, tauke mana, kita tidak tahu lagi. Mana hendak pergi tangkap itu dan ini, jadi tangkapan banyak hendak buat, hendak dakwa pun tidak sempat, sebab itu tadi Yang Berhormat bagi Jasin dia kata kes makan masa, hendak makan masa macam mana, pegawai tidak cukup. Jadi saya mencadangkan, tidak tahu sama ada atau tidak, Ahli-ahli Parlimen telah dilantik sebagai Kolonel. Kolonel dalam rela, jadi Ahli Parlimen Jerai Kolonel *now, you better be careful*.

Jadi kita gunakan *force* kita ini, saya sebagai kolonel dalam Parlimen saya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kolonel apa kuasa ada?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Boleh tangkap orang Tuan Yang di-Pertua, kuasa tangkap orang ini cukup seronok. Jadi kita gunakan *force* ini sebagai kita memerangi penyeludup-penyeludup, penyorok-penyorok dan juga kedai yang menaikkan harga barang. Kalau kita boleh...memang tidak dinafikan Tuan Yang di-Pertua, kalau orang pun boleh masuk datang negara kita secara haram, barang ini *nothing*, tidak ada bendalah.

Jadi saya harap kepada menteri, memang saya tahu tugas berat, jadi menteri pun faham, kita sokong Rang Undang-undang ini tidak ada masalah. Cuma Datuk, tolonglah kawal sikit rungutan-rungutan dan juga ada orang tua Tuan Yang di-Pertua, baru ini dia dapat *welfare* RM80, bila cakap fasal barang naik, dia teriak Tuan Yang di-Pertua. Saya nampak meleleh air mata dia. Barang naik ini ada yang seronok, sesetengah barang naik seronok, setengah barang naik orang marah. Jadi ini pun satu hal lagi, jadi saya haraplah kepada menteri tolong ya, cubalah kita buat, gunakan...saya faham ada jawatankuasa untuk masyarakat buat laporan dan sebagainya, tapi *enforcement* Tuan Yang di-Pertua, kita relalah hendak bantu pihak kementerian supaya kita tangkap orang-orang yang khianat ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik, terima kasih, Yang Berhormat Menteri sila.

3.13 ptg.

**Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan saya mengucapkan jutaan

terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Barangan Kawalan 1991 ini. Yang Berhormat bagi Tanjong, Yang Berhormat bagi Bagan, Yang Berhormat bagi Bandar Kuching, Yang Berhormat bagi Jasin, Yang Berhormat bagi Sabak Bernam, Yang Berhormat bagi Santubong, dan Yang Berhormat bagi Jerai telah membangkitkan beberapa perkara berhubung kait dengan Rang Undang-undang ini, dan berkisar dalam beberapa isu yang agak penting, khususnya dari segi penguatkuasaan rang undang-undang ini.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Rang Undang-undang seperti yang saya sebutkan di peringkat awal dalam bacaan kali kedua, dia bertujuan ialah untuk memastikan supaya kita dapat melahirkan satu sistem yang agak lebih berkesan dalam usaha kerajaan untuk membanteras kegiatan-kegiatan tertentu termasuk penyeludupan, penyelewengan, penyorokan dan juga kita dapati oleh sebab bukan mudah bagi kerajaan menerusi pelbagai agensi sama ada pihak Kastam, pihak Polis, pihak Penguat kuasa kementerian untuk membendung kegiatan-kegiatan ini 100%.

Walaupun demikian, kita akan bekerja keras untuk memastikan supaya ianya dapat diatasi sebaik mungkin. Dengan itu kita yakin sistem mesti ada untuk membolehkan kita membendung kegiatan-kegiatan ini dan juga menyalurkan penyampaian barangan-barangan yang dikawal ini agar ianya dapat dinikmati oleh masyarakat pengguna kita. Kerana kita tahu bahawa kerajaan mengambil persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Bukit Bintang iaitu berhubung kait dengan kawalan gula tadi, dan kita tahu bahawa kerajaan mengawal gula contohnya. Bukan hanya gula, tetapi barangan-barangan yang lain dilakukan oleh kerajaan, bukanlah kerana *supply* dengan izin, bekalan tidak mencukupi atau pun permintaan yang meningkat atau pun dari segi harga yang dikawal.

Beberapa faktor yang telah diambil kira oleh kerajaan untuk memastikan supaya barangan ini dikawal termasuk tepung, termasuk simen, termasuk besi keluli, termasuk gula, termasuk minyak petroleum. Kita kawal dari segi harganya untuk memastikan supaya masyarakat pengguna di negara ini dapat menikmati.

Kalau saya mengambil contoh masalah gula yang dibangkitkan Yang Berhormat bagi Tanjong, Yang Berhormat bagi Bukit Bintang, Yang Berhormat bagi Bandar Kuching dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain tentang masalah bekalan gula yang disebutkan tadi. Dan kita tahu bahawa negara kita bukanlah menjadi pengeluar *raw sugar*, dengan izin yang besar di dunia ini. Kita merupakan sebahagian daripada pengimport, tetapi bagaimana pula negara kita, dalam kita tidak berupaya mengeluarkan bekalan *raw sugar* yang dijadikan sebagai bahan gula nipis untuk dimakan oleh masyarakat kita, kita dapat menawarkan harga itu cukup rendah berbanding dengan negara-negara yang lain. Contohnya Brazil, contohnya Australia mereka adalah merupakan negara-negara pengeluar dan penanam gula *raw sugar* yang kita import.

Tetapi oleh kerana kita berupaya melahirkan sistem, untuk memastikan agar harga barangan ini dikawal supaya walaupun kita bukan pengeluar gula yang terbesar, tetapi harganya dapat dimanfaatkan oleh masyarakat pengguna di negara kita, tetapi malangnya dalam langkah itu, kita dapati bukan mudah, kerana harganya cukup rendah, bila harganya cukup rendah, kita tahu akan adalah unsur-unsur pihak yang tidak bertanggungjawab untuk menyeludup, untuk mengambil kesempatan, untuk mengambil keuntungan terhadap perkara yang kita lakukan ini, dengan niat yang baik hendak membantu rakyat di negara kita, contohnya gula 1kg harganya RM1.30, RM1.40, di tempat yang lain RM1.90 di Thailand sehingga ada yang meningkat RM2.50 di tempat-tempat yang lain.

Dengan itu, kerajaan akan meneruskan langkah-langkah seumpama ini untuk memastikan bahawa ianya bukan menjadi satu *obstacle* dengan izin, untuk tidak kerajaan memberi keselesaan, memberi tawaran, barangan-barangan yang cukup munasabah harganya kepada masyarakat pengguna di negara kita. Ahli-ahli Yang Berhormat masalah gula kalau dari segi kapasiti keupayaan kilang-kilang mengeluarkannya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kubang Kerian.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Sekejap, saya hendak habiskan dulu. Dari segi bekalan gula saya hendak nyatakan di sini, setelah saya berbincang dengan beberapa

kilang, empat kilang sebenarnya di negara kita yang berupaya mengeluarkan gula, Malaysia *Manufacture*, *Central Sugar* dan Gula Perak dan Gula Perlis dan mereka saya dapati berupaya untuk mengeluarkan gula dalam kapasiti, dalam lingkungan 1.2 juta matriks tan, dan permintaan di dalam negara kita dalam lingkungan 925,000 matriks tan, iaitu ada lebih kalau kita melihat dari segi keupayaan kilang mengeluarkan dan juga keupayaan permintaan dalam negara kita.

Kita tahu seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat, ada juga langkah-langkah yang menggalakkan agar pihak industri mengeksportnya ke luar negara, kerana kita tahu dalam keadaan sekarang kita membeli gula menerusi *Long Term Contract Agreement* (LTC) harga gula yang kita kenakan daripada *supplier* daripada Brazil dan juga daripada Australia, ada dalam lingkungan USD215 satu matriks tan. Manakala harga pasaran secara terbuka dalam lingkungan USD350 hingga USD400 matriks tan. Jadi begitu tinggi keadaan dia kalau dibandingkan dengan harga yang bebas dan juga harga yang ditawarkan oleh LTC.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, sila.

**Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Krisis gula ini saya rasa sudah masuk enam bulan. Ia bermula di negeri utara, Kelantan dan sekarang merebak di bandar-bandar besar. Sehingga hari ini di Lembah Klang sendiri bagi peniaga-peniaga kecil, warung-warung menghadapi masalah gula. Boleh beli sekilo ataupun dua kilo sahaja hari ini.

Jadi dalam tempoh enam bulan ini saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah punca sebenarnya krisis gula ini? Tadi Yang Berhormat sebut kilang-kilang dikatakan cukup bekalan tetapi masalah kekurangan gula ini, apa sebabnya? Adakah ada tangkapan-tangkapan ataupun tindakan-tindakan yang telah diambil terhadap perompak-perompak jalanan ini yang menyebabkan kekurangan gula ini kalau dapat Yang Berhormat jelaskan. Terima kasih

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Yang Berhormat bagi Kubang Kerian, saya sebutkan tadi bahawa kapasiti keupayaan kilang mengeluarkan lebih kurang 1.2 juta metrik tan dan keupayaan *demand* dalam negara kita adalah dalam lingkungan 900 ribu tetapi itu kalau kita lihat dari segi eksport agak lain sedikit kalau kita ada penambahan. Kalau kita dapat lihat juga, ini yang kita dapati beberapa faktor menjadi penyebab.

Saya tidak berupaya untuk meletakkan satu-satu sebab inilah yang menjadi pokoknya kerana kita tahu bahawa ianya juga melibatkan sistem pembahagian bekalan ini. Saya akui dua bulan, tiga bulan yang lalu di Kelantan berhadapan dengan masalah tersebut dan kita sedikit sebanyak sudah pun mengatasi masalah di situ. Saya dapati salah satu penyebab di Kelantan contohnya, di tempat-tempat lain berbeza permasalahannya. Kalau di Kelantan, kita dapati banyak pemborong di situ sehingga satu tempat di kampung, di satu daerah, ada 60 pemborong di situ.

Seluruh negeri Kelantan mempunyai 381 pemborong, satu jumlah yang besar dalam satu negeri yang memerlukan gula walaupun orang Kelantan saya tahu makan gula banyak tetapi saya rasa jumlah itu terlampau banyak sangat. Itu yang saya katakan, kita mesti melahirkan satu sistem yang kita akan berupaya untuk membendung dan mengawal kegiatan-kegiatan yang tidak sihat. Saya katakan tidak sihat – penyorokan, penyeludupan dan perkara-perkara yang lain. Kalau sekiranya jumlah pemborong ini juga menjadi salah satu penyebabnya sehingga boleh membantutkan kita membekalkan gula kepada peringkat pasaran, maka perlu ada satu sistem yang harus kita lahirkan agar ianya dapat dipermudahkan. Itu yang saya katakan.

Salah satu daripada pertemuan saya minggu yang lalu dengan beberapa kilang untuk cuba mengatasi masalah ini. Masalah yang kita hadapi seperti yang saya sebutkan selain daripada kapasiti, contohnya pada awal tahun ini dan sebelumnya, keadaan di Perlis juga berhadapan dengan banjir yang begitu agak merunsingkan sehingga melibatkan penanaman tebu terjejas keupayaannya dan kilang di situ banyak pada waktu itu bergantung dengan permintaan daripada pasaran luar. Dia tidak banyak mengambil LTC, Long Term Contract Agreement. Kalau dia mengambil LTC, harganya tetap.

Kita tetapkan USD215 satu metrik tan sehingga 2008. Itu bagi *Long Term Contract Agreement* tetapi dalam *open market*, mereka terpaksa membeli dengan jumlah yang begitu besar. Tanpa adanya keupayaan itu, maka sedikit sebanyak memudaratkan mereka untuk mengeluarkan gula yang boleh dipasarkan dengan harga yang sudah dikawal. Harga yang dikawal iaitu dalam lingkungan RM1.40 sekilogram. Itu yang kita tetapkan harga ini. Itu yang saya sebutkan.

Walaupun berlaku masalah bekalan gula di negara kita tetapi perkara ini merupakan satu kes *off and on* di mana bila berlaku contohnya di Kuching, saya akui dan kita berupaya untuk menyelesaikan beberapa minggu yang lalu. Begitu juga di Terengganu ataupun keadaan di Terengganu. Saya tidak katakan bahawa 100% pulih. Keadaan di Terengganu sudah pun dapat kita atasi.

Demikian juga di Kelantan, walaupun masih saya tahu ada kes-kes tertentu yang melahirkan sehingga masyarakat tidak dapat beli gula. Walaupun demikian, dalam pertemuan saya dengan pihak syarikat ini, saya sudah katakan dan kita ada garis panduan, *guideline* untuk cuba mengatasi masalah ini secepat yang mungkin untuk membolehkan supaya masyarakat pengguna kita khususnya dapat bekalan gula yang mencukupi.

Pertama saya tekankan, kilang kena membekalkan gula kepada pemborong yang kita kenal pasti dan pemborong ini akan membekalkan pula kepada pihak peruncitan. Pertama, *hypermarket*, *supermarket* dan kedai-kedai yang kecil dan juga industri-industri tempatan yang membekalkan barangan yang dikeluarkan untuk pasaran tempatan. Manakala kilang, permintaan mereka yang begitu banyak sehingga memudaratkan bekalan gula ini. Salah satu faktornya juga ialah saya sudah nyatakan untuk kilang yang mengeksport barangan ke luar negara, kita harus meletakkan harga di atas pasaran. Tidak boleh dilandaskan atas LTC, *Long Term Contract Agreement* iaitu USD215 satu metrik tan. Kita letakkan 300, 400 supaya kerana itu adalah merupakan pengguna luaran.

Kalau contohnya kilang-kilang tertentu yang mengeluarkan bahan makanan yang dieksport ke luar negara, adakah kita harus memberi subsidi kepada mereka dengan jumlah yang begitu besar? Saya sudah buat keputusan baru-baru ini dan saya katakan bahawa bagi kilang-kilang yang mengeluarkan barangan untuk dieksport, harga untuk mendapat gula harus berbeza daripada harga penggunaan gula untuk keperluan tempatan kita. Yang Berhormat bagi Pendang.

**Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]:** Terima kasih Datuk Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak balik sebelum gula tadi, menteri ada sebut tentang barangan kawalan. Saya hendak kepastian daripada menteri, apakah selama ini barangan kawalan kita itu merupakan hanya barangan asas, misalnya tepung. Tepung asas dikawal tetapi tepung yang diperkaya, misalnya tepung naik sendiri atau tepung yang ditambah dengan vitamin itu tidak dikawal harganya ataupun susu misalnya. Susu asas dikawal harga tetapi *fortified milk* yang diperkaya dengan Vitamin 'D' dan Vitamin 'C' tidak dikawal harga. Apakah benar kenyataan begini? Terima kasih.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Asas yang digunakan oleh kerajaan untuk mengawal beberapa jenis barangan seperti yang saya sebutkan bukanlah tertakluk oleh kerana *supply*, *demand* ataupun harga, kepentingan masyarakat kita adalah menjadi satu keutamaan dan begitu juga dalam konteks, contohnya macam yang disebutkan tadi, tepung kerana kita tahu bahawa asas tepung ini adalah merupakan satu keperluan masyarakat khususnya penjual-penjual yang menggunakannya untuk menjual goreng pisang atau membuat kuih-muih yang akhirnya menjadi hasil pendapatan mereka.

Manakala bila ada *added value*, dengan izin, hendak ada dia punya vitamin, macam-macam, itu akan memungkinan golongan pengguna yang berupaya untuk membayarnya, kita tidak harus mengawalnya kerana kita tahu kalau sekiranya semua barangan di negara kita, tidak kira sama ada ianya *necessity item*, dengan izin ataupun perkhidmatan, kita kawal, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, *there will be a lot of distortions in the economy* seperti yang saya sebutkan bila banyak sangat subsidi yang diberikan, ianya akan mengakibatkan penyeludupan, penjualan, penyorokan tetapi kita tahu dalam pada itu, kita perlu mengawal barangan-barangan ini walaupun ada *distortion* dalam ekonomi kerana kita tahu ada keperluan bagi kita.

Contohnya macam minyak, kita adalah merupakan negara pengeluar minyak, sedikit sebanyak walaupun tidak besar seperti Iran tetapi sedikit sebanyak agar ianya dapat kita salurkan sejumlah RM15 bilion pada tahun 2005 kepada rakyat di negara kita tetapi dalam langkah kerajaan untuk memastikan bahawa ini dapat dimanfaatkan, ada pula orang-orang yang tidak bertanggungjawab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Menteri, boleh ganggu sedikit sebab ada tetamu Parlimen. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin mengambil kesempatan ini mengalu-alukan kehadiran dalam Dewan yang mulia ini, *His Excellency Chaudry Amir Hussain, Speaker of the National Assembly of Pakistan* dan rombongan beliau.... [Tepuk] Moga-moga kehadiran beliau dan rombongan dalam Dewan ini akan mempererat lagi perhubungan di antara negara kita, Malaysia dan Pakistan. Yang Berhormat, teruskan.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Tuan Yang di-Pertua, *I would like to extend my welcome to all the Member of Parliament from Pakistan. I do hope you will enjoy your stay here in Malaysia,* dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali lagi saya sebutkan dengan masalah gula ini *insya-Allah* mudah-mudahan dengan beberapa yang kita ambil baru-baru ini ia akan dapat mengatasi masalah gula yang sedang dihadapi dan saya sudah katakan bahawa kita berhadapan contohnya macam di Lembah Klang tadi, macam di Kelantan saya sudah sebutkan, di Terengganu *alhamdulillah* sedikit sebanyak walaupun masih berlaku keadaan itu di Kuching sebelum itu. Memang agak-agak parah sedikit bekalan gula dan sudah kita atasi. Kemungkinan Ahli Yang Berhormat bagi Bandar Kuching tidak menjelajah ke tempat-tempat lain juga. Ada sesetengah tempat gula cukup ya.

Sekarang ini kita berhadapan di Wilayah Persekutuan dan juga di negeri Selangor dan kita perkenalkan Ops Selangor untuk memastikan supaya bekalan gula mencukupi dan saya sudah beri arahan untuk memastikan supaya kilang seperti yang saya sebutkan tadi pengagihannya bagi kilang untuk mengeksport ke luar negeri harganya mesti berlainan.

Bagi kilang untuk dikeluarkan barangan perkhidmatan yang kegunaan masyarakat kita, harus dilandaskan dengan harga pasaran seperti apa pengguna juga nikmati pada hari ini.

Ahli Yang Berhormat bagi Tanjong menyebutkan tentang bagaimana *nanotech* ini akan dapat mengatasi masalah penyelewengan-penyelewengan terhadap barangan diesel yang bersubsidi ini. Saya yakin seperti yang saya sebutkan daripada awal tadi apabila saya katakan bahawa bilangan jumlah pegawai bukanlah salah satu faktor yang utama yang membolehkan kita menyalurkan barangan ini secara efisien kepada masyarakat tetapi kita mesti mempunyai sistem yang baik juga. Jumlah bagaimana ramai pun anggota penguat kuasa yang ada, kalau sistemnya tidak begitu rapi untuk membolehkan kita mengatasi masalah pengedaran, pembahagian ataupun *distribution* terhadap barangan ini, saya yakin kita yakin kita tidak akan dapat melahirkan satu pembahagian yang lebih sempurna.

Dengan adanya *nanotech* ini, pendekatan *nanotech* menerusi pindaan rang undang-undang ini saya yakin dengan lebih tepat dan berkesan kita boleh mengenal pasti contohnya kalau diesel yang di seludup ke negara luar, ataupun diesel yang disalahgunakan, diselewengkan di dalam negara kita kerana saya dapati beberapa tahun yang lalu, tahun 2005, 2004 ada juga beberapa pihak, kilang-kilang tempatan yang sepatutnya tidak layak untuk mendapat subsidi, tetapi mereka juga mendapat minyak dengan jumlah begitu besar dan ini yang membimbangkan kerajaan kerana kita tahu bahawa kita perlukan kewangan untuk membangunkan negara kita. Kalau kewangan ini dinikmati oleh pihak-pihak yang sepatutnya tidak menikmati termasuklah kilang-kilang yang dimiliki oleh asing ataupun kilang-kilang tempatan termasuk *listed company* dengan izin, maka ianya akan mengakibatkan kewangan yang amat terbatas untuk kita gunakan bagi pembangunan negara kita.

Saya yakin untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Tanjong, dengan adanya sistem ini dan dengan perubahan perundangan ini, kita akan berupaya dengan cara

sistematik dan lebih berkesan untuk cuba mengatasi langkah-langkah yang buruk dalam konteks penyeludupan dan penyelewengan ini.

**Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]:** Penjelasan, penjelasan.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Ahli Yang Berhormat bagi Bagan membangkitkan tentang...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tanjong, Tanjong, sini, sini.

**Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]:** Terima kasih Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memaklumkan Dewan ini bilakah sistem ini akan mula diguna pakai dan tadi saya tanya, siapakah *service provider*, sama ada satu monopoli diwujudkan ataupun syarikat-syarikat yang mempunyai kepakaran dalam *nanotech* ini dijemput untuk memberikan khidmat yang terbaik dan kementerian akan pilih yang terbaik untuk melaksanakan sistem ini.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Ahli Yang Berhormat bagi Tanjong sebaik sahaja rang undang-undang ini diluluskan dan diwartakan, *insya-Allah* kita akan gunapakai sebaik mungkin dan secepat mungkin untuk membolehkan supaya penjimatan kewangan rakyat di negara kita dapat dilaksanakan.

Persoalan kedua yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, siapa yang dapat? Kerajaan belum memeterai perjanjian dengan mana-mana pihak tentang sesiapa yang membekalkan tentang *nanotech* ini kerana kita tahu *nanotech* ini juga bukan hanya boleh diguna pakai untuk petroleum. Ada juga *markert* yang lain bukan hanya *nanotech*. Mungkin ada penandaan, teknologi penandaan yang lain yang boleh diguna pakai untuk barangan-barangan makanan. Mungkin *nanotech* ini boleh melibatkan sedikit sebanyak unsur-unsur tertentu kalau kita gunakan untuk makanan. Nanti esok pula makanan itu akan terjejas dari segi boleh memudaratkan kesihatan manusia itu yang kita sebutkan dalam pindaan akta ini, "...*General provision*", yang dilakukan bukan bererti hanya *nanotech* sahaja, bukan hanya untuk diesel sahaja tetapi juga barangan-barangan dan perkhidmatan yang lain yang memungkinkan kita, memungkinkan kerajaan untuk membendunginya.

Yang Berhormat bagi Bagan menyebut tentang sebab-sebab kerajaan mengawal bekalan barang-barang seperti gula, tepung gandum, minyak masak, diesel, petrol dan sebagainya dan saya telah sebutkan tadi iaitu untuk memastikan bekalan sentiasa mencukupi dan boleh diperolehi dengan harga yang berpatutan dan selain daripada faktor tersebut, ianya adalah merupakan barangan keperluan.

Yang Berhormat bagi Bagan juga mempersoalkan tentang bagaimana kalau boleh diimport gula daripada negara China. Saya akan melihat perkara ini kalau sekiranya gula daripada negara China didapati harganya murah, harganya sesuai untuk kita gunapakai, untuk diedarkan di pasaran tempatan kita dan saya akan berbincang dengan rakan saya Menteri Perdagangan Antarabangsa iaitu kementerian yang bertanggungjawab dalam pengimportan barangan ini untuk memastikan supaya ianya dapat dipanjangkan kepada masyarakat pengguna di negara kita.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Ahli Yang Berhormat bagi Bagan dan Ayer Hitam juga membangkitkan tentang isu pengedaran dan pengimportan simen. Apakah usaha untuk memastikan bekalan simen ada di pasaran contohnya bagi di negeri Sabah akan mencukupi.

Sebenarnya pengeluaran simen di negara kita memang mencukupi. Saya beberapa ketika dahulu sudah buat pertemuan dengan kilang-kilang di seluruh negara kita dan saya dapati ada satu ketika dahulu sebenarnya bukan satu ketika, tahun yang lalu dan awal tahun ini pun saya dapati ada sesetengah pihak-pihak yang menjual harga simen sehingga RM12, tiga kampit. Tiga dalam satu oleh sebab permintaan tidak begitu besar dan apabila mereka meminta supaya harga simen dinaikkan, saya telah menolak sebulat-bulatnya kerana saya dapati tidak ada sebab penyebab mengapa harus kerajaan untuk mengambil langkah menaikkan harga simen sedangkan simen di pasaran masih mencukupi.

Kemudian pada itu saya tahu bahawa kita akan berhadapan dengan pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan dan baru-baru ini saya pun sudah berbincang dengan Ketua Pengarah ICU untuk memastikan supaya saya hendak tahu berapa jumlah simen yang diperlukan dalam pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan termasuk besi keluli, jangan nanti esok akan berlaku keadaan seperti yang sudah-sudah beberapa tahun yang lalu apabila permintaan besi keluli meningkat, permintaan daripada dua negara yang besar daripada India dan Cina mengakibatkan besi keluli menjunam harganya begitu tinggi sekali sehingga kita juga ketandusan bekalan di peringkat negara kita.

Ini yang saya katakan daripada beberapa ketika ini saya ada mengenal pasti kita perlu menyediakan beberapa sistem untuk mengawal barangan kawalan ini dipastikan untuk dapat disalurkan kepada pasaran kita. Termasuklah persoalan yang dibangkitkan tadi mengenai Sabah, perkara ini saya akan bincangkan dengan pihak kilang-kilang yang terbabit kalau sekiranya betul, tidak cukup bekalan simen di Sabah, yang saya tahu cukup tetapi kalau tidak cukup, kita akan pastikan bahawa akses kapasiti yang dibekalkan di Semenanjung, kita boleh kalau dibolehkan dijual dari Semenanjung, kita akan galakkan supaya perkara ini dapat diatasi.

Mengenai dengan harga simen juga dibangkitkan bagaimana kawasan-kawasan yang tertentu ada perbezaan. Ini adalah merupakan salah satu perkara yang kita sudah tahu begitu lama oleh kerana Sarawak dan Sabah agak jauh terpencil dan dari segi input untuk mengeluarkan simen contohnya '*klickers*'. Kita tidak mempunyai kapasiti dari segi mengeluarkan '*klickers*' di peringkat negeri Sabah ataupun di Sarawak. Kita juga terpaksa satu ketika mengimport komponen daripada luar sehingga ia juga melibatkan harga simen di Sabah dan di Sarawak jauh lebih tinggi daripada di Semenanjung ini.

Walaupun demikian saya ada menetapkan apabila perjumpaan dengan beberapa kilang ini supaya kita dapat selaraskan harga simen di beberapa zon mesti diselaraskan. Satu harga di Semenanjung, satu harga di Sabah dan di Sarawak untuk memastikan supaya keseimbangan masyarakat pengguna dapat dinikmati.

Ahli Yang Berhormat bagi Bagan juga membuat dakwaan yang pegawai membuat rampasan tetapi tidak mengeluarkan akaun penyitaan atau *seize list*. Setiap tindakan penguatkuasaan adalah berdasarkan prosedur tetap, *standard operations procedure* dengan izin, yang dikenal pasti oleh kementerian antaranya setiap penyitaan perlu dikeluarkan *seize list* dengan izin, dan laporan polis dibuat bagi tindakan kes. Jika terdapat aduan bagi insiden yang spesifik, kementerian akan mengambil tindakan dan saya berharap Ahli Yang Berhormat boleh nyatakan kepada saya tentang perkara ini.

Ahli Yang Berhormat bagi Bagan juga membangkitkan tentang rekod mengenai stok beras, kerana ini adalah merupakan salah satu barangan keperluan walaupun ianya di bawah jagaan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, tetapi saya yakin bahawa perkara ini perlu kita kawal sebaik mungkin kerana kita merupakan negara bukan hanya mengeluarkan walaupun tidaklah besar dari segi beras tetapi harga beras ini kita kawal. *Price is heavily subsidized* dengan izin, selepas itu subsidi bajanya sehingga RM400 juta kerajaan membelanjakan untuk padi sahaja. Itu belum termasuk untuk menurunkan harga beras berbanding dengan negara-negara lain. Dengan itu, perlu kita mengawal keadaan ini. Jangan pula nanti melibatkan beras yang kita subsidi ini dapat dijual ke negara-negara jiran kita.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Bandar Kuching, saya ada sebutkan. Ahli Yang Berhormat bagi Jasin. Mengenai dengan Ahli Yang Berhormat bagi Bandar Kuching, tohmahan terhadap Ketua Menteri, saya ingat perkara itu bukanlah satu perkara yang sihat membuat tuduhan terhadap Ketua Menteri Sarawak yang mempunyai *Cement Manufacturer Sarawak*.

Sebenarnya *Cement Manufacturer Sarawak*, saya dahulu adalah merupakan, maksud saya pegawai kerajaan adalah merupakan Ahli Lembaga Pengarah, wakil daripada negeri Sabah. Kita mempunyai syarikat pengeluar simen yang juga sebahagian sahamnya dimiliki oleh Kerajaan Negeri Sabah. Bukanlah dimiliki mutlak oleh Kerajaan Negeri

Sarawak ataupun Ketua Menteri Sarawak. Jadi saya berharap Yang Berhormat janganlah membuat tuduhan yang tidak menentu....

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Yang Berhormat...

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** ...Sehingga boleh memudaratkan.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Minta penjelasan.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Mengenai dengan...

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Minta penjelasan.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Mengenai dengan persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Bandar Kuching tentang *fleet card* tadi...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat...

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Saya hendak nyatakan di sini...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat boleh, penjelasan?

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Yang Berhormat, sebelum Yang Berhormat pergi ke *flip card*, kerana sebab saya menimbulkan perkara mengenai monopoli simen di Sarawak, saya tadi ada juga tanya adakah apa-apa halangan atau kawalan supaya simen dari Semenanjung sini tidak dapat masuk ke Sarawak. Saya ingin tahu ada apa-apa kawalan kerana mengikut Kastam, ada sikit kesulitan untuk mengimport simen dari Semenanjung Malaysia ke dalam Sarawak.

Oleh itu, saya ada sikit kelirulah kerana CMS memang dia ada kaitan dengan Ketua Menteri, ahli keluarga Ketua Menteri Sarawak. Adakah monopoli itu diwujudkan untuk menolong perdagangannya. Itulah soalan saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Ada apa-apa kawalan yang diwujudkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Ahli Yang Berhormat bagi Bandar Kuching, sebenarnya tujuan untuk memastikan bahawa kilang ini dapat membekalkan simen secukupnya ke negeri Sarawak, ialah untuk memastikan agar rakyat Malaysia yang berada di Sarawak juga mendapat pekerjaan. Kalau sekiranya kita mengimport ataupun mendapat bekalan simen yang murah daripada tempat lain dan akhirnya kilang ini terpaksa ditutup dan Yang Berhormat pun tahu, apa sebab, apa akibatnya. Rakyat akan banyak menganggur. Itu yang saya katakan.

Ada beberapa faktor yang menyebabkan langkah-langkah tertentu diambil oleh kerajaan *protectionism*, dengan izin, untuk memastikan kadang-kadang ada sedikit sebanyak, bukanlah kita katakan langsung tidak boleh dapat bekalan daripada Semenanjung sama ada gula, besi keluli, ataupun minyak tetapi kalau keadaan itu memudaratkan, sehingga langsung tidak mencukupi bekalan simen di Sarawak, oleh kerana bekalan daripada satu kilang sahaja, kerajaan boleh membuat keputusan untuk membolehkan supaya simen boleh sampai ke negeri Sarawak dan Sabah tetapi pada saat ini, masih boleh ditampung keperluannya oleh syarikat-syarikat yang sedia ada, sama ada oleh *Sabah cement* ataupun *Sarawak cement*...

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat bagi Bandar Kuching.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Ini kerana, apa yang rakyat Sarawak bayar simen itu adalah 50% lebih mahal daripada Semenanjung. Sebab saya menyebutkan CMS adalah dimiliki oleh ahli keluarga Ketua Menteri Sarawak, oleh itu monopoli diwujudkan. Dahulu juga ada satu keadaan macam ini. *Sarawak Securities* yang dimiliki ahli keluarga Ketua Menteri. Pada masa itu, *Sarawak Securities* juga merupakan

satu-satunya *security firm* di Sarawak tetapi selepas ahli keluarganya menjualkan sahamnya dalam *Sarawak Securities, and the securities industry will always open to all*. Ia ditukar nama kepada Kenanga dan *one BBS also* masuk ke Sarawak. Oleh itu, saya ada *suspicious* sebab dia ada monopoli, ada kawalan. Bukan untuk manfaat rakyat Sarawak kerana kini terlalu banyak kontraktor telah dibebankan oleh harga simen yang begitu tinggi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik. Baik.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Oleh itu saya haraplah Yang Berhormat Menteri boleh mempercepatkan pembukaan industri simen di Sarawak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Saya sudah katakan tadi ini adalah merupakan satu tuduhan liar daripada pihak Yang Berhormat bagi Bandar Kuching tentang perkara ini dan saya menyusul kepada persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Bandar Kuching tentang *fleet card* tadi.

Saya hendak nyatakan di sini, jumlah pemegang akaun *fleet card* yang telah dikeluarkan sehingga 30 Jun 2006 adalah pada keseluruhannya jumlah akaun sebanyak 104,111 akaun yang dibuka. Jumlah kenderaan dan *fleet card* yang menikmati ialah sebanyak 170,00.

Bila saya membuat pengumuman tentang syarikat-syarikat yang mendapat bekalan *fleet card* ini tidak bererti semua syarikat kenderaan yang ada di negara kita akan dapat menikmati bekalan minyak diesel bersubsidi. Cuma, ada beberapa kategori yang kita sudah putuskan, yang mempunyai impaknya kepada masyarakat pada keseluruhannya.

Contohnya, pengangkutan awam, bas-bas, teksi-teksi. Contohnya, lori-lori yang memuatkan *consumer goods* dengan izin, kerana kita tahu kalau mereka kita tidak masukkan, sebahagian daripada masyarakat yang layak untuk mendapat bantuan subsidi ini, sudah pasti harga barangan juga akan ditingkatkan oleh kerana kos pengangkutan. Sudah pasti teksi kalau kadarnya tidak kita kawal, orang awam yang menggunakan teksi termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain.

Saya dapat melihat kadang-kadang bila hendak balik, selepas 5.30 petang ada yang panggil teksi. Mereka juga naik teksi. Ini yang kita katakan. Bukan hanya Ahli-ahli Yang Berhormat tetapi pada keseluruhannya masyarakat di luar bandar amat bergantung kepada kemudahan pengangkutan awam termasuklah van mayat, kita bekalkan. Yang hidup pun dibantu, yang mati pun kita Bantu dengan subsidi ini tetapi tidak bererti bahawa semua syarikat pengangkutan yang ada di negara kita akan layak termasuk persoalan tadi yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat macam kilang.

Kita tahu bahawa industri sudah mempunyai pelbagai kemudahan Kerajaan bagi subsidi kepada kilang-kilang, insentif kepada kilang-kilang dan juga kita tahu sebahagian daripada kilang ini bukanlah milik tempatan. Ada yang milik asing dan sudah pasti ianya seharusnya ditanggung oleh pihak-pihak pelabur sama ada asing mahupun *private sector* kerana kita tahu ada beberapa insentif yang kerajaan sudah bagi dan mencukupi. Kalau ditokok tambah dengan pemberian subsidi diesel lagi, sudah pasti kerajaan akan ketandusan kewangan untuk diperlukan bagi membangunkan negara kita...

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Minta penjelasan.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Sila Yang Berhormat.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Ada bas sekolah. Bas sekolah termasuk dalam.....

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Ya masuk, masuk bas sekolah, yang ada kesan, saya ingat, saya lupa dah senarainya. Sebenarnya saya ada beberapa kategori saya ingat dalam lingkungan 21 jenis pengangkutan termasuk bas-bas sekolah, bas berhenti, kita bagi bantuan untuk memastikan anak-anak sekolah, keluarga tidak dibebankan dengan masalah kenaikan harga minyak ini. Yang Berhormat daripada Jasin membangkitkan tentang tindakan tegas yang perlu diambil oleh pihak penguat kuasa saya nak katakan di

sini Yang Berhormat bagi pihak kementerian saya dan Kerajaan akan pastikan bahawa apa syor yang ditekankan oleh Yang Berhormat kita akan mengambil tindakan yang tegas.

Saya masih ingat bila berhadapan dengan masalah diesel contohnya, bila dibangkitkan tentang beberapa stesen-stesen minyak mini stesen yang terletak di *border line immediately* dengan izin, saya terus ke Kelantan termasuk ke Perlis, lepas itu saya dapati ada bukti yang nyata bahawa stesen minyak..., ataupun mini stesen ini tidak harus wujud di situ dan saya telah menarik lesen mereka di situ *immediately* selepas itu 13 lesen, 6 di Perlis, 7 di Kelantan untuk memastikan bahawa kita mengambil tindakan tegas sebahagian daripada pengajaran termasuklah kes-kes yang melibatkan CD dan VCD. Contohnya saya ada menarik lesen hampir empat kilang pada tahun lalu kerana kita dapati beberapa kilang ini juga terbabit dari segi pengeluaran CD cetak rompak dan juga haram ini.

Saya tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan yang amat tegas sekiranya melibatkan perkara ini termasuklah syor Yang Berhormat nyatakan tadi tentang undang-undang ini adakah juga harus melibatkan dari segi penjara dan memang pun kita masukkan selain daripada kompaun, penjara 3 tahun akan dikenakan sekiranya ada bukti.

Dan Insya-Allah Yang Berhormat saya bagi jaminan kita tidak akan kira sama ada dia *listed company* atau tidak *listed company* kalau terbukti bahawa ada dalam kandungan diesel itu *nano tech* maka yang ada dan kita akan heret mereka bukan hanya ke mahkamah dan kita akan tarik lesen untuk memastikan bahawa ini adalah satu pengajaran yang keras kepada pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab ini. Mengenai dengan Yang Berhormat dari Bagan juga membangkitkan tentang barang-barang rampasan saya sudah sebut tadi, Yang Berhormat dari Jasin mengenai dengan *infringement*, yang harus diambil tindakan saya dah ada sebutkan.

Yang Berhormat bagi Santubong juga membangkitkan tentang masalah besi keluli ini Saya ambil pandangan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Santubong saya akui perkara ini amat serius walaupun ianya di bawah bidang kuasa kementerian yang lain tetapi saya akan panjangkan perkara ini kepada rakan-rakan saya di Kabinet pada hari Rabu ini. Untuk memastikan supaya kita dapat membendung keadaan ini.

Kawasan saya pun kadang-kadang Tuan Yang di-Pertua, besi penanda arah dan kadang-kadang penanda arah jauh tempat itu boleh hilang kerana saya tahu besi keluli ini bila bahan dia *raw iron* ni cukup memberi ganjaran yang baik kepada pihak-pihak yang bertanggungjawab ini. Mereka mengambilnya, memprosesnya dan lepas itu jual dan di eksport ke tempat-tempat yang lain tidak kira dan kadang-kadang suatu ketika dahulu saya ingat di Kelantan, tak silap saya satu jambatan besi hilang semua dan ini amat membimbangkan kita.

Yang Berhormat dari Jerai juga bangkit dan mempersoalkan tentang barang-barang kawalan yang tidak dikawal. Selain daripada barang yang dikawal saya akui bahawa dalam keadaan kita mengawal barang pun ada sedikit sebanyak peningkatan. Dan saya nak katakan bahawa penguatkuasaan dan kita maklumkan pegawai-pegawai memastikan mana barangan yang dikawal pastikan harganya bekalannya dapat disampaikan disalurkan kepada masyarakat yang memerlukannya.

Manakala barangan yang tidak dikawal ini Tuan Yang di-Pertua, saya nak katakan bahawa tidak ada langkah bagi pihak kerajaan untuk mengawal semua jenis-jenis barangan seperti yang saya katakan ini. Kerana kita harus melahirkan satu sistem yang membolehkan masyarakat kita berupaya untuk bersaing dengan masyarakat-masyarakat yang lain kalau setiap barangan ini kita kawal dan disubsidikan suatu ketika nanti kadang-kadang ia akan dapat melahirkan satu sistem yang tidak begitu efisien.

Dalam pada itu membimbangkan saya juga contohnya dalam konteks walaupun kita memberi subsidi yang begitu banyak termasuklah ikan tetapi masih ada lagi ikan yang mahal sebenarnya ikan tidak harus mahal harganya di negara kita. Oleh kerana subsidi minyak yang kita bekalkan kepada nelayan bukan hanya petrol malahan diesel adalah merupakan subsidi yang termurah di dunia RM1 satu liter. Dan seharusnya bekalan makanan keperluan ini dapat dikurangkan oleh pihak ini dan saya pun sudah maklumkan

kepada rakan saya Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani untuk memastikan perkara ini dapat kita bendung bersama.

Tuan Yang di-Pertua saya ingat setakat itu sahaja beberapa perkara yang telah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat. Insya-Allah saya akan memastikan setiap perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat akan mendapat perhatian daripada pihak kementerian. Sekian terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

**Fasal-fasal 1 hingga 12** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## **RANG UNDANG-UNDANG KUMPULAN WANG YAYASAN TUNKU ABDUL RAHMAN (PINDAAN) 2006**

### **Bacaan kali Yang Kedua dan Ketiga**

**3.59 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi [Datuk Dr. Adham bin Baba]:** Rang Undang-undang ini bertujuan untuk meminda akta Kumpulan Yayasan Tunku Abdul Rahman 1996 akta 389. Akta ini boleh dinamakan Akta Kumpulan Wang Yayasan Tunku Abdul Rahman (Pindaan) 2006. Akta ini telah disifatkan mula berkuat kuasa pada 27 Mac 2004.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas akta dan permulaan berkuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda seksyen 2 Akta 389 dalam takrif menteri bagi merujuk kepada menteri yang bertanggungjawab bagi Pengajian Tinggi.

Fasal 3, bertujuan untuk meminda seksyen 5 Akta 389 untuk menggantikan sebutan mengenai Kementerian Pendidikan dengan Kementerian Pengajian Tinggi.

Rang Undang-undang ini tidak akan melibatkan kerajaan dalam beberapa perbelanjaan wang tambahan.

Sekian, terima kasih. .

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Hoo Seong Chang]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang yang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Kumpulan Wang

Yayasan Tunku Abdul Rahman 1966 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk di bahas. Ya, Kota Melaka.

#### 4.01 ptg.

**Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin turut mengambil bahagian dalam perbahasan pada petang ini berkenaan Rang Undang-undang yang melibatkan Yayasan Tunku Abdul Rahman.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ini bukan sebarang yayasan tetapi ia menggunakan nama Bapa Malaysia iaitu Allahyarham Tunku Abdul Rahman, jadi saya rasa saya terpanggil untuk memberikan sedikit pandangan ke atas *workability*, dengan izin, berkenaan dengan yayasan ini.

Saya telah pun menerima satu laporan tahunan bagi Yayasan Tunku Abdul Rahman ini iaitu satu laporan tahunan 2004 dan saya selepas meneliti laporan tahunan ini wujudnya dua perkara yang ingin saya ke tengah kepada Dewan yang mulia ini.

Yang pertama ialah saya dapati daripada angka yang diberikan iaitu dalam tahun 2004, mengikut jurusan pengajian wujudnya 41 orang pelajar yang mana telah diberikan pinjaman pengajian oleh Lembaga tetapi saya rasa daripada 41 orang pelajar ini, saya rasa tidak wujudnya suatu keseimbangan yang mana kedua-dua jenis aliran iaitu Sains dan Sastera yang telah pun diberikan keutamaan oleh Yayasan ini kerana saya rasa ini adalah suatu perkara yang menyedihkan kerana daripada 41 orang pelajar yang mendapat pinjaman pengajian dalam yayasan ini kebanyakannya adalah sebenarnya adalah dari aliran Sains dan nampaknya pelajar-pelajar yang mengikuti Kursus Kesusasteraan dan juga Sastera dan sebagainya tidak diberi peluang untuk diberikan pinjaman pengajian ini.

Saya rasa ini adalah suatu perkara yang kita harus elakkan kerana saya percaya dalam sesuatu pembangunan negara, kita haruslah memberikan penekanan ke atas kedua-dua aspek Sains dan juga Kesusasteraan kerana saya rasa dalam masyarakat kita memanglah wujudnya kekurangan Pakar-pakar Sains Sosial dalam negara kita. Saya berharaplah supaya apabila memberi pinjaman pengajian kepada pelajar-pelajar dalam tahun-tahun yang akan datang, maka Yayasan Tunku Abdul Rahman ini haruslah memberikan penekanan juga kepada pelajar-pelajar yang mengikut kursus terutama sekali dalam aliran Sastera.

Selanjutnya Tuan Yang di-Pertua, saya rasa wajarlah kita mendapat suatu laporan tahunan yang lebih terkini kerana sekarang sudah masuk tahun 2006, tetapi saya tidak faham mengapa pula masih yang dianggapkan terbaru laporan tahunan 2004. Sekurang-kurangnya sekarang sudah masuk bulan Julai 2006. Saya rasa sekurang-kurangnya dengan Emolumen yang begitu tinggi yang diberikan kepada Yayasan Tunku Abdul Rahman maka haruslah kita mendapat suatu laporan yang terkini daripada ini.

Satu perkara lagi Tuan Yang di-Pertua, yang saya rasa - apabila saya membaca di muka surat 18, saya rasa wujudnya satu perkara yang saya ingin dapat penjelasan daripada pihak kementerian, iaitu daripada perbelanjaan pengurusan bagi tahun 2004 sahaja sudah wujud lebih kurang RM1 juta iaitu RM996,924 jadi maksudnya tambah lagi RM3,000 lebih dia sudah pun akan mencecah RM1 juta dalam mentadbirkan yayasan ini.

Apabila kita bandingkan dengan output iaitu jumlah pinjaman pengajian yang kita beri dalam tahun 2004 juga hanya wujudnya RM819,000 sahaja dan ini bermaksud apabila kita menggunakan atau membelanjakan RM1 juta lebih kurang RM1 juta untuk kos pentadbiran tetapi pada masa yang sama kita hanya dapat memberikan manfaat kepada 41 orang pelajar iaitu yang memakan belanja dalam bentuk pinjaman pengajian RM819,000. Saya ingin tahu apakah sebabnya wujudnya RM819,000 yang diberikan kepada 41 orang pelajar dalam tahun 2004 yang memakan belanja lebih kurang RM1 juta bagi yayasan ini dan ini telah pun mengingatkan saya satu dokumentasi yang telah pun diberikan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bahawa dalam kebanyakan tabung yang telah pun diusahakan di dunia ini yang mana kebanyakan wang itu sebenarnya telah pun di salurkan ke dalam sektor pengurusan tabung itu dan bukannya terus kepada kumpulan sasaran.

Saya faham bahawa tidak senang ingin kita tadbirkan suatu yayasan, kerana saya difahamkan Yayasan Tunku Abdul Rahman ini ia tidak dapat satu sen geran pun daripada

kerajaan persekutuan tetapi dia membuat pelaburan sumber pendapatan itu adalah daripada pelaburan pasaran ekuiti tetapi saya ingin tahu mengapa wujudnya satu *discrepancy* dengan izin satu perbezaan yang begitu ketara dengan kita bandingkan dengan manfaat yang diberikan kepada pelajar-pelajar RM819,000 jika dibandingkan dengan kos pentadbiran bagi tahun yang sama iaitu lebih kurang mencecah RM1 juta pula.

Bagi cadangan pindaan yang telah pun dikemukakan pada petang ini, saya rasa saya setuju kerana saya rasa adalah satu keperluan dan wajar kerana ia menggambarkan wujudnya Kementerian Pengajian Tinggi kerana dahulu hanya satu Kementerian Pelajaran sahaja jadi sekarang kita sudah ada Kementerian Pengajian Tinggi dan saya rasa cadangan pindaan Rang Undang-undang ini adalah wajar dan munasabah. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat bagi Tanjong.

#### 4.07 ptg.

**Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sukacita saya turut mengambil bahagian dalam membahaskan rang undang-undang untuk meminda Akta Kumpulan Wang Yayasan Tunku Abdul Rahman 1966.

Terlebih dahulu saya ingin menyatakan bahawa teguran yang dibuat oleh Yang Berhormat bagi Kota Melaka tentang jumlah kos operasi yang lebih tinggi daripada pinjaman dan biasiswa yang ditawarkan kepada pelajar-pelajar IPTA ataupun IPTS adalah amat berasas sebab ini menunjukkan bahawa sasarannya tidak tercapai sebab matlamat untuk menubuhkan Yayasan Tunku Abdul Rahman ini adalah untuk membantu pelajar-pelajar dari rakyat Malaysia tanpa mengira keturunan, kaum dan agama supaya mereka mendapat suatu sumber alternatif untuk membiayai pelajaran mereka di peringkat *tertiary* tetapi nampaknya seperti mana yang ditunjukkan oleh Yang Berhormat bagi Kota Melaka kalaulah kos operasi adalah lebih tinggi daripada jumlah biasiswa yang ditawarkan ini saya rasa rasamalah dan tidak tepat dengan visi, misi dan objektif penubuhan Yayasan Tunku Abdul Rahman ini.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menegur juga secara ikhlas merujuk kepada Fasal 1 *subfasal 2*, Akta ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 27 Mac 2004.

Ini bermakna kuasa undang-undang ini adalah berkuat kuasa secara retrospektif, iaitu walaupun pada hari ini, bulan Julai 2006 diluluskan Rang undang-undang ini dan seterusnya dibawa ke Senat dan dipersetujui oleh Yang Dipertuan Agong dan digazetkan tetapi ia bermakna bahawa ia berkuat kuasa dua tahun sebelum ini, iaitu retrospektif. Saya rasa ini melanggar prinsip-prinsip keadilan semula jadi, sebab ini memanglah tidak wajar untuk membawa satu rang undang-undang untuk berkuat kuasa secara retrospektif.

Ini bermakna bahawa sepanjang dua tahun yang lepas, Menteri Pengajian Tinggi yang menganggotai Lembaga Pemegang Amanah adalah dilantik sebagai Pengerusi, saya rasa tidak sah sebab Akta yang wujud memperuntukkan bahawa Menteri Pendidikan dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah ini, tetapi saya tidak tahulah mengapa walaupun sejak 26 Mac 2004, menteri yang baru, Menteri Pengajian Tinggi dilantik untuk menggantikan Menteri Pendidikan yang sepatutnya menjadi Pengerusi itu, kementerian sudah menunggu selama melebihi dua tahun untuk membawa Rang Undang-undang ini untuk mengesahkan pelantikan Menteri Pengajian Tinggi sebagai Pengerusi kepada Lembaga Pemegang Amanah.

Saya rasa ini tidak wajar berlaku sebagai sebuah kerajaan yang cekap, membawa satu rang undang-undang yang retrospektif tidak wajar dan ini juga bermakna bahawa tidak sah dan tidak sah Menteri Pengajian Tinggi mengambil tempat sebagai Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah yang tidak menghayati peruntukan-peruntukan Akta ini sebelum ia dipinda.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya membuat teguran terhadap membawa rang undang-undang secara retrospektif sebagai tindakan yang tidak wajar, namun saya mengalu-alukan peranan yang dimainkan oleh Yayasan Tunku Abdul Rahman ini.

Sungguhpun ditunjukkan oleh Yang Berhormat bagi Kota Melaka, masih ada ruang untuk mempertingkatkan prestasi Yayasan ini untuk mencapai matlamatnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Allahyarham Tunku Abdul Rahman dikenali oleh kita sebagai Baba Kemerdekaan, Perdana Menteri Malaysia yang pertama dan juga Baba Malaysia. Wajarnya adalah ada satu Yayasan untuk memperingati jasa Almarhum kepada negara ini. Apabila kita meninjau latar belakang tertubuhnya Yayasan ini, pada mulanya dilancarkan oleh Utusan Melayu dan kutipan derma diadakan untuk menubuhkan Tabung Pendidikan Tunku Abdul Rahman tetapi selepas itu kerajaan memang berpandangan jauh dan menganggap bahawa Yayasan ini pada asalnya Tabung Pendidikan Tunku Abdul Rahman ini adalah bertujuan untuk membantu pelajar-pelajar Melayu sahaja di peringkat pengajian tinggi.

Tetapi selepas itu, kerajaan mengamalkan sikap yang baik kepada waktu itu untuk menjadikan Yayasan itu sebagai suatu institusi nasional di mana melalui Akta Parlimen pada masa itu, di mana kita dipanggil untuk meminda pada hari ini. Ditubuhkan satu Akta bagi menubuhkan Yayasan Tunku Abdul Rahman dan dibuka pula kepada semua pelajar Malaysia tanpa mengira keturunan, kaum dan agama.

Saya rasa tindakan yang diambil pada 40 tahun yang dahulu mencerminkan kematangan kepimpinan pada masa itu. Sebab sememangnya Almarhum Tunku melambangkan perpaduan di antara kaum di negara ini, bagaimana proses pembinaan negara memerlukan kerjasama daripada semua kaum dan rakyat tanpa mengira keturunan, agama dan budaya. Ini memanglah satu lambang yang tertinggi untuk kita memperingati jasa Almarhum Tunku.

Sehubungan dengan ini saya berharap selain daripada memberi biasiswa kepada pelajar-pelajar yang layak, saya ingin mengambil kesempatan ini mencadangkan, saya tidak tahu sama ada Yayasan sudah ada buat tetapi saya ambil kesempatan ini untuk mencadangkan bahawa Yayasan ini juga menawarkan sedikit sebanyak wang atau tabung untuk menubuhkan *Tunku Abdul Rahman Chair* di sebuah IPTA ataupun IPTS yang menawarkan biasiswa kepada seorang pelajar setiap tahun untuk mengkaji sumbangan Almarhum Tunku kepada proses pembangunan negara.

Bagaimana beliau menjalin kerjasama dari semua kaum di negara ini yang walaupun mempunyai latar belakang yang amat berbeza dan memegang kepada prinsip-prinsip dan kepercayaan yang amat berlainan tetapi berjaya mencipta sebuah negara Malaya dan seterusnya Malaysia yang kita banggakan pada hari ini. Jadi, dengan tubuhnya satu *Tunku Abdul Rahman Chair* di sebuah pusat pengajian IPTA ataupun IPTS, saya rasa jasa Tunku dapat diperingati dan juga pengetahuan dalam proses pembangunan negara dapat dikembangkan dengan lebih baik untuk kalau ada kemungkinan mencetak kertas-kertas penyelidikan ataupun mencetak buku-buku hasil kajian terhadap peranan yang dimainkan oleh Almarhum Tunku dalam proses pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ambil kesempatan ini untuk dapat tahu dari kementerian sama ada Yayasan ini menghadapi masalah yang dihadapi oleh PTPTN di mana berlakunya masalah untuk mengutip balik pinjaman-pinjaman yang sudah ditawarkan kepada pelajar-pelajar. Kalau pelajar-pelajar ini tidak memulangkan biasiswa atau skim pinjaman pengajian ini kepada Yayasan, ini akan menafikan lebih ramai pelajar-pelajar di pusat pengajian tinggi untuk juga mendapat sumber kewangan yang alternatif untuk membiayai pelajaran mereka.

Saya berharap kementerian boleh memberitahu Dewan ini sama ada bayaran balik itu wujudnya apa-apa masalah yang perlu ditangani. Saya amat mengalu-alukan bahawa Yayasan pun ada syarat-syarat untuk menukar pinjaman kepada dermasiswa, kepada pelajar-pelajar yang mempunyai kepujian kelas pertama dengan CGPA 3.75 ke atas. Jadi, saya berharap Yayasan ini dapat memainkan peranan untuk membantu golongan yang memerlukan dan membantu ibu bapa untuk mengurangkan beban mereka untuk melihat anak-anak mereka mendapat peluang untuk menamatkan pengajian di IPTA dan IPTS.

Semoga Yayasan ini akan terus memainkan peranan yang baik dan mengatasi apa juga yang disuarakan oleh Yang Berhormat bagi Kota Melaka dan saya juga. Sekian, terima kasih.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin bersama-sama dengan Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Kota Melaka dan Tanjong terlibat dalam perbincangan rang undang-undang untuk meminda Akta Kumpulan Wang Yayasan Tunku Abdul Rahman 1966 ini. Dan sebagai mana yang dinyatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat kedua-duanya tadi, kita bercakap dalam konteks bukan sekadar menyokong penerusan aktiviti ini dengan pindaan-pindaannya tetapi juga dengan cadangan-cadangan untuk menambah baik lagi Akta dan pelaksanaan Akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, budaya yayasan untuk membantu masyarakat dari segi pendidikan, kebajikan, kesihatan dan sebagainya adalah malangnya suatu budaya yang tidak begitu kuat berlaku dalam masyarakat dan negara kita. Seingat saya, semasa saya kecil-kecil lagi, yayasan-yayasan swasta untuk membantu dalam bidang pendidikan amat terhad jumlahnya. Saya hanya boleh ingat satu sahaja yayasan iaitu *Lee Foundation* semasa saya budak-budak dahulu terdengar dan terbaca wujudnya yayasan yang dinamakan *Lee Foundation*.

Apabila saya agak besar sedikit, timbullah *Kwok Foundation*. Yayasan Kwok. Yayasan-yayasan lain adalah yayasan-yayasan antarabangsa yang mempunyai matlamat-matlamat yang sudah tentunya tidak setimpal dengan matlamat kita sebagai sebuah negara. Oleh itu, terwujudnya yayasan seperti Yayasan Tunku Abdul Rahman ini adalah suatu langkah yang baik. Sekurang-kurangnya untuk membantu menampung apa yang tidak boleh dilakukan oleh pihak kerajaan dan pihak-pihak yang lainnya.

Oleh sebab itu, saya ingin pertamanya menanya kepada pihak kementerian tentang berapakah jumlah yayasan-yayasan seperti Yayasan Tunku Abdul Rahman ini dan selain daripada satu dua yang mampu saya sebut itu yang berkhidmat dalam bidang memastikan supaya dalam bidang pendidikan dan dalam kes ini khususnya pendidikan tinggi, anak-anak Malaysia dapat pembiayaan dan tidak tergendala pendidikannya kerana masalah kewangan keluarga mereka.

Jadi apakah yayasan-yayasan yang lain? Khususnya pula di pihak kerajaan dan anggota masyarakat sebagaimana kita dengar tadi mengambil inisiatif menubuhkan Yayasan Tunku Abdul Rahman ini, saya ingin bertanya dengan kementerian sama ada kerajaan ada mempunyai rancangan kalau kita sudah ada suatu yayasan untuk dan atas nama Perdana Menteri kita yang pertama, adakah kementerian bercadang untuk mewujudkan yayasan-yayasan atas nama Perdana Menteri kita yang kedua, Tun Abdul Razak yang sudah pun ada yayasannya tetapi saya rasa mempunyai bidang tugas yang lain sedikit tetapi mungkin mempunyai pembiayaan yang jauh lebih baik daripada yayasan Perdana Menteri yang pertama ini.

Dan bagaimana pula yayasan untuk Perdana Menteri kita yang ketiga, Tun Hussien Onn? Dan paling penting sekali satu yayasan atas nama bekas Perdana Menteri kita yang terakhir, Tun Dr. Mahathir Mohammad. Adakah kita mahu begitu mudah melupakan Tun Dr. Mahathir misalnya? Adakah kita dengan begitu mudah mahu melupakan Tun Hussien Onn dan sebagainya.

Jadi adakah kementerian mempunyai rancangan dan kalau kita dengar daripada Yang Berhormat bagi Kota Melaka tadi bahawa Yayasan Tunku Abdul Rahman ini memberikan agak terlalu banyak untuk pelajar-pelajar aliran sains dan bukan sastera, adakah baik kalau memandangkan yang Almarhum Tunku Abdul Rahman pengajiannya bidang undang-undang, maka yang aliran sastera dibagi atas nama Yayasan Tunku Abdul Rahman dan memandangkan Tun Dr. Mahathir bidangnya perubatan, maka yang aliran sains dan perubatan atas nama Yayasan Tun Dr. Mahathir misalnya kalau itu sikap cintakan negara, cintakan Perdana Menteri, cintakan bekas-bekas Perdana Menteri yang ada dalam budaya kita semua dalam Dewan yang mulia ini. Jadi saya harap hal-hal ini dapat jawapan daripada kementerian.

Seterusnya, saya faham bahawa pembiayaan yayasan-yayasan ini dan pembiayaan pendidikan ini memakan kos yang tinggi di pihak kerajaan, tetapi saya pohon juga difahami bahawa jika di pihak kerajaan kos pendidikan pembiayaannya tinggi, di pihak rakyat jelata, di pihak masyarakat, di pihak ibu bapa sama ada daripada kaum dan wilayah

mana sekalipun kos pendidikan setinggi itu juga lah dan lebih tinggi lagi, lebih berat lagi bebannya kepada keluarga yang perlu membiayai anak-anak ke pengajian tinggi.

Dan oleh kerana kita dimaklumkan bahawa Petronas telah pun mendapat keuntungan RM70 bilion untuk tahun lalu, adakah tidak sampai masanya untuk kerajaan sekali lagi memastikan bahawa sebahagian daripada keuntungan yang mana Petronas ini untungnya untung hasil bumi negara Malaysia ini. Yang di luar di lautan dekat dengan Kelantan, yang di lautan dekat dengan Terengganu, dekat dengan Sabah Sarawak, tetapi tidak apalah, ini untuk semua negara Malaysia dan tidakkah kementerian berhajat untuk mendesak supaya diwujudkan sebahagian daripada keuntungan yang diperolehi oleh Petronas hasil daripada sebahagiannya peningkatan kos minyak yang kita semua sekali lagi terpaksa tanggung dan biaya, tidakkah baik supaya keuntungan yang berlebihan ini dipulangkan balik kepada rakyat khususnya kepada anak-anak Malaysia yang memerlukan pendidikan tinggi yang merupakan sekali lagi dasar utama negara kita tenaga insan atau pun modal insan yang mana kononnya inilah satu teras penting dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini ialah modal insan.

Adakah tidak sampai masanya dikaitkan yayasan-yayasan ini dengan kementerian memastikan bahawa tidak ada seorang pun anak Malaysia ketinggalan dan tidak berpeluang untuk mendapat tempat hanya kerana masalah kewangan yang tidak dapat dibiayai oleh ibu bapa keluarga-keluarga atau pun anak-anak kita ini.

Jadi saya haraplah bahawa kementerian mengambil suatu pandangan yang benar-benar serius dan mendalam supaya masalah-masalah pendidikan anak-anak Malaysia ini tidak terabai dan janganlah dijadikan kos sebagai halangan untuk anak-anak kita mendapat tempat-tempat di universiti dalam atau luar negara dan khususnya dengan memastikan wujudnya yayasan-yayasan ini supaya sekali lagi kita mewujudkan satu budaya yang mana kita bukan sahaja mengenang jasa kesemua bekas-bekas Perdana Menteri kita tetapi jasa-jasa tersebut kita hidupkan lagi dengan memastikan supaya anak-anak kita dapat mempunyai peluang pendidikan tinggi melalui usaha-usaha ini.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sila Yang Berhormat bagi Tuaran.

**Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Terima kasih ya, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk turut serta membahaskan Rang Undang-undang Akta Meminda Akta Kumpulan Wang Yayasan Tunku Abdul Rahman tahun 1966. sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini begitu ringkas sekali. Ringkasnya cuma memindahkan Yayasan Tunku Abdul Rahman ini daripada Kementerian Pelajaran kepada Kementerian Pengajian Tinggi.

Apa yang hendak saya ingin bahaskan dalam pindaan ini Tuan Yang di-Pertua, ialah kesan daripada perwujudan Kementerian Pengajian Tinggi. Dahulu kedua-dua Pengajian Tinggi dan Pelajaran ini adalah satu kementerian dan selepas itu dipisahkan dan kita menyokong penuh dahulu apabila dicadangkan di Dewan yang mulia ini oleh Yang Berhormat bagi Temerloh kita pun menyokong supaya diwujudkan Kementerian Pengajian Tinggi.

Persoalannya di sini, banyak juga implikasi dari segi penyelarasan, manakah satu institusi, institusi-institusinya yang akan diletakkan di bawah, di kedua-dua kementerian, dan pada hari ini kita lihat bahawa Yayasan Tunku Abdul Rahman ini adalah salah satu institusi yang diselenggarakan dan diletakkan di bawah Kementerian Pengajian Tinggi. Satu lagi isu yang hangat diperbahaskan oleh rakyat jelata, khususnya masyarakat atau warga perguruan sekarang ialah tentang masa hadapan maktab-maktab perguruan yang sudah dinaik taraf menjadi Institut Perguruan Malaysia yang terdapat 27 buah di seluruh negara.

Oleh sebab maktab-maktab perguruan ini sudah dinaik taraf, sudah jadi institut, maka institusi-institusi ini akan dibolehkan untuk mengeluarkan para guru pelatih ataupun pelajar yang akan mendapat ijazah dalam perguruan. Oleh sebab itu, sudah ada ura-ura yang menyatakan bahawa kesemua 27 buah institut perguruan ini akan diletakkan di bawah Kementerian Pengajian Tinggi. Persoalan dia sekarang, ialah kakitangan yang ada sekarang? Termasuklah pengarah-pengarah dia dan sebagainya, menyatakan bahawa mereka kurang senang mendengar ura-ura tersebut. Mereka menyatakan bahawa

seharusnya institut-institut perguruan keseluruhannya di seluruh negara ini hendaklah terus diletakkan di bawah Kementerian Pelajaran dan jangan diletakkan di bawah Kementerian Pengajian Tinggi.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Sudah tentu sekali, bila kita lihat di sana, ada pertembungan, ada *overlap* dengan izin, dari segi pengawalseliaan sebab di sini juga kita akan melahirkan graduan-graduan yang akan mempunyai ijazah. Dalam pentadbiran, dalam kebiasaannya, mereka-mereka ataupun graduan yang akan mendapatkan ijazah adalah orang-orang, mereka yang keluar dari institusi pengajian tinggi, maknanya dari universiti-universiti dan institut-institut dan seharusnya diselaraskan, ditadbir, dikawal selia oleh Kementerian Pengajian Tinggi.

Walau bagaimanapun banyak perkara-perkara yang perlu diambil kira termasuklah dalam soal tangga gaji. Banyak, kebanyakan daripada pengarah-pengarah dan juga pensyarah-pensyarah yang ada sekarang, *because* semua institut perguruan ini menyatakan kerisauan mereka. Sebab akhirnya, jika sekiranya institut perguruan ini diletakkan di bawah Kementerian Pengajian Tinggi, maka kita akan menghadapi satu dilema, satu masalah.

Bagaimanakah, apakah masa hadapan mereka, Pengarah-pengarah ataupun pensyarah-pensyarah? Mereka yang berada di institut perguruan yang ada sekarang yang mempunyai tangga gaji yang berlainan, perjawatan berlainan berbanding dengan perjawatan yang di institusi pengajian tinggi, di universiti-universiti yang ada sekarang dan sebagainya....

**Tuan Devamany a/l S.Krishnasamy [Cameron Highlands]:** [Bangun].

**Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Yang Berhormat bagi Cameron Highlands....

**Timbalan Yang di-Pertua, [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cameron Highlands.

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan pandangan yang diketengahkan oleh Yang Berhormat bagi Tuaran. Mungkin perkara ini lama pun difikirkan oleh banyak pihak. Soal tangga gaji, soal kategori-kategori gaji yang berbeza-beza, dan apabila berlaku perpecahan antara kementerian, Kementerian Pelajaran dengan Kementerian Pengajian Tinggi, ada pula masalah-masalah kategori seperti ini dan sebagainya. Ini pula, saya nak tanya penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Tuaran, dalam revolusi pendemokrasian pendidikan yang baru kita nampak, sudah nampak sekarang dan Malaysia ke arah itu untuk bersaing di peringkat global.

Latihan dan juga perguruan dan juga perkara-perkara berkaitan dengan guru-guru juga akan diswastakan sebagai institusi, pendidikan swasta, akan memainkan peranan institusi-institusi swasta dan saya dimaklumkan bahawa ada perundangan-perundangan yang diikuti oleh JPA ataupun dalam perundangan di bawah naungan kerajaan mungkin tidak akan diaplikasikan dalam peringkat di mana ada institusi swasta, yang mungkin juga akan menawarkan kursus-kursus dan juga tangga gaji-tangga gaji tertentu untuk guru-guru yang mengajar di peringkat swasta.

Ini mungkin akan menyebabkan lagi keadaan yang tenat. Di dalam kerajaan sendiri, kita tidak ada satu penyelarasan dari segi tangga gaji, dan apabila kita nak perbesar lagi, latihan sebegini, mungkin ini akan semakin tenat. Dan kita ke arah mana? Di mana penyelesaiannya? Bolehkah Yang Berhormat bagi Tuaran memberi cadangan bagaimana kerajaan dan kementerian berkenaan dapat menyelesaikan masalah yang berkecamuk ini?

**Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Cameron Highlands. Persoalan itu, biarlah pihak kementerian yang menjawablah tetapi dalam soal ini ya, sekarang saya pun bersetuju bahawa terdapat sudah ada satu bukan kecelaruan, tetapi satu dilema yang kita hadapi. Dahulu kita ada konsep dan sampai

sekarang, apabila kita diterima di maktab perguruan, kita sudah dikatakan sebagai guru pelatih. Maknanya, kita sudah jadi guru, sudah guru pelatih. Selepas kita selesai, kita *graduate*, kita dikatakan, digunakan perkataan penempatan. Makna dia, setelah diterima di situ, kita sudah jadi guru. Apabila nanti kita esok, ketika dinaik taraf sebagai institut perguruan, tentu kita ini diberi penempatan untuk itu. Sebab pada ketika, barangkali sudah makin ramai.

Jadi konsep guru pelatih dan sebagainya, kita tidak tahu lagi pada ketika itu. Itu, pihak penyelarasanlah, kepada kedua-dua kementerian ini. Satu lagi perkara dalam hal ini Tuan Yang di-Pertua, ialah institusi pengajian tinggi juga melahirkan graduan-graduan dalam bidang pendidikan yang mempunyai diploma, yang mempunyai ijazah dan sebagainya. Selain daripada itu juga, dari luar negara pun ada juga yang mendapat kelulusan-kelulusan dalam bidang pendidikan. IKIP sebagai contoh daripada Indonesia, dan dari negara-negara lain. Pada hari ini, apabila pihak Kementerian Pelajaran mengambil guru-guru ini untuk ditempatkan di sekolah-sekolah, keutamaan diberi kepada mereka yang dilatih di maktab-maktab ini ataupun di institut-institut perguruan ini.

Malah sehingga pada hari ini, walaupun institusi berkenaan di luar negara ataupun swasta yang diiktiraf oleh pihak JPA sebagai contoh, mereka ini dibelakangkan. Maknanya, bukan keutamaan. Bukannya ketepikan, bukan keutamaan. Ini juga satu persoalan nanti. Besok setelah diselaraskan benar-benar institusi perguruan ini, di bawah Kementerian Pelajaran dan satu lagi di bawah Kementerian Pengajian Tinggi, mana pula yang diberi keutamaan? Mana yang diberi keutamaan dari segi penempatan? Adakah graduan daripada universiti-universiti tempatan ataupun yang dilatih oleh 27 buah institut perguruan ini? Ini juga satu perkara yang perlu dilihat.

Selain daripada itu, kita juga lihat bahawa dalam sistem pendidikan kita di negara ini, bahawa pendidikan rendah, pendidikan menengah ini, dan pendidikan tinggi ini, adalah satu kesinambungan. Bukan satu yang kita boleh pisahkan. Maknanya, input institusi pengajian tinggi ini, bergantung pada kualiti yang kita latih di peringkat sekolah rendah dan juga peringkat sekolah menengah.

Oleh sebab itu, untuk menjamin kualiti pelajar ataupun input ke institusi pengajian tinggi ini, baru kita beri satu jaminan dan kita perlu, *we have to ensure*, dengan izin. Oleh sebab itu untuk memastikan ini, Kementerian Pelajaran hendaklah mempunyai kontrol ataupun pengawalseliaan terhadap institusi-institusi yang melatih guru-guru di peringkat sekolah rendah dan juga sekolah menengah. Oleh sebab itu, sekali lagi kita mahu menyatakan bahawa institusi-institusi perguruan ini haruslah terus diletakkan di bawah Kementerian Pelajaran. Cuma dalam perbahasan ini, saya minta pandangan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, sama ada ini benar atau tidak? Sebab ada juga pensyarah-pensyarah dan juga pengarah-pengarah institut perguruan tertentu memberitahu kepada saya, tolong cakap sikit di Parlimen, tanya, apakah ini benar ataupun tidak? Sebab ini melahirkan keraguan di kalangan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang soal yayasan ini, saya pun ingin tahu juga sejauh manakah Yayasan Tunku Abdul Rahman ini telah memberi sumbangan? Berapa banyakkah yang telah mendapat biasiswa katakan, atau pinjaman dan sebagainya? Sebab pada hari ini, banyak sudah dikatakan tentang soal pembiayaan dalam pendidikan. Banyak sudah masalah dalam soal pinjaman PTPTN, sebagai contoh. Dan....

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** *[Bangun]*.

**Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** ....Silakan Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih. Yang Berhormat, mahu tanyalah. Apakah Yang Berhormat dapat maklumat bahawa yayasan ini juga telah membiayai pelajar-pelajar dari Sabah khususnya dari luar bandar. Kalau tidak, kenapa. Seolah-olah pihak pengurusan yayasan ini ada unsur-unsur pilih kasih iaitu cuma memberi ruang kepada pelajar-pelajar di Semenanjung Tanah Melayu dan apakah puncanya, jadi begini. Sedangkan yayasan ini mewakili negara Malaysia dan apakah Yang Berhormat ingin

mencadangkan supaya yaysan ini juga mengembangkan pembiayaan ini kepada seluruh negara. Jangan memilih mana-mana negeri sahaja.

**Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Persoalan dan cadangan itu akan saya jadikan sebahagian daripada persoalan saya dan ucapan saya. Memang benar bahawa Tunku Abdul Rahman ini adalah bapa negara kita. Beliaulah yang telah mencadangkan dan akhirnya memastikan yang persekutuan negara Malaysia ini telah ditubuhkan dan sebaik-baik mungkin. Itulah sebaik-baik yaysan seperti ini memberi sumbangan kepada pembinaan negara bangsa dan pembina bangsa yang sebaik-baik mungkin ialah pendidikan dan saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Kinabatangan dan persoalan yang beliau bangkitkan tadi juga kita ajukan kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Berapakah bilangan pelajar-pelajar yang telah diberi pembiayaan di seluruh negara mengikut negeri, terutama Sabah dan Sarawak.

Sebab pembinaan Malaysia ini dahulu Tunku inilah yang di negeri Sabah pun beberapa buah jalan bangunan dan sebagainya taman *National Park* pun kita namakan daripada Perdana Menteri kita yang pertama. Saya menyentuh tentang tadi, PTPTN. Ramai masih lagi berbilion yang belum bayar balik. Bagaimana mahu bayar balik, belum dapat pekerjaan. Masih lagi 20 ribu graduan yang belum dapat pekerjaan. Jadi susah, jadi persoalan di sini ialah oleh kerana pada hari ini kita amat bergantung dengan pinjaman bagi anak-anak kita untuk melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi. Bagaimanakah pihak kementerian pihak pengajian tinggi ini melihat yaysan-yaysan yang telah ditubuhkan supaya yaysan-yaysan ini dapat memberi pembiayaan yang lebih banyak pelajar yang dapat memberi pembiayaan daripada pelajar dan apakah langkah-langkah pihak kementerian untuk memperkasa keseluruhan yaysan-yaysan ini.

Ada yang yaysan yang berasaskan negeri kerajaan negeri masing-masing, kemudahan yaysan seperti ini ditubuhkan sempena daripada pemimpin-pemimpin kita. Dalam kesempatan ini juga Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyatakan bahawa kalau ada ura-ura, cadangan-cadangan untuk memperkemaskan, memperbaiki akta universiti dan kolej dan pula ura-ura yang kononnya nanti ada tindakan-tindakan tertentu kepada pelajar yang kalau disabit kesalahan dikenakan tindakan yang melibatkan bayaran dan sebagainya dan kalau pelajar seperti ini yang baru meminjam dari PTPTN, lepas itu kena lagi dengan kesalahan lepas itu membayar lagi dengan wang ringgit dan sebagainya, inilah permasalahan, banyak masalah dari segi kewangan.

Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua, soal pembiayaan pelajar ini di institusi pengajian tinggi adalah amat penting dan harus dilihat oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi malah seluruh rakyat kerajaan sebab inilah perkara-perkara yang sering dinyatakan oleh pihak pembangkang mengatakan sekarang ini sudah kurang pembiayaan biasiswa dan sebagainya. Bagaimanakah kita dapat menangani cabaran. Jadi dengan kata-kata demikian Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat bagi Kubang Kerian.

#### 4.44 ptg.

**Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan untuk bersama-sama membahaskan Rang Undang-undang ini Akta Kumpulan Wang Yayasan Tunku Abdul Rahman 1996.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita cuba untuk bercakap ataupun membincangkan tentang *foundation* ataupun yaysan-yaysan yang telah ditubuhkan dalam negara kita, apatah lagi yang melibatkan dan cuba mengaitkan nama-nama pembesar negara. Sudah tentu kita percaya bahawa tujuan ataupun matlamat asalnya ialah untuk membantu rakyat Malaysia khususnya golongan yang berpendapatan rendah tanpa mengira kaum ataupun bangsa untuk mendapat peluang pendidikan yang adil dalam negara kita.

Apatah lagi kalau kita menyemak kembali tentang status ataupun jumlah rakyat Malaysia yang masih duduk dalam tahap keciciran dan tidak menikmati keadilan dalam mendapatkan pendidikan dalam negara kita. Tuan Yang di-Pertua, kalau kita menilai secara

objektif tentang peranan yayasan-yayasan ini dan juga mengaitkan nama-nama besar negara dalam biasiswa sebagai contoh, saya sendiri dahulu apabila belajar di tingkatan enam, pernah dapat dan menikmati biasiswa Dato' Onn walaupun jumlah yang kecil, tetapi cukup bermakna bagi seorang budak kampung bagi waktu itu. Adakah tradisi ini masih diteruskan dan kita mendapat melihat dalam satu dimensi yang lebih jauh tentang peluang anak-anak di pedalaman khususnya dapat menikmati kemudahan-kemudahan seperti ini.

Dengan kita mengambil contoh, jangan kita mengambil contoh pada negara yang lebih rendah daripada kita. Sering kali kita cuba membandingkan kita lebih baik. Memang kita lebih baik dari Bangladesh, memang kita lebih baik dari Republik Tonga, memang kita lebih baik dari Papua New Guinea tetapi apabila kita bercakap tentang prasarana kelas pertama, minda kelas pertama. Seharusnya kita melihat jauh ke hadapan. Melihat dan belajar negara-negara yang lebih maju dari kita bagaimana mereka membina, bagaimana mereka melahirkan generasi khususnya generasi muda yang berbekalkan kepada modal insan yang mereka telah berjaya. Sebagai contoh kita melihat bagaimana peranan syarikat-syarikat besar di Jepun dan Korea sebagai contoh.

Kalau kita dahulu pernah sedikit masa dahulu mengambil contoh negara ini sebagai dasar pandang ke Timur, ada kebaikannya. Saya berhujah sebagai contoh, *Toyota Foundation*, Yayasan Toyota. Mereka membelanjakan setiap tahun hampir USD1 bilion untuk kajian, untuk pendidikan dan bukan sekadar mereka berjaya memastikan rakyat Jepun mendapat pendidikan yang sempurna tetapi dengan duit yang begitu besar, mereka dapat menaja penyelidikan R&D di negara-negara dunia ketiga termasuk dalam negara kita Malaysia, *Toyota Foundation* pernah menaja beberapa R&D yang cukup bermakna bukan sekadar untuk negara kita, tetapi sebagai input kepada dasar luar mereka.

Ini sebagai contoh, *Hyundai Foundation* yang menjadikan Korea pada hari ini negara yang membangun dengan begitu mengagumkan juga melihat bagaimana peranan yayasan-yayasan ini melahirkan golongan korporat yang bertanggungjawab kepada negara semakin tinggi kedudukan mereka, semakin besar status mereka dalam masyarakat dan semakin besar syarikat mereka, kita melihat sumbangan yang mereka berikan terhadap bidang pendidikan ini sangat kagum untuk kita kaji untuk kita memperluaskannya dan mengambil pengalaman ini untuk kita menjadikan supaya sektor-sektor korporat dalam negara kita ini dapat mencipta nama sebagai mana *Toyota Foundation* dan juga *Hyundai Foundation*.

Kita tidak hendak sampai bila lagi kita akan melihat syarikat-syarikat milik kerajaan GLC ini dikaitkan sepanjang zaman dengan penyelewengan dikaitkan dengan salah guna kuasa MAS yang sepatutnya boleh untung berjuta ringgit sebahagiannya boleh dimanfaatkan untuk membantu yayasan. Sepatutnya MAS sudah ada yayasan, sepatutnya Telekom dah boleh ada yayasan yang besar untuk pendidikan. Sepatutnya Bank Negara boleh jadi satu badan yang lebih banyak lagi mengeluarkan biasiswa kepada anak-anak Malaysia ini, tetapi malangnya kita melihat yang ada pada hari ini masih lagi dilanda dengan krisis dan juga gagal untuk mencapai matlamat untuk memberikan suatu peluang pendidikan yang lebih adil dalam negara kita.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Puchong bangun Yang Berhormat.

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih Yang Berhormat bagi Kubang Kerian. Saya telah mendengar hujah-hujah Yang Berhormat, di dalam negara kita memang ada banyak yayasan yang ingin tolong pelajar-pelajar yang miskin yang memerlukannya. Dan tadi kita sudah dengar Yang Berhormat bagi Kota Melaka bahawa Yayasan Tunku Abdul Rahman ini telah memberikan jumlah wang kepada pelajar-pelajar lebih kurang RM800 ribu lebih tetapi kos pengurusannya pula melebihi RM900 ribu lebih. Hampir-hampir mencecah RM1 juta. Ini bermakna keberkesanan pengurusan yayasan adalah sangat penting.

Tadi Yang Berhormat kata, Yayasan Toyota, Hyundai semua ini, cara mereka mengurus memang cekap, berkesan. So apakah sebab-sebab yayasan kita, yayasan yang ada di dalam negara kita ini sentiasa mengalami satu kemelut, satu masalah yang sebegini.

Apakah pendapat Yang Berhormat? Bagaimana, apa cadangan Yang Berhormat untuk memperbaiki keadaan ini? Boleh saya dapat sedikit pandangan daripada Yang Berhormat?

**Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** Terima kasih soalan daripada Puchong. Satu soalan yang sangat baik dan cukup relevan. Tuan Yang di-Pertua, bila saya membaca sebuah buku yang bertajuk, "*How Chinese Managers Learn?*", bagaimana pengurusan Cina belajar daripada seorang penulis prolific yang terkenal di Asia Tenggara iaitu Ivy Bou. Di antara kajian yang dibuat adalah sama ada yayasan atas nama pendidikan atau atas nama sukan sebagai contoh, juga kita kagum dengan Korea dan Jepun sebagai contoh dalam bidang sukan. Bukan dalam bidang pendidikan sahaja, begitu cepat mereka menganjak paradigma mereka. Sukan hoki, bukan satu benda yang biasa di Jepun dan Korea, kita lebih terlonjok dalam tahun 70-an, Piala Sultan Azlan, India nombor satu, kita nombor dua. Pesta Bola Merdeka, Korea nombor satu, kita nombor dua. Kita johan, Korea naib Johan.

Akan tetapi, 30 tahun kemudian, Korea telah dapat tempat ketiga dalam World Cup sebagai contoh, begitu jauh meninggalkan negara kita. Itu adalah sebagai contoh yang saya nak sebut. Disebabkan oleh, kerana kajian oleh Ivy Bou tadi, dalam buku "*How Chinese Managers Learn?*" itu, adalah kerana mereka berjaya mengasingkan institusi sukan dan pendidikan daripada campur tangan politik yang keterlaluan, campur tangan politik yang melampau. Ini di antara kajian yang, *findings* yang dibuat oleh R&D mereka.

Jadi dengan sebab itu, apabila satu badan itu bebas, benar-benar bebas dalam erti kata mereka boleh memacu dan memandu misi dan visi mereka, maka dengan begitu cepat sekali mereka boleh mencapai objektif mereka. Ini adalah antara faktor-faktor yang saya dapat pelajari bagaimana *foundation* ini dapat dengan begitu cepat, mereka dapat mengadaptasi teknologi daripada luar dan mereka menyesuaikan dengan teknologi dalam negara mereka....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Hulu Langat.

**Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Kubang Kerian. Yang Berhormat, saya ingin mendapat penjelasan perkataan yayasan ini menggambarkan sebuah badan sukarela yang ditubuhkan bagi mengumpul dana dan kemudiannya membantu pihak-pihak tertentu dalam objektif tertentu untuk mencapai sesuatu kejayaan tetapi di negara kita, perkataan yayasan atau badan-badan yayasan ini ditubuhkan dalam banyak keadaan sama ada ditubuhkan di bawah Akta Syarikat, di bawah Akta Pertubuhan, dan melalui juga oleh Akta yang diluluskan oleh Parlimen ini.

Saya dapat melihat bahawa yayasan ini terlalu banyak seperti cendawan tumbuh. Ianya bukan sahaja ditubuhkan atas nama-nama besar, pemimpin-pemimpin agung negara malah juga oleh pemimpin-pemimpin yang tidak begitu besar dan tidak begitu agung. Dan ada kalanya penubuhan-penubuhan yayasan ini bertujuan untuk mendapat *political mileage*, kepentingan politik. Yang akhirnya, kemudiannya selepas mengutip wang, selepas mendapat mengisi tabung, dana dan masing-masing. Ada yayasan-yayasan ini kemudiannya menyalah gunakan tabung-tabung tersebut.

Saya ingin mendapat pandangan daripada Yang Berhormat, bagaimanakah kaedah yang boleh digunakan bagi memastikan yayasan yang nama begitu indah, tujuan begitu baik ini dapat dilaksanakan dengan cara yang terbaik untuk kepentingan dan kebajikan semua manusia sejagat di negara. Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau ikut soalan itu, saya mungkin bertaraf Menteri nak menjawab itu tetapi di antara saya rasa, saya boleh berikan pandangan untuk kita kongsi bersama adalah tentang bagaimana dalam kita membicarakan tentang TQM, *Total Quality Management* ini, ada satu istilah yang dipakai tentang kita harus fokus terhadap apa yang menjadi objektif ataupun matlamat kita. Jadi pada saya, sebab itu saya mengatakan tadi bahawa kejayaan negara maju adalah kerana mereka diberikan kebebasan, bukan kebebasan mutlak, bukan kita menafikan perlu ada kebersamaan kerajaan dalam mana-mana sektor dalam masyarakat, sama ada kerajaan ataupun korporat, tetapi jangan ada campur tangan yang melampau dan apatah

lagi kalau berlakunya penyelewengan dalam banyak yayasan-yayasan dalam negara kita ini yang menyebabkan kita tidak boleh mencapai apa yang boleh kita maksudkan.

Jadi dengan itu saya merasa yakin dan percaya bahawa apa yang boleh kita pelajari daripada negara-negara maju ini adalah kerana mereka memberikan fokus mereka terhadap apa yang nak mereka buat. Kalau mereka mahukan yayasan ini benar-benar untuk memajukan anak bangsa mereka dalam bidang pendidikan, ataupun dalam bidang sukan ataupun perubatan, mereka memastikan bahawa perjalanannya diaudit dengan telus oleh mana-mana pihak yang bertanggungjawab. Jadi yang selebihnya saya mengharapkan pihak Kementerian boleh menjawab yang lebih baik daripada saya tentang persoalan yang diajukan oleh sahabat saya dari Hulu Langat tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya sambung sedikit lagi bahawa, disebut oleh rakan-rakan saya tadi bahawa sangat serius kalau betul berlakunya tentang bagaimana yayasan ini hanya memfokuskan, hanya kepada pelajar-pelajar dalam bidang teknikal sahaja, dalam bidang-bidang yang kritikal sahaja dan mengabaikan kepada suatu sektor yang lain iaitu dalam bidang sastera yang melibatkan juga kajian-kajian ataupun bidang-bidang agama, sosiologi, kaunseling dan seumpamanya. Suka saya mengingatkan Tuan Yang di-Pertua bahawa apabila kita bercakap tentang masa depan negara, ia memerlukan satu bentuk modal insan yang kita mengharapkan bahawa jangan kita lupa bahawa nilai yang mesti ada pada manusia itu adalah apabila dia berpegang kepada nilai hidup yang baik. Kalau pelajar Islam ataupun belia Islam, dia berpegang teguh dengan nilai akhlak dan ajaran Islam.

Begitu juga pada bangsa-bangsa yang lain, agama-agama yang lain sejauh mana dia berpegang dengan ajaran murni yang diajar oleh agama mereka dan nilai dalam budaya mereka. Sebab itulah kalau kita melihat bahawa, kalau kita mengkaji bagaimana kecemerlangan China dan Jepun pada hari ini adalah kerana bagaimana mereka berjaya untuk mengambil apa juga daripada luar, teknologi tinggi, mereka menterjemah semua ilmu dalam bahasa mereka. Dan kejayaan itu mereka cipta dalam acuan mereka, ini yang sangat perlu kita pelajari. Jangan kita ambil semua, masuk semua dalam negara kita dan kita hilang identiti, kita hilang, kita menjadi bangsa Malaysia yang rapuh, yang *fragile*, yang kita boleh larut dalam budaya orang lain.

Kita tidak mahu melihat tingginya bangunan KLCC, hebatnya KLIA, tingginya Menara Kuala Lumpur tetapi di bawahnya adalah anak-anak muda yang rapuh. Kita mahu melihat sistem jalan raya yang hebat, LRT yang hebat tetapi di dalamnya adalah anak-anak muda yang sangat dipertikaikan akhlaknya. Adakah kita mahu bangsa Malaysia yang seperti itu?

Jadi saya mengharapkan mana-mana yayasan yang ditubuhkan dalam negara kita dalam memberikan biasiswa ataupun pinjaman kepada pelajar-pelajar jangan melupakan aspek dalam bidang sastera, agama, sosiologi, kaunseling kerana saya cukup ingat dalam satu diskusi yang saya hadiri di UPM beberapa tahun yang lalu bahawa seorang Profesor Madya dalam bidang kaunseling mengatakan dan yang menggalakkan masa depan negara hari ini sangat cemas apabila kadar bilangan jenayah, belia-belia yang terlibat dengan jenayah jika dibandingkan dengan bilangan kaunselor yang tidak cukup. Golongan pakar-pakar motivasi yang tidak cukup.

Jadi ini satu perkara yang mesti kita renung dengan baik, dengan bijak supaya kita akan memastikan negara kita pada masa akan datang akan dapat melahirkan modal insan sebagaimana yang kita harapkan.

Saya suka mengungkapkan satu kata-kata yang sangat bermakna. Ramai daripada kita yang pandai melahirkan ataupun memperanakan manusia yang berbangsa tetapi kita gagal membina manusia tersebut untuk menjadi bangsa yang bangga dengan bangsanya. Baik, bagus, berbudi, berkualiti dengan nilai-nilai ilmu, budi dan seterusnya berbakti kepada agama, bangsa dan tanah airnya. Ini sangat penting. Orang Melayu mungkin boleh melahirkan jutaan lagi bangsa Melayu, orang Cina boleh melahirkan jutaan lagi bangsa Cina, orang India dan kaum-kaum yang lain, kita boleh melahirkan sebanyak mungkin bangsa.

Akan tetapi, adakah yang kita perhatikan bangsa yang kita lahirkan itu adalah bangsa yang ingat kepada bangsanya, kepada agamanya, berpegang teguh kepada nilai-

nilai budi dan budaya pada bangsa itu. Ini yang seharusnya kita perhatikan. Apabila kerajaan khususnya Kementerian Pengajian Tinggi antara kementerian yang akan berperanan melahirkan modal insan ini tidak memandang remeh tentang aliran sastera, aliran agama dan tidak memberikan biasiswa kepada anak-anak kita untuk mempelajari agama, maka saya bimbang bahawa negara akan lahir sebagai negara yang pincang pada masa yang akan datang. Ini sektor yang sangat penting yang saya rasa yang boleh kita perhatikan. Kita tidak mahu ada ramai korporat tetapi khianat kepada bangsa sendiri. Saya tidak mahu ada menteri yang ada pada hari ini yang tidak boleh berfikir sehingga melahirkan satu kenyataan bahawa boleh dibuka....

**Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Penjelasan.

**Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** ...Disko, boleh dibuka kelab malam sampai ke subuh...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Tuaran.

**Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Penjelasan.

**Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** Jadi saya rasa ini satu perkara yang sangat perlu untuk kita berikan perhatian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Tuaran, sila.

**Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Yang Berhormat menceritakan pentingnya pendidikan agama untuk melahirkan manusia yang berakhlak. Jadi, saya mohon penjelasan adakah Yang Berhormat merujuk kepada semua agama atau hanya satu agama atau macam mana? Dan kalau semua agama adakah Yang Berhormat bersetuju kalau semua agama ini diajar di semua sekolah dalam sistem pelajaran kita. Terima kasih. Mohon penjelasan.

**Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Tuaran. Dalam menjawab aspek itu saya tidak menafikan bahawa betapa pentingnya kita menanam ataupun untuk kita memberikan suatu penekanan terhadap betapa pentingnya agama dalam setiap aspek kehidupan kita dan dalam bidang pendidikan saya melihat bahawa perkara ini semakin diabaikan dan hanya kita melihat pelajaran agama ini khususnya agama Islam diajar dalam bentuk serpihan semata-mata dan tidak menekankan kepada satu konsep pembelajaran agama yang melahirkan kepada satu pendidikan yang boleh melahirkan modal insan.

Jadi untuk menjawab persoalan daripada Yang Berhormat bagi Tuaran, itu terpolung kepada kebijaksanaan Kementerian Pelajaran untuk melihat bagaimana pengajaran agama ini boleh menjadi satu perkara satu elemen terpenting dalam mengembalikan belia dan pelajar-pelajar kita ke arah menghayati kehidupan yang lebih baik...

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** *[Bangun]*

**Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** Sebab kalau kita melihat kepada....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Kubang Kerian. Saya berhajat bukan untuk menambah tetapi untuk memperjelaskan lagi tentang bagaimana kita boleh menjadikan pendidikan sastera dan pendidikan sains itu sebagai suatu yang lebih luas terbuka bukan sahaja kita menganggap bahawa pengajian sastera tadi yang mana pengetahuan agama tadi dimasukkan di dalam aliran itu tetapi juga mungkin kalau Yang Berhormat bagi Kubang Kerian boleh bersetuju dengan saya, jika mata pelajaran teknologi ataupun sains ini juga diberikan satu pendekatan dan cara pengajaran yang lebih bermakna dan bernilai. Sebagai

contoh bagaimana kita boleh melihat di dalam tajuk *calculus* ataupun *differential equation* umpamanya Tuan Yang di-Pertua, apabila *Laplace transform* boleh menjadikan *displacement domain* itu kepada *time domain* dan sebaliknya. Kalau kita lebih jelas lagi bahawa dalam konteks ini kita boleh meletakkan akidah ataupun kepercayaan seorang pelajar itu lebih tinggi terhadap kewujudan tuhan umpamanya. Tuhan adalah *independent of time*. Maksudnya tuhan tidak tertakluk di bawah masa.

Jadi dalam mata pelajaran *differential equation* umpamanya *Laplace transform* ini, kalau kita faham benar-benar dari segi teori matematik dan pengiraannya kita boleh menguatkan lagi keyakinan kita kepada keesaan tuhan umpamanya. Dan begitu juga *the theory of unity*. Bagaimana mata pelajaran sains dan matematik ini boleh mengukuhkan lagi kepercayaan seseorang itu kepada keesaan tuhan dan sebagainya. Jadi mungkin kaedah pengajaran ini perlu diberikan kepada guru-guru umpamanya mata pelajaran biologi, *chemistry* dan sebagainya. Dan sains itu adalah sebenarnya...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ini penjelasan atau berucap?

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** ...Dan sains itu sebenarnya adalah kehidupan pemerhatian kepada kehidupan. Setiap pergerakan ataupun ada tindak balasnya dan sebagainya. Jadi ini yang kita perlu berikan kepada guru-guru yang mendidik anak-anak ini umpamanya. Apa pendapat Yang Berhormat bagi Kubang Kerian? Ha, itu soalnya Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

**Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Saya percaya bahawa semakin tinggi manusia itu dianugerahkan tuhan dengan akal fikiran menjadi seorang manusia yang berguna semakin dekat dia dengan tuhan.

Kalau saya mengambil contoh sarjana Islam mungkin saya *bias* tapi saya hendak ambil Albert Einstein yang popular dengan teori graviti. Dia seorang bukan Islam tetapi semasa beliau hendak mati beliau mengakui bahawa beliau mengeluarkan satu perkataan ataupun satu istilah yang sangat popular sampai pada hari ini yang mengatakan bahawa, "*science without religion is slim*".

Kemudian beliau mengatakan, "*religion without science is blind*". Ini pada saya akhirnya, *at the end of the day* di atas kajian yang beliau buat beliau mengakui bahawa semakin tinggi kita mengkaji semakin tinggi kita menyelami tentang keajaiban cakerawala ataupun dalam bidang yang kecil seperti bioteknologi manusia itu semakin tahu dan semakin ingin tahu siapakah pencipta sebenarnya kepada segala keajaiban yang terdapat di dalam sains dan teknologi itu. Jadi terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Tangga Batu kerana mengingatkan saya kembali tentang teori ini dan ada kesannya dan relevannya terhadap apa Yang Berhormat bagi Tangga Batu sebutkan sebentar tadi.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjelaskan sebagai akhirnya bagaimana saya mengharapkan penjelasan ini supaya pada masa akan datang dapat berperanan di dalam kita memacu tentang bagaimana anak-anak bangsa kita yang mesti mendapat pendidikan dalam negara kita dan saya bersetuju dengan kawan-kawan yang lain tadi bahawa tidak ada sebab Malaysia yang tahun lepas sahaja mendapat peruntukan RM30 bilion daripada Petronas ini tidak ada sebab untuk mana-mana kaum mana-mana bangsa Sabah dan Sarawak di hutan rimba mana pun anak-anak bangsa kita yang tidak dapat untuk sampai ke universiti dalam negara dan luar negara kerana mereka adalah rakyat Malaysia yang sepatutnya mendapat pendidikan dalam negara kita.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang Dipertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

**5.10 ptg.**

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin turut mengambil kesempatan untuk membahaskan dalam Rang Undang-undang iaitu berhubung dengan Akta pindaan. Cuma sebetulnya Akta ini, seperti juga teori, cuma perpindahan daripada Menteri Pendidikan kepada Menteri Pendidikan Tinggi dan apa

juga perubahan kita lihat kalau tidak ada satu *total post* yang hendak dilaksanakan maka tidak akan kita melahirkan sesuatu yang diinginkan. Justeru itu hari ini saya meminta Setiausaha Parlimen membawa perkara ini kepada pengetahuan menteri kita. Supaya bagaimana melihat pakej pendidikan yang ditawarkan di negara kita ini dapat diterima pakai bukan sahaja oleh rakyat Malaysia, tetapi juga mungkin masyarakat-masyarakat yang luar yang ingin datang melabur dalam pendidikan di negara kita.

Saya ingin melihat perkara ini sebagai perkara sebagai secara keseluruhan, iaitu memang jelas di negara kita ini terlalu banyak yayasan, terlalu banyak tabung yang ditawarkan semata-mata memberi kemudahan kepada para peminjam, para pelajar dan juga kepada mereka pelajar-pelajar yang dikategorikan pintar, yang terpilih dan mereka diberi biasiswa...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat termasuk tabung Kinabatangan ada ya?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Termasuk. Persoalan yang kita hadapi sejauh mana yayasan ini berfungsi secara menyeluruh. Sejauh mana tabung-tabung ini berkesan secara lebih berkesan sebab kalau kita lihat berkesan bagaimana dalam sebuah negara, apabila kita melahirkan graduan-graduan, mereka keluar daripada IPT/IPTS, mereka menganggur. Daripada 20,000 dianggarkan pergi 80,000 graduan-graduan menganggur. Ini belum dikira lagi pelajar-pelajar STPM, SPM kalau dikira mungkin 300,000 jadi apakah matlamat pendidikan tinggi kita, kenapa tidak melihat bahawa graduan-graduan yang diberi biasiswa ini sekurang-kurangnya mereka ada harapan untuk mendapat pekerjaan tetapi harapan tinggal harapan, mereka keluar jadi penganggur di kawasan kecil di daerah saya di pedalaman Kinabatangan, walaupun kecil saya ada 70 orang graduan menganggur dan saya berbicara soal pendidikan hanya satu-satunya cara boleh meleraikan masalah kemiskinan. Dia kata "Datuk, saya punya anak sudah pergi IPT, tidak juga dapat kerja, bagaimana kami ada harapan"....., Yang Berhormat bagi Jerai.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Saya yang itu pun saya risau, tetapi yang saya lebih risau apabila *intake* baru ini Tuan Yang di-Pertua, 72% Universiti Utara Malaysia adalah daripada wanita, yang perempuan. Tinggal 28% lelaki-lelaki, 8% lembut, jadi 20% sahaja lelaki. Jadi apakah, saya hendak tahu sikit macam mana boleh jadi, mana pergi kaum lelaki kita ini. Seheinggakan boleh kata bukan Universiti Utara sahaja, keseluruhan universiti dalam negara kita hari ini, saya risau dan takut, saya bimbang. Jadi macam mana pandangan Yang Berhormat bagi Kinabatangan untuk mengatasi supaya sekurang-kurangnya 50-50 pun tidak apalah. Ya, kita takut juga suatu hari nanti Parlimen ini ramai lagi wanita daripada lelaki pun susah juga.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Jerai itu tidak termasuk wang yayasan.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]:** Yayasanlah ini, fasal dia orang masuk universiti ambil biasiswa, ambil daripada tabung, ambil daripada yayasan. Dan kita faham wanita memainkan peranan yang cukup baik hari ini, tidak dinafikan kita ada jawatan-jawatan besar dipegang oleh wanita dan mereka lebih tegas dan lebih *strict*, lebih apa? Ha, ikut peraturan, kalau Kastam, kalau saya ingat kalau Kastam masuk tengok barang, kalau Kastam wanita dia *check* 100%, yang lelaki dia agak jelah orang lelaki ini, kita lemah-lembut kita hormat, wanita dia *strict*.

Itu Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam *strict* tidak tentu fasal. Sampai apa kita cakup pun tidak boleh. Jadi macam mana kita hendak mengatasi ini, Yang Berhormat bersetuju dengan saya supaya kita di mana kelemahan-kelemahan, adakah kerana biasiswa tidak dapat, kerana yayasan tidak boleh bagi pinjaman atau pun macam mana? Pandangan Yang Berhormat bagi Kinabatangan tentang isu wanita lebih daripada lelaki di pusat-pusat pengajian tinggi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Jawapan memang tidak saya boleh saya beri dengan jelas, sebab itu cuma menteri atau Setiausaha Parlimen yang boleh menjelaskan. Walau bagaimanapun pandangan saya, mungkin secara kebetulan, yang

selebihnya, lelaki budak zaman sekarang ini, terlalu nakal sebab dulu kita cuma ada tiga pusat serenti, sekarang kita berlambak pusat serenti, dan yang pergi pusat serenti ini perempuan tidak ada, semua remaja lelaki. Inilah masalah dia, sekurang-kurangnya ada pengawasan, ada *one-stop-center* di negara kita, di kalangan pendidikan tinggi, di kalangan hal ehwal yang menjaga dadah dan sebagainya perlu diselaraskan.

Bagaimana penyaluran tabung-tabung bantuan ini, contoh dia PTPTN, bagaimana pelajar hendak bayar balik kalau mereka sehingga hari ini tidak ada pekerjaan dan yang ruginya pelajar-pelajar yang baru sebab mereka tidak boleh meminjam, sebab dana yang sedia ada sudah kering. Tidak pandai menyubur, tidak pandai menambah, sebab yang dihasilkan pelajar-pelajar keluar IPTA/IPTS ini walaupun dia ada *bankers*, ada akauntan, ada *civil engineer*, ada sebagainya ada tetapi ruang lingkup pekerjaan itu tidak ada. Di sinilah masalahnya kerajaan kena melihat...

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** [Bangun]

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ya Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Ini saya tanya soalan, saya tidak berucap. Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada isu pelajar wanita yang ramai ini, adakah Yang Berhormat bagi Kinabatangan boleh bersetuju dengan saya, bahawa hari ini Kementerian Pendidikan Tinggi telah menyediakan terlalu banyak ruang, seperti cendawan tumbuh, terdapatnya institusi-institusi pengajian tinggi yang beri pengkhususan kepada aspek kemahiran, umpamanya di Dengkil, kita ada satu institut pengajian tinggi yang mengkhususkan pelajar-pelajar yang hendak jadi *pilot* dan yang berkaitan dengan pengangkutan udara, kapal terbang dan sebagainya.

Jadi yang lelaki semua sudah ke arah itu, tinggal yang perempuan sahaja yang masuk IPTA-IPTA yang umum ini. Setuju tidak Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Terima kasih.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ya, mungkin salah satu faktor menyumbang ke arah bagaimana dilihat statistik bahawa pelajar-pelajar wanita melebihi daripada pelajar-pelajar kaum lelaki. Dan mungkin itu salah satu, banyak lagi faktor-faktor yang lain yang mendorong ke arah, sebab biasanya wanita ini, apabila diberi kepercayaan mereka berpegang kepada amanah. Memang bukan semua ada juga yang wanita-wanita jadi pelesiran, jadi kutu rayau di bandar raya dan sebagainya tetapi yang jelas, majoriti di kalangan kaum wanita ini, pelajar-pelajar wanita ini, mereka memang memberi kepercayaan itu kepada keluarga mereka.

Justeru itu mereka memonopoli dalam sektor-sektor yang kaum lelaki tidak berminat. Inilah antara lain rasa saya menyumbang ke arah bagaimana, tetapi pada saya itu bukan satu masalah, walaupun dia wanita kalau dia boleh melahirkan sesuatu yang boleh dimanfaatkan oleh negara, tidak salah. Biarlah suku kaum apa sekali pun, asalkan mereka berpandangan jauh, mereka sensitif bagaimana melihat masyarakat kita memerlukan sumbangan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya kembali kepada soal pokok, bagaimana kalau boleh kementerian dan juga kerajaan, membuka secara menyeluruh ke arah melihat agar mana-mana mengenal pasti juga syarikat-syarikat swasta yang telah mengaut keuntungan dalam industri perniagaan dalam negara kita, mereka juga dimestikan untuk menaja pelajar-pelajar di kawasan masing-masing. Contoh dia di kawasan saya, di Kinabatangan, banyak syarikat-syarikat yang bergiat dalam industri kelapa sawit. Ada yang memiliki tanah 70,000 hektar, ada 30,000 hektar, ada 50,000 hektar, tetapi dalam soal-soal sosial mereka melenyapkan diri, apalagi memberi biasiswa.

Dan saya telah mencadangkan kepada Pejabat Daerah supaya mengeluarkan surat, setiap syarikat ini menaja sekurang-kurangnya tiga hingga lima orang pelajar daripada Kinabatangan untuk melanjutkan pelajaran ke IPTA dan IPTS tetapi jawapannya sejuk, sebab tidak ada akta yang boleh meminta mereka melaksanakan sosial obligasi yang kita harap-harapkan.

Jadi kementerian ini harus bijak. Kenapa tidak mengangkat perkara ini? Kenapa dibiarkan? Ini bukan untuk kepentingan saya atau kepentingan siapa-siapa. Bapa menteri dia kena berfikir secara bagaimana menambah tabungan yang selebihnya. Jadi kena ada, minta mereka, mengangkat mereka sebagai bapa angkat di kawasan tersebut dan boleh menambahkan lagi, menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi tetapi kalau tidak dilaksanakan, akhirnya apa juga tabungan yang kita ada dengan kerajaan tidak ada tindakan susulan melihat bagaimana memberi ruang pekerjaan kepada graduan-graduan kita, maka kita akan menghadapi situasi ini tanpa ada henti-hentinya dan kita tidak tahu bila berhenti.

Ada cerita, ini cerita benar. Mungkin saya sudah cerita iaitu berlaku di negara *South Africa*. Apabila graduan-graduan, pelajar-pelajar pintar keluar daripada universiti, mereka tidak ada pekerjaan dan akhirnya mereka mewujudkan satu kelab iaitu "*Gangster Club*". Mereka latih pelajar-pelajar mereka merompak, mencuri, menyamun dan sebagainya dan mereka ini terdiri daripada kalangan pelajar-pelajar pintar dan sukar untuk polis membanteras mereka sebab polis terdiri daripada mereka yang tidak pintar, daripada Darjah 6, daripada Tingkatan 3 dan sebagainya.

Sehingga hari ini wujud persatuan tersebut sehingga pada hari ini mereka mohon dominasi, mereka menjadi perompak profesional, tidak dapat ditangkap. Bayangkan kalau ini berlaku dalam negara kita, mungkin negara kita akan menuju kehancuran tetapi belia kita pula berlainan. Apabila mereka tiada pekerjaan, mereka menuju ke arah satu destinasi iaitu menagih dadah. Ha, ini! Sebab itu pusat serenti kita seperti saya katakan tadi, daripada 3 jadi 30 lebih. Mungkin 2010 jadi 200. Ha, itu graduan-graduan universiti kita. Itu universiti mereka. Mereka mungkin sudah bosan belajar, mereka belajar jalan yang salah. Siapa yang harus kita salahkan?

Dalam persoalan yang sebegini kerajaan harus ada *one stop center* seperti yang saya cadangkan tadi, memikir ke arah mana pelajar-pelajar penganggur ini kita tempatkan sama ada ruang berniaga dan sebagainya. Kerajaan harus melihat yang mereka menduduki mungkin akademik perniagaan. Kenapa tidak bantu mereka jadi usahawan yang berjaya?

Baru-baru ini Kelab BNBBBC menganjurkan kerjasama program realiti TV iaitu Usahawan Pintar. Jadi harap-harap program ini akan dapat melahirkan usahawan-usahawan yang pintar terdiri daripada graduan-graduan yang menganggur sebab kita bantu mereka. Mereka ini bijaksana dalam ilmu perniagaan tetapi mereka tidak boleh maju. Kenapa mereka tidak boleh maju? Mungkin pertama tidak ada peluang. Mungkin kedua mereka tidak ada bimbingan. Mungkin ketiga mereka rasa tidak ada jalan bagi mereka untuk menembusi kesulitan-kesulitan hidup dalam kota raya seumpama ini.

Jadi ini harus difikirkan. Memang sukar tetapi ahli-ahli fikir dalam kerajaan harus memberi sumbangan idea-idea yang boleh mengangkat darjat martabat, pertama, tabungan pendidikan kita sentiasa berfungsi, sentiasa subur, segar dan bugar sehingga tidak ada lagi pelajar mengadu bahawa mereka tidak dapat biasiswa dan kena dilihat juga pelajar-pelajar luar bandar. Jangan fokus dalam satu daerah sahaja, satu kawasan. Kalau difokus satu tempat sahaja, maka bagaimana dengan bangsa-bangsa yang lain?

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat bagi Puchong.

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Saya keliru sedikit daripada penjelasan yang dibuat oleh Yang Berhormat. Mula-mula kata kewangan tidak cukup daripada yayasan daripada kawasan, maka ramai tidak ada peluang untuk belajar dan selepas itu Yang Berhormat kata lepas keluar dari universiti atau IPTA tidak ada kerja dan terlalu banyak yayasan. So apakah sebenarnya cadangan ataupun penjelasan Yang Berhormat mengenai perbincangan *bill* ini kepada Kementerian Pengajian Tinggi? Itu satu penjelasan yang saya hendak daripada Yang Berhormat.

Yang kedua mengenai tadi saya dengar Yang Berhormat kata bahawa di kawasan Yang Berhormat hendak mengajar itu pihak swasta untuk menghantar pelajar-pelajar dari kawasan Yang Berhormat untuk ke IPTA tetapi tidak mampu. Boleh saya cadangkan kepada Yang Berhormat bahawa kalau kita tubuh satu yayasan dan tolong mereka untuk mendapatkan satu pengecualian daripada *tax* ataupun cukai daripada Kementerian Kewangan, maka mungkin mereka ini dapat lebih galakan daripada pengecualian dari *tax* itu ataupun cukai itu, mungkin mereka sanggup untuk menaja pelajar-pelajar daripada kawasan Yang Berhormat ke IPTA ataupun pihak IPTS. Apakah penjelasan daripada Yang Berhormat?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Pertama saya minta Yang Berhormat jangan keliru. Saya telah menjelaskan bahawa memang realitinya banyak penganggur dan mereka tidak boleh membayar pinjaman kepada tabung-tabung yang telah membiayai mereka. Justeru itu dana yang sedia ada itu mengecut ataupun tidak berkembang. Hasrat kerajaan untuk memberi pinjaman kepada pelajar-pelajar yang baru terbantut sebab ekor dari situasi yang berlaku ini.

Yang kedua memang inilah kalau boleh saya meminta kepada kementerian menggunakan kepintaran yang sedia ada. Kita ini dalam hidup berpolitik ini, kuasa! Kalau kita berkuasa, kita kata kita tidak ada kuasa dan selepas kita hilang kuasa baru kita mencari kuasa, itu bahaya. Dalam Bahasa Inggerisnya, "*When you end powerful, you are not use your power, you are bloody fool*", dia kata.... [Ketawa] Jadi gunalah kuasa! Kenapa tidak guna kuasa yang ada? Kalau sudah ini pun tidak boleh diurus, saya bimbang kita akan ditentang oleh rakyat. Kalau ini pun kita tidak boleh atur, bahaya.

Menteri-menteri semua tolonglah, kita berbincang melihat bagaimana masalah yang kita hadapi ini sebab mereka ini saudara kita, anak bangsa kita. Mereka menjadi penagih dadah, mereka jadi perompak, penyamun dan perogol sebab tidak ada tempat untuk mereka. Selepas belajar bertahun-tahun mereka tidak ada harapan, *hopeless!* Akhirnya mereka *desperado*. Apabila *desperado*, mereka menggunakan *jungle law*, undang-undang dalam tangan mereka.

Akhirnya kerajaan hilang kawalan, kita pun hilang sentuhan, kita pun menjadi dilema dalam bagaimana mengurus akta demi akta kita tukar dan kita ubah, kita gubal. Akta ini tidak ada manfaatnya kalau kita memperluaskan..

**Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat bagi Batu Pahat bangun, Yang Berhormat.

**Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]:** Yang Berhormat, terima kasih. Nampak Yang Berhormat bercakap bergegar-gegar, Yang Berhormat, syabas, tetapi saya hendak tanya Yang Berhormatlah berkenaan dengan rang undang-undang ini, adakah Yang Berhormat setuju kita hendak pinda daripada Kementerian Pengajian kepada Kementerian Pengajian Tinggi? Itu sahaja.... [Ketawa]

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Sebab itu saya kata tadi apa pun perubahannya kalau mentaliti pelaksanaannya tidak berubah, pindaan ini tidak ada makna. Yang penting bagaimana pindaan itu dilaksanakan. Bagaimana penggubal-penggubal itu memikir ke arah menjurus bahawa apa pun akta kita pakai kalau kita tidak bergerak, kalau kita tidak gunakan kuasa yang ada pada kita untuk menggerakkan kekuasaan ini, maka akta ini tidak akan ada gunanya.

Cuma mungkin dari segi undang-undang kena dilegasikan. Kalau bukan kerana undang-undang, tidak perlu ada perubahan sebab cuma berlain orang. Cuma posisi dahulu dan sekarang pun lebih kurang juga tetapi di mana pun kita duduk, kalau kita menyatakan kita tidak ada kuasa, itu masalah.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, mintalah menteri-menteri yang ada kuasa jangan cakap tidak ada kuasa nanti Tuhan cabut kuasa.

Saya menyokong, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat bagi Pasir Mas.

**5.29 ptg.**

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** *Assalamualaikum warahmatullah.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga turut serta untuk bincang bersama tentang Rang Undang-undang Kumpulan Wang Yayasan Tunku Abdul Rahman....

**Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya.

**Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Saya bersetuju dengan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat boleh sambung besok.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Ya, boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Kita ada usul.

### USUL

#### **MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 16(3)**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan;

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3), mesyuarat ini ditangguhkan sekarang”

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Robert Lau Hoi Chew]:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

### UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

#### **KADAR PERTUMBUHAN LUAR BIASA PENDUDUK SABAH**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Tuaran, sila.

**5.30 ptg.**

**Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Minta kerajaan supaya membuat penyiasatan khas mengapa kadar pertumbuhan penduduk Sabah yang luar biasa.

Tuan Yang di-Pertua, dokumen Rancangan Malaysia Kelima melaporkan bahawa penduduk Malaysia bertambah pada kadar 2.6 peratus setahun daripada 13.9 juta pada tahun 1980 kepada 15.8 juta pada tahun 1985. Kadar pertumbuhan adalah paling rendah di Semenanjung Malaysia iaitu 2.5 peratus, 2.7 peratus di Sarawak dan yang paling tinggi di Sabah iaitu 3.9 peratus. Kadar pertumbuhan yang berbeza ini disebabkan sebahagiannya oleh perbezaan dalam peringkat kesuburan. Kadar kesuburan adalah paling rendah di Semenanjung Malaysia dan paling tinggi di Sabah.

Kadar pertumbuhan yang tinggi di Sabah adalah juga disebabkan oleh penghijrahan antarabangsa berikutan daripada terdapatnya peluang-peluang ekonomi negeri tersebut. Faktor ini menyebabkan taburan geografi penduduk berubah.

Tetapi Tuan Yang di-Pertua, menurut banci penduduk pada tahun 1970, penduduk bagi negeri Sarawak mempunyai 300 ribu orang lebih banyak daripada penduduk Sabah. Di negeri Sarawak pada ketika itu penduduknya ialah 976,269 orang manakala penduduk Sabah pada ketika itu ialah 636,431 orang. Dalam banci penduduk tahun 1980, penduduk Sabah meningkat kepada 929,299 orang manakala di Sarawak ketika itu sedang mencapai 1,235,553 orang. Kemudian dalam bancian tahunan 1990, tiba-tiba penduduk Sabah melonjak pada 1,734,685 orang dan melintasi jumlah penduduk Sarawak dengan 111,914 orang.

Jumlah penduduk Sarawak pada ketika itu ialah 1,662,771 orang dan dalam banci penduduk tahun 2000, penduduk Sabah telah melonjak kepada 2,499,389 orang manakala di Sarawak hanyalah 2,12,619 orang. Ini bererti penduduk Sabah sudah 487,770 orang lebih banyak berbanding dengan Sarawak.

Perangkaan penduduk Sabah dan Sarawak untuk tahun 2005 iaitu tahun lepas menunjukkan penduduknya sudah mencecah 3,313,000 manakala di negeri Sarawak baru 2,340,000 orang. Ini bererti bahawa penduduk Sabah sudah 1 juta orang lebih berbanding dengan penduduk di Sarawak.

Daripada angka yang diberi pada tahun 1970 sehingga 2005, pertumbuhan penduduk berlipat ganda hampir 500 peratus dan mungkin kadar kenaikan penduduk ini adalah antara penduduk yang tertinggi sekali di dunia.

Persoalannya yang ditanya oleh rakyat jelata ialah, adakah ini satu angka pertumbuhan yang munasabah? Apakah kerajaan ikhlas apabila menyatakan bahawa kadar pertumbuhan ini adalah disebabkan oleh kadar kelahiran yang tinggi. Rakyat di Sabah berkata ini adalah mustahil sama sekali, malah ini adalah satu penghinaan pada pemikiran rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi setelah kita mendengar kenyataan bersumpah daripada Encik Hasnar Ibrahim dalam kes petisyen Pilihan Raya Likas tahun 1999, jelas menunjukkan bahawa pertumbuhan penduduk di Sabah yang luar biasa itu adalah hasil daripada satu *grand design* untuk memanipulasikan komposisi penduduk Sabah. Mereka yang terlibat ini seolah-olah kebal dari segi undang-undang. Hanya beberapa orang yang ditahan di bawah ISA. Yang lain-lain yang berkuasa tidak mengambil apa-apa tindakan undang-undang terhadap mereka.

Apa yang jelas ialah rakyat telah mempersoalkannya niat kerajaan dan kaum bumiputera asal Sabah amat tidak berpuas hati dan keadaan yang wujud sekarang. Kadar pertumbuhan penduduk Sabah yang luar biasa dengan sendirinya menjadi bahan bukti bahawa penduduk asing di Sabah yang telah diberi kewarganegaraan mengikut pintu belakang secara tersusun dan terancang oleh pihak tertentu dan oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua, *there is no amount effort to enhance nation integrity*, dengan izin, boleh membantu dan menambah baik integriti nasional negara kita ini selagi soal pemberian kewarganegaraan kepada pendatang asing di Sabah yang telah diberikan tanpa menghiraukan tuntutan undang-undang ini tetapi apakah keadaan ini dapat terus dipertahankan apabila penduduk baru ini diberi layanan yang agak istimewa berbanding dengan penduduk asal di negeri Sabah. Ini amat tidak memuaskan hati ialah apabila *the newly manufactured citizens* dengan izin, diberi status bumiputera dengan begitu sahaja. *Refugees yesterday, bumiputeras today.*

Tuan Yang di-Pertua, pertumbuhan penduduk yang luar biasa di Sabah ini amat membimbangkan kerana begitu ramai orang asing telah mendapat kewarganegaraan yang tidak mengikut peraturan undang-undang. Rukun Negara telah diwujudkan selepas peristiwa 13 Mei, dan prinsip-prinsipnya adalah amat penting dalam pembinaan negara bangsa Malaysia yang bersatu padu. Di antara prinsip-prinsip Rukun Negara yang amat penting ialah kedaulatan undang-undang dan keluhuran Perlembagaan. Dalam konteks ini pengakuan yang dibuat oleh Encik Hasnar Ibrahim itu perlu disiasat oleh Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen bagi integriti yang berjalan sekarang. Beliau harus dipanggil untuk

memberi keterangan dan saya mencadangkan supaya Dewan yang mulia ini menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja untuk menyiasat pertumbuhan penduduk Sabah yang luar biasa itu.

Sekian dan terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Kementerian menjawab. Ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**5.36 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri [Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Tuaran yang sentiasa mengambil berat mengenai pertambahan penduduk di negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa masalah yang dibangkitkan ini juga turut dibangkitkan pada setiap kali sidang Parlimen sebelum ini dan pihak kementerian telah menjawab hampir semua persoalan yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat. Pada kali ini selain daripada menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, saya juga akan memberikan penjelasan berhubung perbezaan maklumat penduduk yang berasaskan kepada Jabatan Perangkaan dan Rekod yang terdapat di Jabatan Pendaftaran Negara serta undang-undang kewarganegaraan yang membolehkan orang-orang di Sabah menjadi warga negara semasa penubuhan Malaysia dan sebab-sebab pertambahan penduduk di Sabah.

Statistik yang digunakan di dalam ucapan oleh Ahli Yang Berhormat adalah merujuk kepada statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan. Statistik Jabatan Perangkaan disediakan melalui bancian penduduk yang dibuat pada setiap 10 tahun dan anggaran penduduk pada setiap tahun. Statistik ini adalah merangkumi semua kategori penduduk sama ada warga negara dan juga orang-orang asing mengikut bilangan isi rumah pada hari bancian itu diadakan.

Dari segi liputan bancian Jabatan Statistik, orang asing yang telah atau menetap selama enam bulan atau lebih di Malaysia diambil dalam kiraan banci. Manakala mereka yang menetap kurang daripada enam bulan tidak dimasukkan dalam kiraan banci. Kutipan maklumat berhubung kumpulan etnik dan taraf kewarganegaraan adalah berdasarkan pengenalan diri. Jawapan yang diberi oleh individu dan tidak berasaskan kepada sumbangan dokumen rasmi yang dikeluarkan oleh agensi bertanggungjawab. Melalui maklumat-maklumat jabatan statistik, perbandingan jumlah penduduk dari tahun 1970 hingga tahun 2000 telah menunjukkan peningkatan empat kali ganda. Malah mengikut laporan statistik penduduk negeri Sabah pada tahun 2006 telah dianggarkan meningkat kepada 2.9 juta.

Tuan Yang di-Pertua, bidang tugas dan tanggungjawab Jabatan Pendaftaran Negara ialah mendaftar kelahiran, kematian anak angkat, perkahwinan, kad pengenalan dan juga kewarganegaraan. Selain daripada pengeluaran dokumen-dokumen yang disahkan oleh undang-undang berkaitan, Jabatan Pendaftaran Negara juga menyimpan rekod-rekod yang pada ketika ini dilaksanakan oleh sistem pengkomputeran. Dari segi sejarah pula selepas kemasukan Sabah ke dalam Malaysia memang terdapat beberapa kelemahan di dalam sistem merekodkan dan mendokumenkan penduduk Sabah kerana sebahagian daripada penduduk-penduduk yang berada di kawasan pedalaman yang tidak dapat dihubungi oleh jalan darat, tidak dapat didaftarkan sama ada sijil kelahiran atau kad pengenalan.

Sebagai contohnya pada tahun 1971, rekod yang disimpan oleh Jabatan Pendaftaran Negara, bilangan penduduk warga negara adalah seramai 677,271 pemastautin tetap, sementara 2,433,433 orang pemastautin sementara, manakala 7,154 dan lain-lain, 9,768.

Jumlah penduduk keseluruhannya ialah 716,626. Jumlah ini hampir sama dengan jumlah penduduk Sabah yang dikeluarkan oleh Jabatan Statistik pada tahun 1970 seramai 653,264 orang. Sebagaimana yang dinyatakan di atas, maka asas jumlah pendidikan

negeri Sabah sama ada pada tahun 1970 atau 1971 tidak menggambarkan jumlah semua penduduk di negeri Sabah keseluruhannya kerana penduduk di kawasan luar bandar atau di pedalaman tidak berkesempatan direkodkan.

Berikutan kelemahan ini serta desakan daripada penduduk pedalaman serta hak yang perlu dipenuhi sebagai rakyat negara ini, pihak kerajaan telah berusaha melalui Unit Bergerak Jabatan Pendaftaran Negara yang ditubuhkan khas bagi membantu penduduk tersebut mendapatkan dokumen Sijil Kelahiran dan Kad pengenalan.

Mengikut rekod yang terdapat di Jabatan Pendaftaran Negara, jumlah penduduk Sabah yang mempunyai kad pengenalan dan sijil kelahiran pada tahun 2006 adalah seramai 2,011,602 orang. Daripada jumlah tersebut, mereka yang memperoleh dokumen daftar lewat kelahiran ialah seramai 740,381 orang. Daripada jumlah tersebut, seramai 523,785 adalah mereka yang dilahirkan sebelum tahun 1971.

Jika sekiranya jumlah daftar lewat diambil kira maka penduduk Sabah tahun 1971 adalah lebih 1 juta orang. Jika maklumat penduduk Sabah pada tahun 1971 adalah lebih satu juta, purata pertambahan penduduk sehingga tahun 2006 adalah antara 1.5% sehingga 2.5% setahun kadar peratusan ini adalah sama seperti negeri-negeri yang lain di Semenanjung.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi sejarah perundangan kewarganegaraan pula, sebelum tahun 1948, Tanah Melayu pada ketika itu tidak mempunyai undang-undang khusus mengenai kewarganegaraan. Ini kerana pihak Inggeris telah mengamalkan Dasar Pintu Terbuka dan membawa rakyat asing untuk bekerja di Tanah Melayu serta di Sabah dan Sarawak. Jawatankuasa yang bertanggungjawab merangka Perlembagaan Tanah Melayu telah menyediakan syarat-syarat mengenai kewarganegaraan Malaysia dengan mengambil kira persoalan yang ditimbulkan oleh tentangan terhadap rakyat, syarat kerakyatan dalam Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 yang terkandung di dalam Fasal 125 hingga 133.

Dua kaedah bagi mendapatkan kewarganegaraan ialah kaedah naturalisasi dan pendaftaran golongan yang memperoleh kewarganegaraan mengikut undang-undang ialah:

- (i) Orang Melayu di bawah naungan Raja atau Sultan;
- (ii) Semua Orang Asli yang dilahirkan di dalam sebuah negeri;
- (iii) Semua warganegara British yang dilahirkan di Pulau Pinang dan Melaka; dan
- (iv) Orang Melayu yang dilahirkan di negeri-negeri naungan Inggeris atau Negeri-negeri Selat dengan syarat ibu bapanya dilahirkan di negeri-negeri Melayu atau telah mendapat taraf kewarganegaraan.

Bagi salah satu usaha untuk mengurangkan ketegangan hubungan kaum pada tahun 1952, undang-undang kerakyatan baru telah ditubuhkan pada tahun 1952 iaitu:

- (i) kerakyatan negeri, sembilan Negeri-negeri Melayu;
- (ii) kerakyatan United Kingdom dan tanah jajahan.

Pembentukan Perlembagaan Persekutuan 1957 telah membatalkan PTM 1948. Walau pun begitu, undang-undang kandungan kewarganegaraan PTM 1948 telah diambil kira dalam menggubal Perlembagaan Persekutuan 1957. Rang Perlembagaan yang dikemukakan oleh Suruhanjaya Reid pada bulan Februari 1957 telah mendapat bantahan terhadap pemberian dua taraf kerakyatan. Setelah pihak jawatankuasa kerja menyemak dan mengkaji semula peruntukan perlembagaan maka penentuan kelayakan kewarganegaraan Malaysia telah dipersetujui mengikut dasar dan kaedah berikut:

- (i) undang-undang tempat lahir atau *jus-soli*;
- (ii) undang-undang keturunan darah atau '*jus-signatures*';
- (iii) perkahwinan;

- (iv) bermastautin;
- (v) percantuman wilayah; dan
- (vi) masukkan atau naturalisasi.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan saya menjelaskan undang-undang di atas, semata-mata ingin memaklumkan bahawa orang asing yang memasuki negeri ini boleh menjadi warganegara melalui cara yang dinyatakan. Bagi negeri Sabah, faktor penyumbang pertambahan penduduk ialah melalui peruntukan percantuman wilayah iaitu pendudukan di bawah Perkara 14(1)(a) Seksyen 2 Jadual Kedua, Bahagian Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan berhubung syarat menjadi warganegara kerana percantuman wilayah.

Selain daripada itu, perkahwinan orang-orang tempatan dengan orang asing yang memasuki negeri Sabah juga menjadi faktor penting pertambahan penduduk Sabah. Sebagai contoh, bilangan kanak-kanak yang dilahirkan di Sabah hasil daripada perkahwinan wanita Sabah yang berkahwin dengan suami pemastautin tetap atau orang asing yang suami warganegara dengan isteri pemastautin tetap atau orang asing adalah 85,451 orang. Mereka yang dilahirkan di bawah kategori ini adalah warganegara mengikut perjalanan undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini pihak kementerian sedar masalah kebanjiran pendatang asing tanpa izin di Sabah. Sebagai usaha awal pihak kementerian telah merangka dan mencadangkan pelan tindakan yang bersepadu dan saya percaya jika Kementerian Keselamatan Dalam Negeri diberi mandat tersebut, maka saya yakin masalah pendatang asing di Sabah akan dapat diselesaikan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Terima kasih Setiausaha Parlimen. Yang Berhormat bagi Bukit Bintang sila.

**NG SWEE LIANG  
DIANIYAI OLEH MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

**5.45 ptg.**

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin membangkitkan di Dewan yang mulia ini bagaimana sebuah keluarga telah dianiyai oleh Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Ampang Jaya dan Pengarah Penilaian dan Pengurusan Harta MPAJ.

Tuan Yang di-Pertua, Encik Ng Swee Liang berumur 64 tahun, seorang warganegara Malaysia yang lahir di No. Lot 90, Main Street, Ampang, Kuala Lumpur. Kini alamat tersebut dikenali sebagai No. 90, Jalan Utama Pekan Ampang, Selangor. Beliau memusakai rumah kedai di alamat tersebut sejak datuknya, lalu turun kepada ibu bapanya dan bapa saudaranya.

Seluruh usia dihabiskan di rumah kedai tersebut dan perniagaan terakhir ialah pembinaan *marble polish*. Semenjak dahulu, keluarga adalah pemohon hak milik atas tersebut Lot PT 8015(90), Jalan Utama Pekan Ampang, Selangor tetapi ditolak kerana tapak tersebut terlibat dalam rizab jalan yang mana Surat Hak Milik tidak boleh dikeluarkan oleh Jabatan Tanah dan Galian.

Namun demikian, keluarga adalah pembayar Cukai Pintu kepada Majlis Perbandaran Ampang Jaya atas nama bapa saudara, Low Kee Teck, No. Akaun 13003002390 dan jumlah Cukai Pintu berbayar ialah RM672.60 setahun sehingga 26 Januari 2005. Apabila secara tiba-tiba MPAJ membatalkan fail cukai pintunya dan beliau tidak boleh membayar Cukai Pintu lagi.

Beliau telah memaklumkan bahawa tanah tersebut sudah menjadi milik MPAJ menerusi Surat Hak Milik HS(D)98313 bertarikh 17 Disember 2004 dan timbul tanda tanya,

bagaimana MPAJ boleh mendapatkan hak milik tanah tersebut walau pun dalam Surat Hak Milik yang dipegang oleh MPAJ masih juga ditandai rizab jalan dan MPAJ bersama pemaju swasta, Ampang Gemilang Sendirian Berhad merancang untuk membina kedai, pejabat empat tingkat atas lot tersebut.

Beliau tidak faham mengapa Pegawai Tanah dan Galian boleh mendiamkan diri tidak menyuarakan bahawa beliau dan keluarga sudah mendiami tanah tersebut lebih lama sebagai penduduk asal tetapi masih meluluskan tanah tersebut kepada MPAJ sedangkan permohonan ditolak.

Tuan Yang di-Pertua, maka pada 13 Mac 2006 telah menerima notis yang telah dikeluarkan oleh MPAJ di bawah Akta Jalan Parit dan Bangunan, Tahun 1974, Seksyen 72(1) memberi notis kepadanya supaya merobohkan bangunan atas tanah tersebut dalam tempoh tiga hari sahaja tanpa ada perundingan tempat tinggal baru atau ganti rugi kerana beliau membayar cukai pintu selama ini tanpa tertunggak.

Sungguh sedih Encik Ng Swee Liang yang tidak pandai atau tidak fasih bahasa Melayu, gagal untuk mendapat balik tanah yang didiami oleh keluarganya atau pun memberi peluang kepada beliau membeli balik tanah supaya beliau dan keluarga boleh terus tinggal dan berniaga di situ. Beliau pernah ditawarkan oleh pemaju Ampang Gemilang Sendirian Berhad menerusi pertemuan yang diatur oleh Pengarah Penilaian dan Pengurusan Harta MPAJ untuk menjual tanah tersebut sebanyak RM1.4 juta iaitu satu harga yang jauh lebih tinggi dari harga pasaran harta tanah di situ.

Beliau terpaksa meminta bantuan banyak pihak dengan Persatuan Penduduk, mengadu kepada wakil-wakil rakyat kawasan Ampang tetapi kesemuanya tidak berhasil. Malah saya pernah menulis kepada Yang Dipertua MPAJ pada 13 Mac 2006 merayu supaya Encik Ng Swee Liang dibenarkan mendiami tanah tersebut atau diberikan pampasan atau ganti rugi tetapi surat saya tidak dijawab atau dilayan. Bahkan surat daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor pun tidak dilayan setelah saya mengadu kepada Pejabat Menteri Besar, di Shah Alam.

Tuan Yang di-Pertua, maka pada pagi 23 Mei 2006, Pasukan Penguat Kuasa MPAJ telah datang dan bertindak merobohkan bangunan tanpa belas kasihan walaupun pembantu saya, keluarga terbabit dan penduduk-penduduk tempatan cuba menghalang tetapi tidak berjaya. Pegawai-pegawai MPAJ gembira bila bangunan lama ini dirobohkan. Maka mudahlah niat mereka untuk membina bangunan baru dan mengambil kesempatan atas projek setelah dirobohkan.

Keluarga ini tidak tahu ke mana hendak pergi. Tempat tinggal telah hilang tanpa diberi pampasan, ganti rugi atau rumah lain sebagai ganti. Adakah perbuatan Pegawai-pegawai MPAJ yang mencerminkan perasaan kemanusiaan yang tinggi sehingga tergamak merobohkan rumah kedai penduduk asal walaupun sudah membayar cukai pintu berpuluh-puluh tahun. Namun akhirnya dengan kesedihan yang menyayat hati diperlakukan seperti haiwan, malah anjing yang ditangkap ada tempat tinggalnya. Inilah manusia yang tidak bersalah sehingga sekarang pun keluarga yang masih menunggu di tapak kedai yang di roboh, tidak tahu apa hendak buat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin agar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab jangan pandang ringan sumpahan rakyat miskin tidak berdaya yang dianiayai oleh MPAJ. Kata mereka, "Tuhan pasti membalas pegawai-pegawai kerajaan yang angkuh dan sombong ke atas rakyat". Saya mohon tanah tersebut dikembalikan kepada keluarga yang berhak ini ataupun diberikan tapak kedai dan rumah baru untuk mereka meneruskan kehidupan masa depan.

Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sila Timbalan Menteri.

**6.52 ptg.**

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Robert Lau Hoi Chew]:** Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat, Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) adalah pemilik kepada tanah tersebut di mana Majlis

Mesyuarat Kerajaan Negeri yang ke 6/2004, pada 4 Februari 2004 telah meluluskan pembermilikan tanah tersebut kepada MPAJ. Premium yang dikenakan berdasarkan Borang 5A bertarikh 24 Julai 2004 adalah sebanyak RM222,054.00 dan telah membayar premium pada 30 September 2004 dan surat hak milik telah dikeluarkan pada 4 Februari 2005 atas nama Majlis Perbandaran Ampang Jaya.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, di atas tapak tanah tersebut terdapat bangunan usang yang digunakan sebagai tempat simpanan barang dan di dalam keadaan yang tidak terurus. Oleh yang demikian, Majlis Perbandaran Ampang Jaya melalui Mesyuarat Penuh Bil 11/2005 bertarikh 19 Disember 2005 telah bersetuju untuk membangunkan tapak tersebut dengan membina satu unit kedai pejabat empat tingkat secara usaha sama.

Notis mengosongkan tapak telah dikeluarkan pada 13 Mac 2006 di mana Encik Ng Swee Liang telah merayu agar notis tersebut dibatalkan dan memohon untuk mendapat hak milik tanah tersebut. Beberapa siri perbincangan telah diadakan dan telah dimaklumkan bahawa tanah tersebut adalah tanah beri milik kepada MPAJ. Walau bagaimanapun, pemohon enggan keluar walaupun beberapa kali penangguhan dibuat. Kerja-kerja perobohan hanya dibuat pada 23 Mei 2006.

Selain itu, itu yang berkaitan kenaaan cukai taksiran atau Cukai Pintu, semakan yang dijalankan mendapati mengikut peruntukan seksyen 163(1) Akta Kerajaan Tempatan 1976 iaitu:

*"Mengenai bangunan yang terletak di atas tanah kerajaan negeri atau di atas tanah yang dirizabkan untuk sesuatu maksud awam dan yang tidak diduduki oleh Kerajaan Persekutuan atau kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan boleh, dengan kelulusan pihak berkuasa negeri, mengenakan kadar yang tersebut dalam Seksyen 127 ke atas nilai tahunan atau nilai tambah semua atau mana-mana bangunan itu dan penduduk-penduduk bangunan itu adalah bertanggungjawab membayar kadar tersebut".*

Di samping itu juga, semakan ke atas rekod harta mendapati bahawa cukai adalah atas nama Low Kee Teck dan bukan Ng Swee Liang. Cukai telah dikenakan sejak Januari 1990. Walau bagaimanapun, bayaran hanya dibuat untuk tempoh 1990 hingga 1991 sahaja dan tiada bayaran dibuat sehingga 10 tahun kemudian. Bayaran seterusnya hanya dijelaskan pada 31 Oktober 2001 selepas pertukaran alamat surat-menyurat dibuat kepada No. 63, Jalan Bunga Kemboja 3, Taman Muda, Ampang.

Semakan ke atas harta No. 63, Jalan Bunga Kemboja 3, Taman Muda, Ampang, mendapati bahawa pemilik bagi rumah tersebut adalah Ng Swee Liang dan beliau melalui Borang Akaan Pemunya/Penduduk bertarikh 31 Mei 1995 mengaku menduduki rumah beralamat No. 63, Jalan Bunga Kemboja 3, Taman Muda, Ampang sejak Oktober 1989. Oleh yang demikian pihak Majlis meragui kenyataan bahawa beliau kehilangan tempat tinggal disebabkan oleh kerja-kerja perobohan tersebut.

Walaupun bagaimanapun, pada masa ini pihak MPAJ sedang membuat pertimbangan untuk menjual tanah tersebut kepada pemohon. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, urusan kita selesai. Dewan yang mulia ini ditangguh sehingga jam 10.00 pagi esok.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 6.00 petang.***